



DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS

PENGGAL PERTAMA

MESYUARAT KETIGA

SHAH ALAM, 28 NOVEMBER 2013 [KHAMIS]

Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi

YANG HADIR

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)
(Tuan Speaker)

Y.A.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim
P.S.M., S.P.M.S., D.S.A.P. (Pelabuhan Klang)
(Dato' Menteri Besar Selangor)

Y.B. Dato' Teng Chang Khim D.P.M.S.
(Sungai Pinang)

Y.B. Tuan Iskandar bin Abdul Samad (Chempaka)

Y.B. Puan Rodziah binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Tuan Sallehen bin Mukhyi (Sabak)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Puan Dr. Halimah binti Ali (Selat Klang)

Y.B. Tuan Ganabatirau A/I Veraman (Kota Alam Shah)

Y.B. Puan Dr. Daroyah binti Alwi (Sementa)

Y.B. Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi (Sijangkang)

Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad (Seri Setia)
(Timbalan Speaker Dewan Negeri)

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

Y.B. Tuan Dr. Abd Rani bin Osman (Meru)

Y.B. Tuan Dr. Yaakob bin Sapari (Kota Anggerik)

Y.B. Tuan Dr. Xavier Jayakumar A/I Arulanandam (Seri Andalas)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Mat Shuhaimi bin Haji Shafiei (Sri Muda)

Y.B. Tuan Amirudin bin Shari (Batu Caves)

Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)

Y.B. Tuan Khasim bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)

Y.B. Tuan Hasbullah bin Mohd Ridzwan (Gombak Setia)

Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Puan Noor Hanim binti Ismail (Seri Serdang)

Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

Y.B. Tuan Dr. Idris bin Ahmad (Ijok)

Y.B. Tuan Ir. Haji Mohd Haslin bin Haji Hassan (Tanjung Sepat)

Y.B. Puan Yeo Bee Yin (Damansara Utama)

Y.B. Tuan Razaly bin Hassan (Dusun Tua)

Y.B.Tuan Tan Pok Shyong (Pandamaran)

Y.B. Tuan Zaidy bin Abdul Talib (Taman Templer)

Y.B. Puan Lai Nyuk Lan (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Mohd Khairuddin bin Othman (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Ng Tien Chee (Balakong)

Y.B. Tuan Mohd Shafie bin Ngah (Bangi)

Y.B. Tuan Lee Chin Cheh (Kajang)

Y.B. Tuan Hasnul bin Baharuddin (Morib)

Y.B. Tuan Loh Chee Heng (Teluk Datuk)

Y.B. Tuan Rajiv A/I Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Puan Tiew Way Keng (Teratai)

Y.B. Dato' Mohd. Shamsudin bin Lias
D.P.M.S., J.S.M., S.S.A. (Sungai Burong)

Y.B. Dato' Haji Amiruddin bin Setro
D.P.M.S., A.S.A. (Jeram)

Y.B. Datuk Abdul Shukur bin Haji Idrus
PGDK., K.M.N., S.I.S., A.S.D.K. (Kuang)

Y.B. Datuk Haji Johan bin Abd Aziz
D.M.S.M., A.M.S., J.P. (Semenyih)

Y.B. Tuan Sulaiman bin Abdul Razak
S.M.S., P.P.N. (Permatang)

Y.B. Datuk Rosni binti Sohar
D.M.S.M., P.J.K. (Hulu Bernam)

Y.B. Tuan Jakiran bin Jacomah
A.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Bukit Melawati)

Y.B. Puan Halimaton Saadiah binti Bohan
A.M.N., A.M.S., P.J.K. (Kota Damansara)

Y.B. Tuan Kamarol Zaki bin Haji Abdul Malik P.J.K.
(Sungai Air Tawar)

Y.B. Tuan Budiman bin Mohd Zohdi (Sungai Panjang)

Y.B. Tuan Mat Nadzari bin Ahmad Dahlan (Batang Kali)

Y.B. Tuan Shahrum bin Mohd Sharif (Dengkil)

TURUT HADIR

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Haji Mohammed Khusrin bin Haji Munawi DSIS., ASA., PPT.
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

Y.B. Datin Paduka Zauyah Be binti T. Loth Khan, DPMS., DMSM., DSM., AMN.
Penasihat Undang-undang Negeri Selangor

Y.B. Dato' Noordin bin Sulaiman, DPMS., SIS.
Pegawai Kewangan Negeri Selangor

TIDAK HADIR

Y.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Bukit Antarabangsa)

Y.B. Puan Haniza binti Mohamed Talha (Taman Medan)

PEGAWAI BERTUGAS

Puan Elya Marini binti Darmin
Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)

Puan Noor Asdiana binti Abd Kadir
Ketua Penolong Setiausaha

Puan Mazian binti Manan
Penolong Setiausaha

Puan Noor Diana binti Razali
Penolong Setiausaha

Encik Zawawi bin Mohd. Arif
Penolong Setiausaha

Puan Siti Salina binti Muftar
Setiausaha Pejabat

Encik Ismail bin Habib
Bentara

Puan Hajah Noridah binti Abdullah
Encik Ahmad Hafizan bin Yusoff
Pelapor Perbincangan

[Dewan disambung semula]

[Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat]

SETIAUSAHA DEWAN: *Bismillahi Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh* dan salam sejahtera. Aturan urusan Mesyuarat Ketiga Penggal Pertama Dewan Negeri Selangor Ketiga belas pada hari yang kelapan 28 November 2013 dimulakan dengan bacaan Doa.

I. DOA

SETIAUSAHA DEWAN: Aturan Mesyuarat seterusnya. Pertanyaan-Pertanyaan.

II. PERTANYAAN-PERTANYAAN

TUAN SPEAKER: Selamat Pagi semuanya. Soalan seterusnya Kinrara.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULIT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SZE HAN
(KINRARA)**

TAJUK: TAHUN MELAWAT MALAYSIA 2014

110. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Senaraikan lima negara yang mencatatkan jumlah pengunjung tertinggi melancong ke Selangor dalam tiga tahun yang lepas.
- b) Menjelang Tahun Melawat Malaysia 2014, apakah rancangan kerajaan negeri dalam mempertingkatkan lagi sektor pelancongan negeri Selangor?
- c) Sila nyatakan lima destinasi pelancongan utama di Selangor.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Terima kasih Kinrara. Saya akan jawab bersekali dengan jawapan soalan 184 daripada Yang Berhormat Bukit Melawati. Lima negara yang mencatatkan jumlah pengunjung tertinggi yang datang melancong ke Selangor untuk tahun 2010 sehingga 2013 adalah seperti berikut:-

1. Singapura
2. Negara China
3. Thailand
4. Indonesia dan
5. India.

Dan menjelang Tahun Melawat Malaysia 2014 kita telah merancang berbagai aktiviti dan juga acara dan ini adalah melalui Tourism Selangor dan dengan kerjasama pihak swasta dan juga pihak PBT. Antara rancangan yang kita buat untuk mempertingkatkan sektor pelancongan menjelang Tahun Melawat Malaysia 2014 adalah:

1. Promosi. Kita buat program promosi bukan sahaja di luar negara tetapi juga dalam beberapa negeri-negeri di Malaysia.
2. Melalui *website, twitter, facebook* dan sebagainya kita ada mempromosikan produk-produk pelancongan negeri Selangor dan kita memastikan semua maklumat dipaparkan adalah terkini dan tepat.
3. *Farm Tripe* atau pun *pemelireasation farm tripe*. Torism Selangor mengadakan lawatan-lawatan untuk para media dan juga agensi-agensi pelancongan dalam dan luar negara bagi mempromosikan produk-produk pelancongan secara terus kepada *key players* dengan izin.
4. Acara-acara pelancongan. Antaranya yang akan diadakan dalam tahun 2014, adalah sebagai contohnya. *Malaysian Remain Marathon, Festival Born Ordery, Raja Muda Regatha, Karnival Satay Kajang, Selangor Photo Karnival, My Selangor Storey, Torism Selangor Brakeaway, Urban Cakes dan Tourism Selangor Lake out*. Pada masa yang sama kita juga ada package-package pelancongan khas yang kita telah rancang untuk Tahun Melawat Malaysia 2014 dan saya telah tetapkan brosur khas yang kita telah sediakan untuk tahun 2014 dan beg-beg ini ada berbagai risalah termasuk *package* khas pelancongan 2014.
5. Kita juga ada rak risalah pelancongan yang akan diberi kepada hotel-hotel dan juga agensi-agensi pelancongan sebagai media mempromosikan pelancongan di negeri Selangor. Lima destinasi pelancongan utama di Selangor adalah seperti berikut:
 1. Sunway Lagoon
 2. Batu Caves

3. Kelip-Kelip di Kampung Kuantan
4. I-City Shah Alam dan
5. Litar Formula One di Sepang

Dengan jumlah bilangan pelawat dari Januari sampai bulan ini seramai 6,751,350 orang. Bukit Melawati telah menyanya Kerajaan Negeri Selangor adakah kita turut sertai dalam Kempen Promosi Tahun Melawat Malaysia. Kerajaan Negeri Selangor bukan sahaja menyertai Kempen Promosi Tahun Melawat Malaysia, kita juga telah melancarkan boleh dikatakan kita antara daerah-daerah yang pertama melancarkan Program Melawat Malaysia 2014 di Sabak Bernam dan kita menyokong sepenuhnya program dan juga Kempen Promosi Tahun Melawat Malaysia. Sehingga pada satu Januari tahun depan kita juga ada beberapa program bersama dengan Kerajaan Pusat dan juga Yang Berhormat Menteri Pelancongan untuk melancarkan Program Kempen Tahun Melawat Malaysia di Lapangan-lapangan Terbang di negeri Selangor.

Peruntukan Kerajaan Negeri dalam memastikan produk-produk pelancongan dalam keadaan baik. Untuk tahun ini kita telah menggunakan RM2 juta untuk menyediakan beberapa tapak-tapak pelancongan utama untuk Tahun Melawat Malaysia dan untuk tahun depan 2014 kita sediakan peruntukan yang sama.

Akhirnya Tuan Speaker, lokasi-lokasi produk pelancongan yang disenaraikan dalam promosi tahun Melawat Malaysia 2014 adalah:

1. Kuala Selangor - Fire Fly Package
2. Hulu Selangor - *Bird Watching*
3. Sunway Lagoon dan Royal Klang *Town Discovery*
4. *Paraclayding* di Bukit Jugra
5. *Package-Package Homestay* khususnya di Sabak Bernam dan juga Kuala Selangor

Tambahan juga kita ada di I-city, *package* Keluarga di Kitzania, Petaling Jaya dan juga untuk Kebudayaan Orang Asli di Mimari, Kuala Langat.

TUAN SPEAKER: Soalan 111 telah dijawab bersekali dengan soalan 70. Soalan 112 telah dijawab bersekali dengan soalan 22. Soalan seterusnya Paya Jaras.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN
(PAYA JARAS)**

TAJUK: BANTUAN PENDIDIKAN ANAK SELANGOR

113. Dalam Pilihan raya ke-13 baru-baru ini, Pakatan Rakyat telah mewar-warkan bahawa sekiranya Pakatan Rakyat memenangi pentadbiran Putrajaya masa semua pinjaman di bawah skim PTPTN akan dihapuskan bagi membantu pelajar-pelajar dari menanggung beban hutang.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sebagai tanda kesediaan Kerajaan Pakatan Rakyat melaksanakan misi tersebut apakah Kerajaan Negeri Selangor akan menghapuskan semua pinjaman pelajaran di bawah yayasan Selangor?
- b) Apakah Kerajaan Selangor mengiktiraf bantuan pendidikan kepada anak-anak di Selangor yang mempunyai nombor kod kad pengenalan di bawah kod 71?

Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI: *Bismillahi Rahmanir Rahim. Assalamualaikum* dan Selamat Sejahtera. Terima kasih Tuan Speaker, terima kasih Paya Jaras. Soalan Paya Jaras ialah mengenai tentang dalam pilihan raya ke 13, Pakatan Rakyat mewar-warkan sekiranya Pakatan Rakyat memenangi pentadbiran Putrajaya, maka semua pinjaman di bawah skim PTPTN akan dihapuskan bagi membantu pelajar menanggung beban hutang. Jadi Paya Jaras bertanya, sebagai tanda kesediaan Kerajaan Pakatan Rakyat melaksanakan misi tersebut adakah Kerajaan Negeri Selangor akan menghapuskan semua pinjaman pelajaran di bawah Yayasan Selangor. Untuk makluman Paya Jaras, pinjaman pelajaran untuk Yayasan Selangor telah kita berhentikan tahun 2012 dan diambil oleh SUK. Paya Jaras pun sedia maklum bahawa Pakatan Rakyat mewar-warkan sekiranya kita memenangi pentadbiran Putrajaya kita melihatkan bajet dari Putrajaya berapakah bajet Putrajaya, berapakah pula bajet Kerajaan Negeri Selangor. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat pinjaman Pelajaran yang ditawarkan oleh Kerajaan Negeri Selangor yang tanpa faedah, tanpa riba ini ialah hanya sekelumit sahaja untuk bagi pelajar-pelajar IPT sepatutnya semua mengenai tentang pembiayaan IPT ini Institut Pengajian Tinggi ini sepatutnya adalah tanggung jawab Kerajaan Pusat. Apa pun kita memberikan sedikit di bawah kalau sebelum ini Yayasan Selangor tetapi kita mahu Yayasan Selangor menumpukan kepada Sekolah Menengah. Kita memberikan dermasiswa dan biasiswa kecil maknanya bukan pinjaman di bawah Yayasan Selangor sekarang ini.

Yang kedua, ini lebih menarik di mana Paya Jaras mengatakan apakah Kerajaan Selangor mengiktiraf bantuan pendidikan kepada anak-anak di Selangor yang mempunyai nombor kod kad pengenalan di bawah kod 71. Jawapan saya ialah ya. Tetapi sekiranya pelajar-pelajar Selangor itu pertama pemohon adalah hanya warga Negara Malaysia. Memang icnya kod 71 tetapi mestilah kepada warga Negara Malaysia sahaja. Ini di dalam syarat yang telah kita masuk dalam warta kerajaan Selangor Ahli Yang Berhormat boleh lihat dan juga pemohon mestilah terdiri daripada rakyat Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor yang memenuhi kriteria seperti berikut:

Pertama, pemohon lahir di Selangor atau ibu atau bapa pemohon lahir di negeri Selangor atau pemohon tidak lahir di Selangor tetapi telah menetap dan bersekolah di negeri Selangor melebihi tempoh 11 tahun selain daripada itu kita ada syarat-syarat yang lain tapi saya rasa inilah yang ditanyakan oleh Paya Jaras. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Soalan 114 telah dijawab bersekali dengan soalan 95. Soalan seterusnya Kajang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LEE CHIN CHEH
(KAJANG)**

TAJUK: SISTEM PENGANGKUTAN AWAM

115. Perkhidmatan pengangkutan awam terutamanya perkhidmatan bas tidak memasuki kawasan perumahan dalam ADUN Kajang

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sama ada Kerajaan Negeri akan membuat ketetapan supaya laluan perkhidmatan pengangkutan awam patut melingkungi kawasan perumahan yang padat penduduk terutama sekali kawasan perumahan kos sederhana dan sederhana rendah.

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Tuan Speaker, Kajang bertanya tentang pengangkutan awam. Kerajaan Negeri Selangor berpendirian bahawa laluan perkhidmatan awam memang sepatutnya melingkungi kawasan awam dan padat penduduk terutamanya di kawasan-kawasan perumahan. Oleh yang demikian, rancangan untuk mengadakan bas komuniti dan sedang dilaksanakan oleh pihak PBT akan mengambil kira faktor dan ketetapan seperti berikut:

1. Kawasan kepadatan penduduk yang tinggi
2. Kawasan berpendapatan sederhana
3. Kawasan yang tiada perkhidmatan bas ke pusat bandar dan pusat tumpuan
4. Keutuhan kepada warga emas, golongan OKU dan kanak-kanak.
- 5.

Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Soalan tambahan. Rawang.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Rawang ingin bertanya sejauh manakan keberkesanan Bas Komuniti yang dijalankan khasnya saya difahamkan sebelum ini di MBPJ yang mana difahamkan kadar penggunaannya juga agak rendah apakah sebab berlaku fenomena seperti ini dan saya difahamkan pada tahun depan dengan penubuhan Majlis Pengangkutan Negeri Selangor akan ada satu pelan juga untuk setiap PBT ini. Jadi apakah cadangan pembaikan supaya sebenarnya mereka yang amat memerlukan bantuan atau pun sistem pengangkutan awam ini atau pun bas sebenarnya adalah golongan yang daripada duduk dalam kawasan yang dengan pendapatan kos rendah.

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Saya rasa beberapa faktor yang mungkin menjadi yang dapat pada hari ini responsnya tidak begitu menggalakkan adalah satu, mungkin berkaitan promosinya, ramai yang tidak mengetahui dan yang kedua mungkin dari segi kedudukan atau pun tempat itu sendiri yang mana sebahagian besarnya kalau yang di kawasan Petaling Jaya ini mereka yang mempunyai kedudukan yang lebih baik, mempunyai kenderaan sendiri. Yang ketiga mungkin dari segi faktor masa yang kita letakkan mungkin masa ini sebahagiannya daripada mereka untuk keperluan penggunaan ini adalah rendah. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Soalan seterusnya Sungai Air Tawar.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK
(SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK: MEMBANTERAS HAIWAN PEROSAK.

116. Monyet, lotong dan khinzir antara haiwan perosak yang sering mengganggu tanaman pekebun.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah kerajaan negeri bercadang untuk mengatasi masalah ini?
- b) Adakah kerajaan ada menyediakan peruntukan untuk mengatasi masalah ini?
- c) Apakah tindakan kerajaan untuk mengatasi masalah haiwan perosak yang telah sekian lama mendatangkan kerugian dari hasil tanaman mereka?

Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI: Terima kasih kepada Sungai Air Tawar, Tuan Speaker. Sungai Air Tawar ingin bertanya berkaitan dengan cara mengatasi haiwan perosak seperti monyet, lotong, dan khinzir dan sebagainya. Soalan pertama ialah adakah kerajaan negeri bercadang untuk mengatasi masalah ini. Memang kerajaan negeri sentiasa berazam dan bersama-sama untuk mengatasi masalah ini kerana ia mengganggu gugat aktiviti ekonomi dan kesejahteraan rakyat di negeri ini. Kedua, adakah kerajaan ada menyediakan peruntukan untuk mengatasi masalah ini. Jabatan Perkhidmatan Veterinar tidak mempunyai kepakaran mahupun peruntukkan khusus untuk mengatasi masalah ini kerana skop tanggung jawab dan tugas Jabatan Perkhidmatan Veterinar adalah kepada haiwan yang diperlihara dengan izin *domesticated animal*. Perkara ini sebaiknya di pertanggungjawabkan kepada Jabatan Hidupan Liar dan Taman Negara iaitu PERHILITAN. Seterusnya soalannya ialah apakah tindakan kerajaan untuk mengatasi masalah haiwan perosak yang telah sekian lama mendatangkan kerugian dari hasil tanaman mereka. Pertama sekali kita akan kita bersedia memberikan khidmat rundingan melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar untuk bekerjasama dengan Jabatan PERHILITAN supaya masalah haiwan perosak ini dapat di atasi. Yang keduanya pihak jabatan juga sebenarnya telah mencipta sejenis perangkap yang boleh digunakan untuk memerangkap binatang-binatang ini seperti monyet atau pun lotong dan yang ketiga, pihak jabatan sendiri sebenarnya telah menyedia, telah mencipta satu alat seperti bom gas yang mempunyai bunyi yang kuat yang boleh menghalau binatang-binatang ini tanpa membunuh, boleh menghalau daripada mengganggu. Jadi semua ini boleh didapati tetapi masih lagi dalam jumlah, jumlah *volume* terlalu terhad. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Soalan 117 telah dijawab bersekali dengan soalan 20. Soalan seterusnya Kampung Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Terima kasih Puan Speaker, soalan saya 118.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK: BILANGAN WANITA BEKERJA DI SELANGOR

118. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Bilakah dan adakah kerajaan akan menetapkan dasar yang lebih ketat terhadap pasaraya-pasaraya besar dan kawasan komersial untuk menyediakan tempat penyusuan ibu dan kemudahan taska, taski, tadika dan sebagainya?
- b) Nyatakan bilangan taska, taski dan tadika serta bilangan ibu yang telah menerima manfaat daripada program Tunas sejak permulaannya sehingga sekarang.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Terima kasih Kampung Tunku. Puan Speaker, bagi menjawab soalan ini yang berkaitan dengan bilangan wanita bekerja di Selangor. Sebahagian besar pasaraya besar dan kawasan komersial telah menyediakan tempat penyusuan ibu yang bersesuaian mengikut kemampuan peruntukan kewangan masing-masing sebagai tanda sokongan terhadap penyusuan ibu dan kemudahan tempat penyusuan ibu kepada para pengunjung dipasaraya dan di kawasan komersial yang berkaitan. Dia akan di lakukan berperingkat-peringkat bermula dengan usaha advorkesi dengan disusuli penubuhan dua ruang penyusuan yang selesa untuk ibu dan anak. Maklum balas dari pasaraya-pasaraya adalah berterusan yakni kita sentiasa memantau pasaraya-pasaraya ini untuk memastikan mereka meletakkan tempat penyusuan yang sesuai, yang belum ada di adakan, yang baru mesti diadakan. Jadi sebahagian besar pasaraya memerlukan jangkamasa enam bulan untuk kelulusan ubah suai dan juga untuk menyediakan lokasi yang sesuai beroperasi sebagai tempat penyusuan ibu. Ada juga yang telah menjadikan ia cara sukarela secara dasar dalam khidmat kepada pelanggan. Ia juga merupakan satu khidmat sosial korporat yang perlu digalakkan. Jadi menyediakan ruang penyusuan ibu ini di premis kerajaan juga adalah menjadi satu ketetapan yang ianya akan dimulakan bermula 2014. Dan pra-syarat telah pun dilaksanakan dengan bahagian pengurusan ianya bermula *Insyah-Allah* di bangunan SUK ini sendiri nanti, *Insyah-Allah*. Yang Keduanya tentang apakah bilangan,

Kampung Tunku tanya tentang bilangan taska, taski dan tadika serta bilangan ibu yang telah menerima manfaat. Jadi untuk itu saya telah menjawab untuk Skim Tunas pra sekolah 25, pra sekolah yang terlibat Taski 75, Tadika 40, lain-lain 119. Jadi jumlah keseluruhan institusi yang mendapat manfaat siri Tunas adalah 259. Malah, malang untuk siKembar untuk Taska untuk si kembar ini untuk anak-anak empat tahun, minta maaf dua bulan hingga empat tahun jadi jumlah Taska yang telah terlibat adalah sebanyak 193 Taska. Sekian, pengerusi. Tuan Speaker.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Kampung Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Terima kasih Tuan Speaker, terima kasih Yang Berhormat EXCO. Saya ingin bertanya soalan saya ialah tentang fasilitis penyusuan ibu di tempat-tempat yang lain yang saya tidak sebut di dalam soalan seperti dalam lapangan terbang dan sebagainya. Adakah kerajaan akan juga menetapkan supaya tempat-tempat awam ini juga perlu membina, menyediakan ruang yang sama dalam mendapat kebenaran merancang atau pun CFO ataupun CC mereka.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Apa yang dinyatakan untuk mengujudkan tempat penyusuan ini sebenarnya bukan sahaja tertakluk kepada pasaraya ianya juga termasuk tempat-tempat komersial dan juga tempat kemudahan awam. Maksudnya kalau lapangan terbang dan sebagainya di mana tempat publik atau orang awam berkunjung sudah pastinya ianya juga menjadi satu tempat yang kita ataupun yang disyaratkan untuk dilaksanakan program ini. Maksudnya bagaimana, di mana-mana juga tempat-tempat penumpuan rakyat itu kita mengusulkan supaya ujudnya tempat penyusuan ini. Kita harap tempoh yang saya sebut tadi enam bulan itu cukup membolehkan setiap pasaraya dan *comersial area* ini dengan izin memastikan kemudahan itu disediakan. Bukan apa sebab kita tahu sekarang ini kita baru mulakan, ya Kerajaan Selangor telah memulakan audit itu kita boleh memantau mana-mana pusat yang belum ada. Pertama dia punya tindakan adalah kita mengeluarkan satu surat mengatakan bahawa hasrat bahawa perlu dilaksanakan program ini. Selepas itu kita sentiasa berhubung supaya apakah masalah-masalah yang mengatakan ataupun yang menyebabkan tempat itu tidak dapat di adakan. Dan diskusi itu berterusan sehinggalah *Insyallah* jika ia perlu penglibatan atau pun penglibatan atau pun perancangan bersama dengan PBT kita akan mengusulkan perkara itu supaya PBT membantu pihak berkenaan. Terima kasih,

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Kampung Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Terima kasih kepada dan tahniah kepada kerajaan kerana telah melakukan inisiatif, memang ini merupakan satu trend yang makin berkembang, cuma soalan yang seterusnya ialah walaupun kemudahan ini disediakan di tempat-tempat awam di tempat-tempat komersial tetapi barangkali apa yang ada di dalam kemudahan ini berbeza-beza, berbeza-beza dari satu tempat ke satu tempat yang lain. Jadi apakah kerajaan memberi satu standard atau piawaian untuk menetapkan supaya semua pasaraya ataupun tempat komersial yang menyediakan kemudahan ini, dia menyediakan kemudahan yang setara, yang sama disemua tempat.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Buat masa ini tentang kemudahan yang standard itu tidaklah dinyatakan secara khusus tentang mungkin dari segi *layout* dan sebagainya, tapi yang disebutkan adalah kemudahan dimana ibu itu boleh menyusukan maknanya krusinya sesuai, lepas itu tempat persalinan ataupun untuk memudahkan beliau apa ini ibu-ibu bersalin lampin dan sebagainya maknanya itu sahaja. Kita juga tidak mensyaratkan tentang berapa luas dan sebagainya tidak ya. Tetapi *standard* yang kita letak disitu supaya tidak ada orang lain yang duduk di dalam sana istilahnya jangan lepak-lepaklah. Maknanya ianya adalah kemudahan untuk hanya penyusuan supaya ianya keadaannya yang tertutup dan kondusif untuk ibu menyusukan anak. Ini adalah di antara program supaya program penyusuan anak itu digalakkan daripada memberi susu botol ianya lebih baik daripada ianya dilaksanakan atau pun ianya tidak dapat malu ibu bapa, ibu-ibu itu nak menyusu jadi dengan adanya ruang ini mereka boleh menyusu badan di mana-mana tempat ruangan awam. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Kota Anggerik,

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Tuan Speaker. Soalan saya nombor 119.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(KOTA ANGGERIK)**

TAJUK: PENERIMAAN DAN PERBELANJAAN PERUNTUKAN MARRIS

119. Setiap tahun Kerajaan Negeri menerima bayaran peruntukkan MARRIS d dari Kerajaan Persekutuan.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah peruntukkan MARRIS yang telah diterima oleh Kerajaan Negeri Selangor dari Kerajaan Persekutuan tiap-tiap tahun dari tahun 2008 hingga 2012?
- b) Berapakah banyak dari peruntukan tersebut telah dibelanjakan mengikut tahun dari tahun 2008 hingga 2012?
- c) Berapakah peruntukan MARRIS yang patut dibayar kepada PBT mengikut PBT Negeri Selangor? Dan berapakah bayaran yang telah dibayar kepada PBT, mengikut PBT Negeri Selangor dari tahun 2008 hingga 2012.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: *Bismillahir rahmannir rahim.* Puan Speaker. Yang Berhormat Kota Anggerik ingin maklumat mengenai penerima dan perbelanjaan peruntukan MARRIS. Peruntukan MARRIS diterima oleh Kerajaan Negeri dari Kerajaan Persekutuan setiap tahun mengikut formula yang ditetapkan dalam perlembagaan, Untuk tahun dalam lima tahun yang lepas, 2008 sehingga 2012. RM300,000.00 2008, RM315 juta, RM300 juta pada 2008. RM315 juta pada 2009, RM351 juta pada 2010 dan RM368 juta pada 2011 dan RM416 juta pada 2012. RM1.7 ribu juta untuk dari 2008 ke 2012. Kita juga menentukan dan mengagihkan perbelanjaan ini pada 2008 kita telah membelanjakan 390 juta, 2009 328 juta, dan pada 2009 kita mula membuat peraturan supaya semua projek-projek MARRIS ini di tender dan hasilnya pada 2010 kita dengan projek yang kita rancang dia perbelanjaannya berkurang menjadi RM240 juta, 2011 RM218 juta dan selepas itu kita mula mengagihkan cara-cara pendapatan itu dan JKR diperuntukkan RM178 juta dan untuk PBT dari saya akan hantarkan data-data ini kepada Yang Berhormat kerana kita ada data-data terperinci daripada 2008 sehingga 2012 iaitu sekurang-kurangnya RM136 juta diagihkan kepada PBT-PBT berkenaan dan PBT-PBT ini telah menggunakan dana-dana ini dan pada tahun 2013 dan 2014 satu formula yang telah mula kita ingin lakukan iaitu peruntukan MARRIS berasaskan kepada dua ke tiga juta melalui ADUN untuk tapi dana itu ditempatkan ke pihak PBT berkenaan dan juga lebihannya ialah diagihkan berasaskan kadar jalan yang kadar panjang jalan. Kalau PBT yang mempunyai keadaan jalan yang dikenakan untuk dijaga adalah lebih panjang maknanya PBT tersebut akan mendapat peruntukan yang lebih bersesuaian dengan formula penyata rataan yang kita akan lakukan.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Kota Anggerik,

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Kalau kita lihat ada peningkatan dari segi sumbangan MARRIS ini adakah banyak lagi jalan-jalan di negeri Selangor ataupun

jalan-jalan baru yang masih belum daftar dengan MARRIS untuk membolehkan banyak lagi sumbangan boleh diterima melalui MARRIS.

Y.A.B DATO' MENTERI BESAR: Puan Speaker, Yang Berhormat Kota Anggerik, sekarang oleh kerana kita telah memperuntukkan tugas untuk menjaga jalan-jalan ini, kita juga meminta PBT merekodkan jalan-jalan yang mereka kena jaga, jadi oleh sebab itu mereka sekarang sangat berminat untuk mengetahui jalan-jalan tersebut sebab pemberian MARRIS adalah berasaskan kepada kepanjangan jalan, dan saya telah meminta JKR untuk membuat kaji selidik semua jalan-jalan termasuk jalan persekutuan, jalan negeri, jalan luar bandar semua itu kita buat kajian supaya kita mengetahui keadaan jalan-jalan tersebut. Sebenarnya *maintenances* penjagaan jalan-jalan ini tidak cukup kerana kita dapati jalan-jalan ini jika sudah dibuat dan digunakan lebih daripada 25 tahun dia perlu dibuat semula jadi dan terdapat beratus batu jalan-jalan di Selangor yang dia punya tarikh pembinaan itu lebih daripada 25 tahun yang tidak dipulihkan semula.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Soalan tambahan

TUAN SPEAKER: Bangi.

Y.B. TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH: Ha, disebut di Dewan ini sebentar tadi tentang dasar tender terbuka yang dibuat oleh Kerajaan Negeri sejak 2009, mohon penjelasan bagaimana? dasar ini membantu mengurangkan kos digunakan dan juga tanpa memberi kesan kepada keperluan baik pulih jalan di peringkat bawah dan bagaimana dasar ini berbeza dengan dasar terdahulu. Terima kasih.

Y.A.B DATO' MENTERI BESAR: Ha, Puan Speaker, dasar dahulu biasanya dilakukan melalui satu *negotiated tender*, *negotiated tender* ialah dikenal pasti orang yang akan melakukannya dan dilakukan perjanjian tentang pembuatan tersebut.

Kedua juga mereka memilih beberapa kontraktor yang diberikan nama dan kemudian dibenarkan untuk membuat apa yang dipanggil *close bidic* (tak jelas) dan lepas itu pemilihan tersebut dilakukan. Kajian kita menunjukkan oleh kerana keadaan ini berlaku dan oleh kerana atas dasar untuk menentukan projek ini berjaya pulangan kepada kontraktor hasil daripada kerjanya jauh lebih tinggi pulangan jika dibuat oleh pihak swasta untuk syarikat mereka, pulangan mereka sekurang-kurangnya 30% jadi kalau swasta pulangannya pun tidak lebih dari 8%, jadi oleh itu kita dapati satu keadaan yang berlumba-lumba untuk mendapat kontrak rundingan berlumba-lumba dan hasil daripada perlumbaan itu, berlumba-lumba juga menjualkan kontrak tersebut. Jadi kalau kita dapat 30% kita boleh jualkan kontrak itu dengan pulangan 10% jadi oleh sebab itu kita

dapat satu keadaan perbelanjaan yang tinggi jadi kita kemudian, saya mengadakan perbincangan jawapan dia ialah kalau kita tak buat macam ini, ada projek terbengkalai.

Jadi kita buat kes *study*, kes *study* menunjukkan di *lower bider* kita bagi berapa peratus (%) kah ? projek terbengkalai hasil daripada cara lama dengan cara baru, jawapannya *they is no corallines* [maksudnya cara lama pun siap, cara baru pun siap tak ada yang menyebabkan tak siap].

Jadi, oleh sebab itu, kita sudah pasti cara pemberian tender terbuka menggalakkan *bidder* yang sanggup membuat dengan kadar pulangan yang setaraf dengan pasaran swasta. Jadi, kerajaan negeri akan dapat pertambahan peruntukkan itu untuk kita buat lagi jalan-jalan yang lain, maaf Puan Speaker saya gunakan masa ini untuk menerangkan perkara ini tapi untuk menjelaskan perkara ini bahawa mengapa? kita ubah *modes operandi* pengurusan penjagaan jalan-jalan.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Soalan tambahan Puan Speaker.

TUAN SPEAKER: Ha, Sekinchan dahulu.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Puan Speaker, soalan tambahan saya Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar mengenai dengan MARRIS, saya tadi dengar berkaitan dengan penjelasan cara lama dengan cara baru dua-dua siap, tapi saya nak tahu bagaimana? kualitinya, bagaimana? kualitinya satu, dan yang kedua peruntukkan MARRIS ini adakah? ini wajibkan mesti dibelanjakan habis pada tahun tersebut ataupun boleh bawa ke depan. Ini sahaja terima kasih.

Y.A.B DATO' MENTERI BESAR: Sebenarnya piawaiannya itu sudah tersedia dalam *bil off quantity* maksudnya kalau dia ikut yang piawaiannya itu walau pun cara lama ataupun cara baru piawaiannya itu serupa dan cara pembayaran pun untuk persiapan itu serupa. Jadi tiada beza ada juga dan sama ada kualiti kontrol yang lama dan sekarang adalah berbeza, jawapan tiada beza terpulang kepada pegawai yang jaga kualiti kontrol, buat jalan pun ialah *is not high technology* ha itu saya tak (boleh jadi marah pula engineer... saya buat macam itu) *dia is not high technology*.

Kedua, soalan mengenai saya nak tanya soalnya..

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar wajib dibelanjakan habis ke peruntukan tahunan tersebut atau boleh dibawa ke depan.

Y.A.B DATO' MENTERI BESAR: Dua cara, Puan Speaker, satu ialah kita masukkan peruntukan ini dalam tabung dipanggil tabung penyelenggaraan jalan kita boleh, tak habis kita masukkan dalam tabung tersebut dan tabung itu boleh digunakan untuk tahun-tahun hadapan ataupun dia masuk dalam rizab lebihan itu masuk dalam rizab dan itu pun kita jaga kita boleh gunakan untuk masa depan, biasanya kita masukkan dalam tabung pembangunan, jadi duit tak hilang maknanya dia boleh dipantau kegunaannya.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Soalan tambahan Puan Speaker.

TUAN SPEAKER: Rawang.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Ha, ini berlanjutan daripada jawapan yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar tadi, Rawang menyambut baik tentang perencanaan kerajaan untuk mengadakan satu perancangan yang lebih *holistik* (dengan izin) untuk mengkaji keperluan jalan-jalan yang sedia ada, khasnya jalan negeri dan jalan persekutuan yang mana tempoh hayatnya sudah melepasi kapasiti jalan tersebut jadi saya ingin tanya sama ada jalan B22 (7) tu di Rawang itu yang tempoh hayatnya sudah melewati 20 tahun lebih akan dimasukkan dalam perancangan sebab sekarang menghadapi kesesakan lalu lintas yang teramat sangat disebabkan naik taraf di depan Rawang tol tu yang separuh jalan tidak dapat selesaikan isu kesesakan lalu lintas itu.

Dan keduanya berkenaan kegunaan MARRIS ini saya difahamkan bahawa cerun pembaikan cerun juga boleh dinaikkan taraf bawah MARRIS ini tetapi syaratnya adalah cerun yang enam (6) meter sahaja, kalau ikut peruntukan ini semua cerun di kawasan Majlis Perbandaran Selayang memang tidak layak sebab kita ada banyak kawasan sensitif alam jadi adakah? Kerajaan akan mengkaji balik atau peruntukan yang lain untuk membantu PBT dalam mengatasi isu kecerunan ini.

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat Rawang, kalau jalan spesifik satu jalan di Rawang macam mana Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar boleh jawab *one the sport*. (dengan izin). Baiklah, silakan Yang Amat Berhormat.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Soalan yang kedua saya boleh jawab tentang cerun yang lebih tinggi daripada enam (6) meter, dia tidak boleh menggunakan peruntukan MARRIS, kita kena gunakan peruntukan yang lain, jadi kita sekarang ada beberapa usaha untuk memberikan peruntukan kepada PBT untuk membetulkan cerun-cerun yang tidak termasuk dalam kiraan yang boleh menggunakan MARRIS.

Kedua, saya tidak tahu jalan tersebut tapi kedua saya mengadakan perbincangan dengan pihak JKR dari segi mengkaji apa yang telah dilakukan. Jabatan Kerja Raya (JKR) mempunyai satu jabatan, Jabatan Kerja Raya Malaysia yang di bawah jagaan Kementerian Kerja Raya ada satu jabatan yang mengkaji jalan-jalan mana yang perlu diperbaiki atau tidak dan saya telah meminta jabatan tersebut untuk memberikan saya maklumat mengenai negeri Selangor. Jadi jawapannya dia, dia tidak ada *priority* tapi saya telah akan memperuntukkan dana tambahan untuk dikaji oleh *engineer-engineer* jalan tetapi disemak kualiti penganalisisannya oleh JKR persekutuan untuk memberitahu kita status keadaan-keadaan jalan di negeri Selangor dan untuk saya bantangkan kepada unit perancang Ekonomi Malaysia supaya dalam perancangan Malaysia ke-13 / 14 ada program pembaikan semua jalan-jalan untuk yang mestinya dilakukan oleh Kerajaan Persekutuan melalui kutipan cukai rakyat.

TUAN SPEAKER: Permatang.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Puan Speaker, soalan saya ke-120.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK
(PERMATANG)**

TAJUK : JAMINAN KESELAMATAN PBT

120. Terdapat inisiatif untuk menambah CCTV dan pegawai penguat kuasa dalam manifesto PRU-13 Pakatan untuk keselamatan di kawasan majlis tempatan.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah status akhir pelaksanaan inisiatif ini?
- b) Nyatakan syarikat kontraktor yang akan menguruskan projek CCTV ini dan rasional pemilihan mereka?
- c) Nyatakan statistik keberkesanan inisiatif ini dalam menjamin keselamatan awam di kawasan PBT?

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Puan Speaker, terdapat inisiatif untuk menambah CCTV dan pegawai penguat kuasa dalam manifesto Pilihan raya umum ke-13 Pakatan Rakyat untuk keselamatan di kawasan Majlis Tempatan. Kerajaan Negeri telah pun mengadakan perjumpaan bersama syarikat perbankan dan persatuan bagi jenis perniagaan berisiko tinggi berlaku jenayah seperti kedai emas, pengurup wang dan

pajak gadai yang beroperasi di negeri Selangor bagi menyatakan hasrat Kerajaan agar pihak swasta bekerjasama memasang CCTV di luar premis perniagaan mereka sebagai salah satu usaha selain daripada yang dilakukan oleh Kerajaan.

Manakala bagi penambahan CCTV sedia ada oleh kerajaan negeri Selangor masih di peringkat perancangan kerana tumpuan diberikan untuk menyelesaikan proses pemasangan CCTV sejumlah 414 kamera oleh pihak GTC Global Sdn. Bhd. Setelah CCTV tersebut dapat beroperasi dengan stabil penumpuan akan diberikan untuk menambah pemasangan CCTV yang baru.

PBT yang mempunyai kemampuan kewangan sedang di dalam proses untuk menambah anggota dan pegawai penguat kuasa sedia ada. Berikut adalah inisiatif dalam tindakan PBT. Yang Pertama ialah Majlis Bandaraya Shah Alam, keperluannya menambah 100 anggota bagi penubuhan unit polis bantuan di Majlis Bandaraya Petaling Jaya 55 anggota penambahan kepada yang sedia ada. Di Majlis Perbandaran Kajang 91 anggota penambahan kepada yang sedia ada. Di Majlis Perbandaran Selayang 50 anggota penambahan kepada yang sedia ada. Majlis Perbandaran Klang 34 anggota penambahan kepada yang sedia ada. Majlis Perbandaran Ampang Jaya 15 anggota penambahan kepada yang sedia ada.

Syarikat kontraktor yang akan menguruskan projek CCTV akan datang ini masih belum diputuskan oleh Kerajaan Negeri.

Statistik keberkesanan inisiatif ini dalam menjamin keselamatan awam di kawasan PBT masih belum dapat dibekalkan kerana ianya belum dilaksanakan sepenuhnya.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Soalan Tambahan

TUAN SPEAKER: Permatang.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Saya nak tanya mengenai keselamatan di kawasan Majlis Tempatan PBT. Saya nak bertanya kepada pihak Kerajaan apa pendirian Pihak Kerajaan mengenai usaha-usaha mengawal keselamatan yang dibuat oleh banyak tempat dikomuniti kita yang menggunakan hadangan berkawal ataupun dengan istilah *guarded and gated* (dengan izin) di kawasan kediaman mereka. Apa tindakan ataupun pendirian Kerajaan Negeri kerana laluan yang dihalang itu merupakan laluan awam yang sepatutnya bebas untuk digunakan oleh pihak awam. Ini mereka buat sendiri inisiatif ini, apa pendiriannya ataupun apakah ini sah dari segi Akta mana-mana Akta PBT yang membolehkan mereka membuat hadangan berkawal ini.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Puan Speaker, ini sebenarnya di luar soalan pokok tapi...

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Berkaitan dengan keselamatan jugak lah..

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Tapi ini lain... lain.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Saya faham.. tapi kalau boleh dijelaskanlah.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Sebab itulah banyak.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Saya minta izin.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Tapi saya... disebabkan ini berbangkit maka saya mengambil kesempatan ini untuk memberitahu Dewan ini dan juga orang ramai bahawa pada 25 September yang lalu Kerajaan Negeri telah pun membuat satu keputusan iaitu bagi *boon gate* yang didirikan oleh Persatuan Penduduk ataupun penduduk di kawasan tertentu dalam kawasan perumahan itu segala pelaksanaan penguatkuasaan undang-undang digantung buat sementara selama setahun dan kita akan kaji semula dasar ini selepas kita mengambil kira kadar jenayah dalam tempoh satu tahun ini. Jadi kalau mengikut keadaan sekarang, kalau mengikut undang-undang memang tidak boleh didirikan *boon gate* untuk membuat kawasan *gated and guarded* (dengan izin) tanpa apa ni kelulusan daripada PBT dan kebanyakan yang didirikan sekarang ini yang di diri selepas rumah siap itu sebenarnya tidak ada kelulusan tapi memandangkan keadaan kadar jenayah yang agak tinggi sekarang maka Kerajaan hanya mengantungkan penguatkuasaan undang-undang. Walaupun mereka boleh membuat *boon gate* mengikut garis panduan tetapi garis panduan itu ada juga yang tidak mematuhi. Jadi pihak Kerajaan ingin memaklumkan kepada orang ramai sebenarnya adalah satu masalah di mana kalau kita membenarkannya tanpa mematuhi kepada undang-undang maka itu menjadi masalah pada masa hadapan kerana itu akan menjadi satu Presiden dan kita tidak boleh mentadbir Kerajaan Negeri ini dengan tidak mematuhi undang-undang. Jadi itu harus difahami oleh semua pihak dan sudah tentu dalam keadaan sekarang ini ada pertikaian, ada penduduk yang setuju, ada yang tidak setuju, ada yang majoriti setuju, majoriti tidak setuju tapi majoriti itu berdasarkan kepada undang-undang. Yang majoriti itu tidak bergantung kepada undang-undang jadi Kerajaan dalam keadaan ini kita nak buat satu keputusan yang betul ataupun kita nak buat satu keputusan yang popular. Hah Ini yang dihadapi, bukan oleh Kerajaan Negeri Selangor tetapi di semua peringkat Kerajaan Negeri di seluruh Malaysia.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Ok. Penjelasan sedikit. Speaker. Penjelasan.

TUAN SPEAKER: Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Terima kasih. Puan Speaker, soalan saya 121.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

TAJUK : BANCIAN TANAH TERBIAR DI KAWASAN SEMPADAN NEGERI

121. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah jumlah keluasan tanah terbiar yang terletak di sempadan antara Selangor dengan Wilayah Persekutuan dan negeri-negeri lain?
- b) Apakah kategori kawasan tanah tersebut?
- c) Berapakah nilai hasil di segi premium atau hasil cukai jika diuruskan secara optimum?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Puan Speaker, Hulu Kelang ingin menanyakan tentang bancian tanah terbiar di kawasan sempadan negeri. Sudah tentulah kawasan sempadan negeri ialah termasuk Perak, Pahang dan Negeri Sembilan. Mengikut bancian kita, bancian kita yang masih lagi belum muktamad tentang sempadan walaupun kita dah merdeka begitu lama dan tetapi kajian kita menunjukkan kita dan keluasan tanah di sempadan antara Selangor dan Wilayah Persekutuan, saya lupa sebut Wilayah Persekutuan dan juga negeri-negeri lain satu Hulu Selangor, tanah Kerajaan 141 ekar, Kuala Langat 120 ekar, Sabak Bernam 360 ekar, terutama Bagan Nakhoda Omar 260 ekar. Dengkil 90 ekar jadi 711 ekar dan rizab hutan dan pertanian dan berdasarkan laporan kita nilainya ialah 26 juta dan kita juga telah memberikan sewaan kepada TOL untuk penggunaan tetapi sekarang kita mengkaji semula dan kalau kita jadikan kawasan tersebut kawasan kediaman dan juga perindustrian nilainya ialah 476 juta.

TUAN SPEAKER: Damansara. Ha Hulu Klang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Yang saya berminat adalah tentang sempadan dengan Kuala Lumpur/ Wilayah Persekutuan di mana tempat-tempat itu berkesudahan di usahakan oleh orang ramai dan di racik-racik untuk disewakan jadi kedai dan kemudian ada yang jugak kawasan-kawasan yang menjadi hutan belukar dan kesannya adalah agak negatif kepada PBT dan tempat-tempat ini agak terbiar dan kadang-kadang menjadi tempat kediaman babi hutan dan monyet, kera dan sebagainya. Jadi apakah langkah-langkah Kerajaan untuk membantu PBT khususnya untuk menguruskan tanah-tanah terbiar tersebut.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Puan Pengerusi, perkara yang pertama ialah *the remapping of the area... mapping..* kemudian kita mesti bersetuju tentang apa yang dipanggil *nature reserve... jalan tu mesti ada reserve* tersebut. Buat masa ini ada terdapat sebuah kedai pintunya depan di Kuala Lumpur, pintu belakangnya di Kajang, jadi itu menunjukkan dulu *mappingnya* tak ada sekarang ada jadi maknanya tak tahu di mana dia bayar cukai pintu tapi yang ada jadi itu sebab kita mula nak teruskan usaha *remapping* dan nampaknya dari segi tugas-tugas ini dia bukan prioriti utama. Jadi oleh sebab itu, saya telah minta PTG yang itu.. itu sebab kita dapat angka-angka ini untuk buat rekod bagaimana tiap-tiap tempat itu sebab ini tanah kerajaan di mana dia dan bagaimana *solution* kita dari segi pembangunan.

TUAN SPEAKER: Damansara Utama.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Terima kasih. Puan Speaker, soalan 122.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN YEO BEE YIN
(DAMANSARA UTAMA)**

TAJUK : PENGANGKUTAN AWAM

122. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Bilakah kerajaan akan mula menyediakan pengangkutan awam termaksud perkhidmatan bas di Lembah Klang seperti yang dijanjikan di Manifesto Selangor Pakatan Rakyat?
- b) Apakah rancangan pelaksanaan janji manifesto tersebut?

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Puan Speaker, Damansara Utama bertanyakan berkaitan pengangkutan awam dan pelaksanaan janji manifesto. Buat masa ini kertas cadangan pelaksanaan perkhidmatan pengangkutan awam percuma telah dikemukakan oleh lapan buah PBT kawasan bandar raya dan perbandaran iaitu Majlis MBSA, MBPJ, MPK, MPAJ, MPSJ, MPS, MPKj dan juga MPSP. Namun demikian, setiap cadangan rangka kerja perkhidmatan bas awam percuma tersebut akan diperhalusi dalam mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan agar kemudahan dan perkhidmatan yang diberikan ini dapat dilaksanakan dengan berkesan kerana kawasan-kawasan yang akan dilibatkan adalah kawasan-kawasan di bawah Pihak Berkuasa Tempatan. Walau bagaimanapun pelaksanaan perkhidmatan bas ini telah dilaksanakan sejak tahun 2008 oleh MBPJ dan merupakan PBT yang pertama berjaya menyediakan bas komoditi kepada penduduk di kawasan pentadbiran MBPJ yang berpendapatan rendah dan warga emas. Perkhidmatan ini diberikan dari jam 9.30 pagi sehingga 2.30 petang dan bas memuatkan kapasiti seramai 30 orang. MBPJ mempunyai dua bas komoditi yang meliputi laluan mengikut zon iaitu Petaling Jaya... zon Petaling Jaya Selatan dan juga zon Petaling Jaya Utara. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Rawang.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Terima kasih. Puan Speaker, soalan saya 123.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)**

TAJUK : PUSAT ASUHAN KANAK-KANAK (NURSERI)

123. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Senaraikan jumlah dan lokasi pusat asuhan kanak-kanak (nurseri) yang diwujudkan oleh Kerajaan Negeri Selangor mengikut pecahan PBT bagi tahun 2007 – 2013 dan apakah sasaran untuk tambahan pusat asuhan kanak-kanak (nurseri) awam bagi 2013 – 2018.
- b) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi memastikan bahawa sektor swasta mewujudkan pusat asuhan kanak-kanak (nurseri) seperti diwajibkan dalam akta?
- c) Apakah langkah-langkah bagi memastikan kualiti pusat asuhan kanak-kanak (nurseri) adalah terjaga dan apakah sistem sokongan yang

wujudkan oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi menjaga keperluan golongan wanita yang berumah tangga dan bekerja?

Y.B. PUAN RODZIAH BT. ISMAIL: Terima kasih. Rawang. Puan Speaker, isunya berkaitan pusat asuhan kanak-kanak. Rawang bertanya tentang berapakah lokasi pusat asuhan kanak-kanak yang diwujudkan oleh Kerajaan Negeri Selangor. Jadi sebenarnya pusat asuhan kanak-kanak yang dilaksanakan bagi kemudahan kakitangan sama ada di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri ataupun di PBT adalah untuk, adalah satu inisiatif yang bagi memudahkan kakitangan. Jadi untuk itu, kalau kita lihat di sini untuk Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri sendiri kita telah pun wujudkan di Taska di yang terletak di Seksyen 4, Shah Alam. Untuk PBT, saya bacakan satu persatu. Di Majlis Bandaraya Shah Alam, ada 2 tempat iaitu satu di Bangunan Wisma MBSA dan yang keduanya di Tadika Kuarters No. 6, Jalan Hakistan, Seksyen 8, Shah Alam. Untuk Majlis Bandaraya Petaling Jaya, ada satu Taska yang diwujudkan itu Pusat Perkembangan Minda Kanak-kanak, No. 31, Jalan Penchala, Petaling Jaya. Majlis Bandaraya Subang Jaya, ada 3 iaitu Taska Pusat Perkembangan Kanak-kanak Kompleks 3C Bandar Sunway, Taska USJ 3 dan juga Taska Kuarters Permata Seri Pusat Bandar Puchong. Untuk Majlis Perbandaran Klang, Pusat Jagaan Kanak-kanak MPJ, Jalan Tengku Kelana, Klang. Untuk Majlis Perbandaran Ampang Jaya, taska diwujudkan di bawah Taska Permata Bunga Tanjung, Taman Melawati. Majlis Perbandaran Selayang, iaitu Pusat Jagaan Kanak-kanak, bangunan lama Majlis Perbandaran Selayang. Bagi Majlis Perbandaran Sepang, taska yang ada, adalah di Taska di Sayang. Majlis Perbandaran Sepang, Persiaran Semarak Api, Cyberjaya. Untuk Majlis Perbandaran Kajang iaitu Taska MPKj, Tingkat G, Menara MPKj, Kajang. Majlis Daerah Hulu Selangor, Taska yang ada, adalah di No. 10 dan No. 12, Taska MDSH, Pangsapuri Kasturi, Jalan Hamzah, Kuala Kubu Baharu tapi bagi Daerah Kuala Selangor dan Kuala Langat juga untuk Majlis Daerah Sabak Bernam, belum... Taska belum ditubuhkan ya. Jadi untuk Kerajaan Selangor mengalu-alukanlah perwujudan Taska-taska ini bagi memudahkan program ataupun penjagaan anak-anak semasa ibu-ibu bekerja terutama kepada kakitangan.

Di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat pula, ada sebanyak... ada beberapa taska yang telah pun didaftarkan. Saya ingin nyatakan di sini, taska yang saya bacakan ini adalah taska yang didaftarkan yang berlesen. Ya! Iaitu Taska Institusi sebanyak 519 buah, taska tempat kerja 8 buah, taska di rumah 161 buah dan taska komuniti sebanyak 7 buah. Jadi Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor juga menetapkan sasaran pendaftaran taska tahunan berdasarkan kepada KPI. Jadi kalau kita lihat semenjak 2012 bila di bawah Jawatankuasa Tetap Kebajikan menetapkan mesti menetapkan satu KPI supaya ada taska-taska yang telah pun berdaftar mendapat

lesen, jadi semenjak 2012, KPI yang ditetapkan 250 taska pencapaian sebanyak 261 taska.

Untuk 2013, sasaran diletakkan KPI sebanyak 293 taska, pencapaian sebanyak 427 taska jadi melebihi daripada sasaran yang telah diletakkan. Yang keduanya, apakah taska ini wajib berdaftar di bawah Seksyen 4 Akta Taman Asuhan Kanak-kanak, ya semua taska wajib berdaftar kerana ianya bersangkutan dengan Akta kanak-kanak kerana tidak boleh mana-mana kanak-kanak dijaga oleh orang lain, oleh pihak lain kecuali yang termaktub di bawah Akta Kanak-kanak yang telah dinyatakan.

Tentang langkah kualiti taska sama ada ia terjaga? Ianya sebenarnya memang di bawah taska-taska yang dilesenkan dan telah pun mendaftar dan belum berlesen ini kita memang mementingkan aspek kualiti dan sistem sokongan yang telah diadakan adalah dengan menjalankan tindakan penguatkuasaan. Yang keduanya, menjalankan pemantauan berkala, yang ketiga mewajibkan semua pengasuh menjalani latihan dan kursus dalam bidang asuhan dan pendidikan awal kanak-kanak. Sama ada ianya di rumah ataupun di institusi. Sekian.

TUAN SPEAKER: Sungai Panjang, Sungai Panjang.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI: Puan Speaker, soalan saya 124.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI
(SUNGAI PANJANG)**

TAJUK: PEMBANGUNAN MODAL INSAN

124. Belia merupakan aset kepada negara. Pembangunan modal insan yang bagus mampu melahirkan para belia yang berkualiti.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah perancangan yang bakal dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan Kerajaan Negeri mampu melahirkan belia-belia berkualiti dan mempunyai masa depan yang lebih baik?
- b) Apakah masalah-masalah sosial paling tinggi yang melibatkan belia serta pecahan permasalahan tersebut mengikut DUN, PBT & Daerah?

- c) Apakah inisiatif jangka pendek mengikut pecahan DUN/Daerah yang mampu dilakukan oleh Kerajaan Negeri bagi membendung salah laku dan masalah gejala sosial yang melanda remaja/belia?

Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI: Terima kasih kepada Puan Speaker dan juga kepada Sungai Panjang. Sungai Panjang bertanya apakah perancangan yang bakal dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan Kerajaan Negeri mampu melahirkan belia-belia berkualiti dan mempunyai masa depan yang lebih baik? Untuk makluman Sungai Panjang, Kerajaan Negeri menggunakan kaedah merancang jangka pendek, jangka sederhana dan jangka panjang. Seperti yang mungkin semua Ahli Yang Berhormat mungkin tahu Kerajaan Negeri merancang bermula daripada fasa terawal yakni belia yang berkahwin itu telah kita berikan insentif dan kemudian melahirkan anak, kita ada Tabung Warisan Anak Selangor. Kemudian ada program yang disebutkan oleh Batu 3 tadi, Si kembar untuk nurseri, Tunas untuk tadika, kemudian kita bagi program untuk Tuisyen Rakyat Selangor, kemudian lulus masuk universiti kita memberikan insentif hadiah masuk universiti dan bila dah graduasi kita ada jom kerja. Perancangan perumahan, perancangan terbaik dalam servis Pihak Berkuasa Tempatan dan pelbagai perkara ini adalah semuanya bagi memastikan iklim atau suasana untuk melahirkan *neighbourhood* ataupun Negeri Selangor yang benar-benar boleh kondusif untuk membangunkan belia yang berkualiti.

Yang kedua, Kerajaan Selangor sekarang ini memperkenalkan satu perkara yang apabila kita melihatkan belia-belia yang mungkin tercicir, terjebak di dalam gejala sosial, terjebak dalam perkara-perkara negatif, tidak mampu menjaga diri mereka sendiri, tidak mampu berdikari, kita menyediakan satu modul latihan yang dengan izin *successfull intelegence*. Kita mahu belia ini faham, tahu bahawa mereka ini kena berfikir bagaimana nak berjaya. Yang keduanya, *practical intelegence* dengan izin kecerdasan praktikal dalam suasana begini, dalam sumber yang terhad begini apa yang perlu dilakukan, bagaimana cari lagi sumber yang diperlukan supaya mereka boleh berjaya. Inilah di antara modul-modul dalam program *SPIES* dalam remaja belia mahasiswa untuk sebagai satu mekanisme yang merangkumi semua elemen ini bagi memupuk sikap-sikap positif ini. Yang keduanya juga, ketiganya saya nak sebutkan di mana kalau sebelum ini belia mungkin tidak mempunyai ikon yang boleh mereka contohi maka kita akan mengarusperdanakan program perdana belia berpengaruh yang mempunyai ciri-ciri kejayaan. Selain daripada itu kita akan melahirkan pendukung hala tuju Selangor 2025, misi berkebajikan *caring society* di mana kita mahu melahirkan belia yang dilatih *hands on, on the ground* bersama-sama melakukan amal kebajikan kepada masyarakat yang sebenarnya. Mengintegrasikan remaja belia awal ke dalam masyarakat atau merakyatkan belia termasuk mahasiswa dalam aktiviti yang melibatkan pelbagai masyarakat. Juga kita mahu mencetuskan gelombang peduli alam

sekitar bagi memastikan pembangunan Negeri Selangor ini *Insyah-Allah* mampan dan lestari. Dan juga kita mahu melahirkan pendokong arus agenda mengehsankan insan di Selangor Darul Ehsan ini. Maka kita akan melibatkan pelbagai jabatan dan agensi kerajaan di mana belia ini tidak boleh dibiarkan di dalam satu suasana yang ideal dan tidak realistik. Kita mahu, kita mahu mendarah dagingkan budaya memberi di kalangan belia ini supaya mereka memahami

Y.B. TUAN SPEAKER: Yang Berhormat Selat Klang boleh ringkaskan dan jawab soalan b) dan c).

Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI: Ok, b) Masalah sosial paling tinggi melibatkan belia serta pecahan permasalahan mengikut DUN dan PBT. Ini secara ringkasnya Puan Speaker, mengikut statistik tangkapan daripada Bahagian Penguatkuasaan JAIS. Kes khalwat mencatat jumlah tangkapan tertinggi, diikuti dengan kes perjudian dan kes arak. Kes berkelakuan tidak sopan di tempat awam juga mencatatkan rekod tertinggi. Namun tiada tangkapan dikenakan kepada pelaku. Dan selain daripada itu, Daerah Petaling mencatatkan jumlah tangkapan tertinggi bagi kes jenayah syariah dan moral iaitu sebanyak 375 tangkapan, diikuti dengan Daerah Hulu Selangor 248 tangkapan, Gombak 155 tangkapan, Hulu Langat 99 tangkapan, Kuala Langat 93, Kuala Selangor 78, Klang 71.

c) Inisiatif jangka pendek mengikut pecahan DUN Daerah yang mampu dilakukan oleh Kerajaan Negeri. Pertamanya ini kita tidak sempat untuk ini kepada daerah Sungai Panjang ya. Jadi saya memberikan secara umum. Pelan tindakan menangani gejala sosial Negeri Selangor 2013 hingga 2017 telah dirancang dan dilaksanakan yang melibatkan pelbagai pihak berkaitan. Yang keduanya, menggunakan pendekatan 5P sebagai indikator pelaksanaan iaitu Pendidikan, Pencegahan, Penguatkuasaan, Pencelahan, Pemulihan. Dan juga kita telah menubuhkan Pusat Sehati GEMS seperti yang kita telah sebut dalam Dewan yang mulia ini semalam sebagai satu inisiatif bagi menangani gejala sosial di kalangan remaja belia secara holistik melibatkan semua jabatan dan agensi kerajaan pimpinan masyarakat serta penduduk setempat supaya kejiiran tempat belia itu tinggal kita programkan pengupayaan kejiiran itu secara tuntas. Terima kasih.

Y.B. TUAN SPEAKER: Teratai. Sudah lengkap jawapan yang diberikan. Teratai.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG: Terima kasih Puan Speaker. Soalan 126.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(TERATAI)**

TAJUK : CCTV

126. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah unit CCTV yang dibekalkan di sekitar DUN Teratai demi keselamatan penduduk?
- b) Berapakah peruntukan tahun 2014 untuk perkara 8(a)?

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Puan Speaker, terdapat 8 unit CCTV di sekitar DUN Teratai. Iaitu

- 1) Bukit Permai 1
- 2) Bukit Permai 2
- 3) Simpang Taman Teratai
- 4) Puteri Park
- 5) Paragon
- 6) Taman Muda
- 7) Taman Kencana
- 8) Pandan Perdana.

Anggaran peruntukan bagi tahun 2014 untuk Teratai adalah RM90,000.00.

TUAN SPEAKER: Taman Medan, tidak hadir. Jeram, tidak hadir. Soalan 129 telah dijawab bersekali tadi dengan soalan 119. Sungai Pelek.

Y.B. PUAN LAI NYUK LAN: Terima kasih Tuan Speaker. Soalan ke-130.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LAI NYUK LAN
(SUNGAI PELEK)**

TAJUK : STATUS RANCANGAN TAPAK PERKUBURAN BERSEPADU

130. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Bagaimanakah status Rancangan Tapak Perkuburan Bersepadu yang dicadangkan bertempat di Daerah Sepang

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Puan Speaker, secara khususnya terdapat 2 tapak perkuburan wilayah bersepadu telah dikenal pasti di dalam Daerah Sepang iaitu

- i) Lot 3366, Mukim Labu, Daerah Sepang seluas 40.47 hektar iaitu 100 ekar.
- ii) Lot 5758 Mukim Sepang, Daerah Sepang. Luasnya 45 hektar iaitu 110 ekar.

Pihak Berkuasa Negeri telah menimbang cadangan pengambilan tanah bagi kedua-dua tapak tersebut.

Mesyuarat Teknikal Perancangan Tanah Perkuburan Wilayah Bersepadu di Negeri Selangor bil.2/2013 pada 24 Julai 2013 telah membincangkan aspek teknikal dan keperluan bagi kedua-dua lot tersebut iaitu Lot 3366 dan lot 5758.

Hasil daripada mesyuarat tersebut, bagi lot 3366 merujuk JMG berdasarkan lawatan tapak pada 8 Julai 2013, penemuan JMG adalah seperti berikut :

- i) Tapak merupakan kawasan lembah dan semasa musim hujan, kawasan akan mengalami banjir
- ii) Tapak merupakan tanah gambut yang mempunyai paras air tanah yang tinggi terutama pada musim hujan.
- iii) Ketebalan tanah gambut adalah hampir 2 meter
- iv) Kedudukan jalan yang bersebelahan adalah lebih tinggi dari tapak

JMG berpendapat tapak perkuburan ini boleh dipertimbangkan dengan syarat langkah kejuruteraan yang khusus perlu diambil antaranya pembinaan sistem saliran yang sempurna, pembuangan lapisan tanah gambut dan penambakan tanah. Dianggarkan tambahan perlu dibuat sedalam 2 meter di tapak tersebut. Justeru itu mesyuarat berpendapat lot 3366 dikeluarkan daripada cadangan tapak PWB kerana keadaan tanah yang tidak sesuai. Lot 3366 akan digantikan dan dipindah ke tapak lot 5758 dengan perluasan tambahan seluas 100 hektar.

Sehingga kini pihak Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta akan membuat penilaian harga tanah di lot 5758 tersebut dan seterusnya proses pengambilan tanah akan dijalankan.

TUAN SPEAKER: Sungai Pelek.

Y.B. PUAN LAI NYUK LAN: Bagaimana pula dengan status di Lot 5758?

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Sudah dijawab ni ya.

TUAN SPEAKER: Batu Caves.

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: Soalan saya nombor 131. Harap pendek.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI
(BATU CAVES)**

TAJUK: SPIES

130. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapa ramai kakitangan awam yang telah menyertai Program SPIES sehingga kini?
- b) Apakah program-program susulan selepas SPIES kakitangan awam?
- c) Bagaimana ukuran keberkesanan program tersebut?

Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI: Terima kasih kepada Batu Caves. Program SPIES bermula 2008 hingga 2013 untuk kakitangan awam. 2008, kita ada 135, 2009 - 3,217, 2010 - 9,088, 2011 - 5,381, 2012 - 3,139, 2013 setakat Oktober 846. Maksudnya 20,806 orang. Program susulan selepas SPIES kakitangan awam ialah program pembudayaan SPEIS dalam organisasi yang telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dalam Konvensyen SPIES, 19 Februari 2013. Dan tujuan program pembudayaan ini ialah supaya pemahaman tentang SPIES ini boleh diterapkan, diteruskan dan diterjemahkan di dalam kerja penjawat-penjawat awam ini di dalam organisasi masing-masing.

Yang keduanya, bagaimana mengukur *SPIES* ya? Bagaimana ukuran keberkesanan program tersebut? Saya rasa semalam kita telah edarkan risalah ini

summary tentang SPIES ini. Saya rasa Batu Caves pun dah dapat kot ya. Di mana kita ada *SPIES Score card* untuk penilaian ini. Di mana kita ada di dalam elemen pelbagai SPIES ini daripada pembangunan spiritual, fizikal, intelek, emosi dan sosialnya. Kita ada ukurannya mengikut komponen. Contoh spiritual, komponen amalan nilai murni, ukurannya berapa peratus integriti? Kepimpinan beretika, tahap, ukurannya tahap kepimpinan etika, atau persen, peratus CBT dengan izin *Criminal Breach Of Trust, Kaizen*, itu bahasa Jepun. Dia punya ukuran tu, *percentage* peningkatan berterusan. Maknanya kita mahu penjawat awam ini membuatkan satu wawasan di mana mereka ini meletakkan hari ini mesti lebih baik daripada semalam, besok mesti lebih baik daripada hari ini. Begitu juga dengan fizikal, bagaimana kita nak ukur? MC, kewangan, peratus peningkatan pendapatan atau penggunaan dana berkesan, prasarana ICT, peratus produktiviti. Begitu juga pembangunan intelek, semuanya ada dekat sini. Penyelesaian masalah boleh diukurkan melalui komponen kritik, kreativiti kritikal dan inovatif *iquenya* dan profesionalisme ukurannya *percentage* kecekapan produktiviti dan *percentage* pendapatan kapita. Pembangunan emosi, bagaimanakah keharmonian, peratus kadar keharmonian. Perkelahian, *insubornation* dan sebagainya. *Percentage* gejala sosial, *percentage* tingkah laku yang positif, yang ada. Begitu juga sosial, kita mahu ukurannya *percentage* penglibatan aktiviti kemasyarakatan. Maknanya mereka boleh memberi lebih daripada 100% apa yang mereka dapat upah dan gaji dan sebagainya. Begitu juga tentang gejala sosial atau peratus jenayah. Ini juga menjadi ukuran kita. Jadi untuk yang selanjutnya, Ahli Yang Berhormat boleh lihatlah di dalam risalah ini. Terima kasih.

Y.B. TUAN SPEAKER: Kota Damansara.

Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN: Terima kasih Puan Speaker. Soalan nombor 132.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN
(KOTA DMSARA)**

TAJUK: LEMBU IBADAH KORBAN

132. PKPS memberikan peruntukan untuk ibadah korban ikut kawasan DUN.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Bagaimanakah proses pembahagian ini dilakukan?

- b) Siapakah yang berhak diletakkan nama dalam ibadah korban ini?
- c) Adakah ADUN BN berhak menerima pembahagian lembu ini di DUN mereka?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Tuan Speaker. Y.B. Kota Damansara ingin mengetahui tentang program lembu ibadah korban. Iaitu bagaimana proses pembahagian dilakukan. Pertama, kita telah melantik PKPS sebagai pembekal lembu korban dan penghantaran lembu-lembu tersebut. Dan MBI bertindak sebagai penyelaras program penyerahan lembu-lembu korban dan kutipan sumbangan daripada anak-anak syarikat kerajaan negeri. Dalam hal ini kemana lembu-lembu ini diagihkan dan melalui siapa. Melalui JAIS, Masjid, surau, sekolah Tahfiz dan Sekolah Pondok, ADUN, semua ADUN diberikan, semua ADUN Pakatan Rakyat, kena betulkan, diberikan empat ekor seorang untuk diagihkan. EXCO dapat lima ekor, dan tidak mendapat empat ekor. Dia hanya lima ekor. Masjid, juga sesetengah masjid dan surau Wilayah Persekutuan PPRT di bawah Lembaga Perumahan, PPRT di bawah MAIS, orang asal dan beragama Islam, Jabatan Hal Ehwal Orang Asal, Badan-badan NGO, dan juga kita bagikan kepada anak-anak syarikat Kerajaan Negeri.

Soalannya adakah ADUN Barisan Nasional berhak menerima pembahagian lembu di DUN mereka? Sebagai orang Islam dia boleh hadir bersama-sama meraikan program tersebut.

Kedua, kita juga mula memikirkan bagaimana cara untuk memberikan kesamarataan untuk sebagai wakil rakyat tidak kira dari mana parti. Idea ini kita bantangkan kepada Kerajaan Persekutuan untuk dilaksanakan secara bersama. Nampaknya Kerajaan Persekutuan Barisan Nasional masih enggan untuk menjalankan usaha ini jadi itulah sebabnya Kerajaan Selangor tidak terfikir untuk menunjukkan kepada Kerajaan Persekutuan kerana langkah-langkah ini perlu dibuat untuk seluruh negeri di Malaysia.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Soalan tambahan puan Speaker.

TUAN SPEAKER: Sebelum saya beri soalan tambahan, soalan pokok mengenai Ibadah Korban ya. Jadi semua fokus. Rawang.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Rawang ingin bertanya, menanya kalau ini satu cadangan dan pertanyaan la, kalau, sebenarnya kalau Kerajaan Persekutuan berminat dia boleh memohon melalui NFC, itu lembu banyak. Tapi soalan saya, saya rasa pihak surau dan masjid mereka rasa gembira dengan apa sumbangan lembu kerajaan sebelum ni, tetapi ternampak lembu yang disumbangkan itu cukup kurus. Saya difahamkan ini

diselaraskan oleh MBI melalui PKPS. Jadi adakah satu jumlah yang dibayar kepada PKPS ataupun ini adalah CSR yang kita ada tetapkan satu wang ringgit ataupun piawaian untuk lembu-lembu yang akan dikorbankan ini. Sekian.

YAB DATO' MENTERI BESAR: Puan Pengerusi, saya juga ada sediakan jawapan untuk lembu yang dihantar sebab minima dari segi lembu-lembu yang dihantar mesti beratnya melebihi 200 kg, tapi kalau lembu yang terbaik ialah 300 kg. Nampaknya oleh kerana keputusan negeri itu agak lewat maknanya selepas Hari Raya Aidilfitri kita buat keputusan untuk mengadakan program pengagihan lembu korban kita tidak dapat menjaga, membeli lembu-lembu yang mempunyai keadaan yang lebih baik. Jadi, dan kita terdapat rintihan dari ramai bila melihat lembu macam rupa kambing. Jadi saya tidak merasakan perkara itu berlaku tetapi saya dengar sahaja dan tahun ini kita sudah menjalankan program bela lembu daripada sekarang. Jadi maknanya kita dah bela lembu jadi lembu yang kita akan agihkan kepada tahun depan bila kita buat keputusan sekurang-kurangnya berat lembu mesti 350 kg, kalau itu kurus maknanya kita tak tau lagi lah, itu dia punya program yang kita ingin lakukan.

Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN: Soalan tambahan.....

TUAN SPEAKER: Kota Damansara....

Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN: Terima kasih Puan Speaker. Ok, saya tak tahulah macam mana penyelarasan dibuat semasa pengagihan lembu ini dibuat. Tapi pejabat saya dah dipanggil sebenarnya untuk mengambil lembu tersebut lepas tu jadi macam buruk siku lepas tu ditelefon lagi sekali kata tersilap, mungkin dia ingat saya ni wakil rakyat PAS agaknya. Walau bagaimanapun....aa....ini masalah panggil tarik balik. Tahun depan kalau ADUN BN nak dibagi saya kena tuntutan double lah....untuk jumlah ini. Terima kasih kepada semua sebab saya yakin semua pun minum susu lembu.

TUAN SPEAKER: Soalannya Kota Damansara....

Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN: Soalannya, kalau pengagihan itu dibuat kalau dah dipanggil.....*confirm* lah bagi, sebab dia tarik balik dah macam buruk siku kan. Haa.....itu saja saya....Soalannya kalau tahun hadapan kalau nak dibagi balik pastikan semuanya mesti dibagi sama rata lah.

TUAN SPEAKER: Dusun tua, perlukan jawapan ataupun itu kenyataan. Dusun Tua.

Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN: Terima kasih tuan speaker. Soalan saya No. 133.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN
(DUSUN TUA)**

TAJUK: PROJEK MEMBAIKPULIH TEBING & PENDALAMAN SUNGAI LANGAT

133. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sila nyatakan jumlah peruntukan yang telah diberikan oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi membaik pulih tebing dan proses pendalaman Sungai Langat sepanjang tahun 2008 – 2013?

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Tuan Speaker, Dusun Tua bertanya tentang projek baik pulih tebing dan pendalaman Sg. Langat. Sehingga November 2013, Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor telah memperuntukkan sebanyak RM2,323,980.00 bagi projek-projek pembaikan tebing termasuk mengawal sedimen dan mendalamkan sungai yang mana peruntukkan diterima adalah melalui peruntukkan pembangunan dan mengurus negeri. Peruntukkan yang diterima diagihkan mengikut keperluan keluasan tebing serta mendapan di dalam Lembangan Sg. Langat yang mana ianya merangkumi Daerah Hulu Langat, Daerah Sepang, Daerah Kuala Langat. Tiada peruntukkan diterima bagi kerja-kerja penyelenggaraan Sg. Langat. Berikut adalah butiran terperinci peruntukkan tahunan yang diterima bagi kerja-kerja *reserve* pengurusan Sg. Langat bagi tahun 2008 – 2013. Tiada peruntukkan bagi tahun 2008, 2009 dan 2010. Bagi tahun 2011 RM300,000, bagi tahun 2012 RM1,083, 940.00, bagi tahun 2013 RM940,040. Terima kasih.

Y.B. TUAN ROZALY BIN HASSAN: Tambahan

TUAN SPEAKER: Dusun Tua

Y.B. TUAN ROZALY BIN HASSAN: Terima kasih YB. Exco. Soalan saya ialah sungai-sungai yang di Hulu Langat, di Dusun Tua ni nampaknya macam tidak diselenggarakan kerana dia menyumbang banjir yang kerap kali berlaku di Kg. Sg. Serai ni. Kerana longkang yang pergi ke sungai tu dah sama tinggi, dah tepu dah. Jadi apa yang saya nampak kerja-kerja untuk mendalamkan sungai ni ataupun membersihkan tebing-tebing ni...tak tau lah samada ni betul atau tidak tetapi apa yang saya dapat maklum bahawa apabila diberi kerja itu kepada pihak-pihak tertentu untuk

membersihkan tebing tetapi kalau membersihkan tebing ni sudah tentu ada kawasan dia ataupun berapa kilometer jauhnya untuk dia membersihkan tebing tu. Tetapi saya melihat hampir sebulan kadang-kadang mesin yang bersihkan tebing tu

TUAN SPEAKER: Soalannya.....Y.B. Dusun Tua....

Y.B. TUAN ROZALY BIN HASSAN: Ya soalan saya kenapa jadi macam tu? Yang saya nampak dia korek pasir bukan bersihkan tebing. Jadi ni yang menjadi masalah yang kita nampak sekarang ni. Tebing tak bersih dan sungai tu tidak juga didalman. Jadi bagaimana ni pandangan saya lah kalau boleh saya minta YB Exco untuk turun sendirilah tengok di kawasan di Dusun Tua ni, *Insyah-Allah*.

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Terima kasih berkaitan dengan maklumat yang diberikan oleh Dusun tua. Cuma saya lihat bahawa saya perlu maklumat detail kawasan tersebut untuk kita lihat apakah sebenarnya yang berlaku agar kita dapat mengambil tindakan-tindakan yang tertentu. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Bukit Gasing.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Soalan 134.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(BUKIT GASING)**

TAJUK: KAWASAN LAPANG

134. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah jumlah keluasan kawasan lapang dan keluasan kawasan lapang perkapita mengikut PBT?
- b) Apakah strategi Kerajaan Negeri untuk mencapai sasaran 2 hektar untuk setiap penduduk menjelang tahun 2020.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Tuan Speaker, berdasarkan rekod sehingga Mei 2013 keluasan kawasan lapang yang telah dikenal pasti di negeri ini adalah seluas 13,290.42 ekar. Jumlah tersebut adalah peningkatan sebanyak 845.77 ekar berbanding 12,444.63 ekar pada Oktober 2010. Pecahan keluasan kawasan lapang mengikut Pihak Berkuasa tempatan di negeri Selangor adalah seperti berikut:

KELUASAN (EKAR)

1.	Majlis Bandaraya Shah Alam(MBSA)	-	803.77
2.	Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ)	-	2,032.00
3.	Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ)	-	4,658.68
4.	Majlis Perbandaran Klang(MPK)	-	890.17
5.	Majlis Perbandaran Ampang Jaya(MPAJ)	-	683.69
6.	Majlis Perbandaran Kajang (MPKj)	-	1,241.46
7.	Majlis Perbandaran Selayang(MPS)	-	358.26
8.	Majlis Perbandaran Sepang(MPSp)	-	119.47
9.	Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL)	-	129.44
10.	Majlis Daerah Kuala Selangor(MDKS)	-	164.85
11.	Majlis Daerah Hulu Selangor(MDHS)	-	2,051.64
12.	Majlis Daerah Sabak Bernam(MDSB)	-	156.97

JUMLAH

13,290.40

Sasaran Kerajaan Negeri Selangor untuk mencapai 2 hektar untuk setiap 1000 penduduk menjelang 2020 telah diluluskan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor Bil.3/2008 yang bersidang pada 20hb. November 2008. Pemakaian sasaran ini selaras dengan dasar Perbandaran Negara melalui Dasar Perbandaran Negara 9 iaitu kawasan lapang dan rekreasi yang mencukupi perlu disediakan mengikut keperluan penduduk. Salah satu langkah yang penting dalam penyediaan kawasan lapang awam yang mencukupi melalui pemakaian sasaran petunjuk 1000 penduduk pada 2 hektar tanah lapang awam. Tuan Speaker, strategi Kerajaan Negeri untuk mencapai sasaran 2 hektar untuk setiap 1000 penduduk akan dilaksanakan kepada dua jenis kategori bangunan perumahan berbilang peringkat seperti berikut:

i) Kategori Perumahan

Semua jenis perumahan berbilang tingkat iaitu kondominium, pangsapuri dan rumah pangsa.

ii) Kategori Perniagaan (Pangsapuri Perkhidmatan) Iaitu Pangsapuri Perkhidmatan

- a) Pangsapuri Perkhidmatan(*service apartment*) / SOHO
- b) Pembangunan pangsapuri perkhidmatan ini akan melibatkan kawalan nisbah plot yang menghadkan bilangan tingkat
- c) Sekiranya konsep penyediaan kemudahan awam di antara tingkat(*between floors*) digunakan, ianya akan dikecualikan di dalam pengiraan bilangan tingkat berdasarkan nisbah plot

Walau bagaimanapun, bagi memastikan sasaran ini dapat dipenuhi didalam pembangunan perumahan berbilang tingkat, perkara-perkara berikut boleh diambil kira:

- i) Pembangunan taman atas bumbung
- ii) Penyediaan kemudahan awam di antara tingkat bangunan atau diantara dua bangunan (sebahagian daripada keperluan kawasan lapang)
- iii) Tingkat bawah bangunan yang dikosongkan untuk kegunaan komuniti dan
- iv) 'Perimeter *Planting*' minima 10 kaki (termasuk anjakan bangunan, jika berkaitan) disediakan di setiap pembangunan perumahan berbilang tingkat.

Terima kasih.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Puan Speaker.....

TUAN SPEAKER: Bukit Gasing....

TUAN SPEAKER: Bukit Gasing.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Terima kasih, mengikut statistik yang baru diberi nampaknya kawasan Majlis Bandaraya Petaling Jaya kekurangan seribu ekar kawasan lapang kalau dibandingkan bilangan penduduk 600 ribu lebih, berbanding dengan jumlah keluasan yang diberi dalam jawapan tadi. Apakah sasaran kerajaan negeri untuk Petaling Jaya, adakah di MBPJ diperlukan untuk menaikkan bilangan kawasan lapang dalam semua rancangan pembangunan semula banyak rancangan telah dibincangkan.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Puan Speaker, itu bergantung kepada keadaan ada kemungkinan tanah lapang yang telah pun lama disediakan tetapi belum diserahkan lagi jadi sekiranya semua diserahkan mungkin angka sudah berlainan. Jadi

saya tidak dapat menetapkan satu sasaran bermaksud ini kerana kita tidak tahu keadaan sebenar pada ketika ini. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Baiklah, jam telah menunjukkan jam, waktu telah menunjukkan jam 11.30 pagi, dengan ini saya ingin menangguhkan sesi pertanyaan untuk urusan seterusnya.

SETIAUSAHA DEWAN: Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya sambungan Usul Peruntukan Pembangunan 2014.

TUAN SPEAKER: Saya mempersilakan Yang Berhormat Sungai Burung untuk menyambung perbahasan.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Terima kasih Puan Speaker kerana membenarkan Sungai Burung menyambung perbahasan. Nampaknya hari ini Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri begitu ceria sekali, saya lihat masing-masing datang bersemangat, saya ucapkan tahniahlah dan terima kasih kepada Y.A.B. Menteri Besar yang

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Minta penjelasan, minta penjelasan.

TUAN SPEAKER: Kg. Tunku, minta penjelasan, Sungai Burung.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Baru nak bagi salam

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Salam, Salam, minta penjelasan.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Duduklah nanti.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Sekejap sahaja, sekejap sahaja.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Ha...

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Sekejap sahaja sikit sikit sahaja.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Saya tak cakap.....

TUAN SPEAKER : Kg. Tunku, tunggu sekejap, duduk dulu.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Saya banyak kali mintak penjelasan tak bagi laluan.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Kita nak ucapkan tahniah....

TUAN SPEAKER: Biar Sungai Burung habiskan dulu. Kg Tunku tolong duduk. Silakan Sungai Burung.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Ya, ya.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Kita nak ucapkan tahniah ya, dan kita terima kasih Y.A.B. Menteri Besar yang telah menaikkan elaun Wakil Rakyat kita harap Wakil-wakil Rakyat dan Ahli Dewan Undangan Negeri ini lebih bersemangat dan bekerja keras ya, tapi saya lihat pagi ini pun ramai juga kerusi-kerusi Ahli Dewan Kerajaan ini yang kosong lagi. Pembangkang tu dia minum kat luar sekejap tadi, tadi saya lihat penuh...

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Saya mintak penjelasan dan saya berdiri di sini untuk minta penjelasan.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Ok, saya nak sambung perbahasan saya, ya, ya.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Ya minta penjelasan.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Ini tiada kaitan

TUAN SPEAKER: Sungai Burung, bila buat kenyataan macam itu mesti ada yang nak berdiri nak mintak penjelasan, jadi boleh.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Boleh, boleh.

TUAN SPEAKER: Kampung Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Terima kasih. Sungai Burung saya hanya ingin bertanya sahaja Yang Berhormat Sungai Burung, bukan Sungai Burung tahu selama lima (5) tahun ini di Dewan ini sentiasa ceria, yang tak ceria tu sebelah sana sahaja, sebab selalunya tidak jumpa orang waktu petang khususnya, kami ceria tiap-tiap hari pun ceria gaji naik tak naik pun ceria juga sebab ini tugas kami, bukankah Yang Berhormat Sungai Burung tahu tentang perkara ini ke?

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Tapi, nampak hari ini lebih ceria dan hari itu hantar memorandum.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Puan Speaker, mohon mencelah.

TUAN SPEAKER: Sungai Burung, Kota Anggerik minta mencelah.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Minta maaflah Kota Anggerik.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Bagilah tak kan tak bagi

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Ok, ok.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Yang bersemangat Puan Speaker ialah Pakatan Rakyat nak pertahankan Selangor jadi itu yang kita bersungguh-sungguh memastikan bahawa Ketua Pembangkang tetap Ketua Pembangkang jadi kenaikan ini memberi semangat kepada Pakatan Rakyat untuk pertahankan bekerja bersungguh-sungguh.

TUAN SPEAKER: Soalannya.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Dia sebut semangat tadi. Dia sebut semangat tadi.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Dia mencelah jer...

TUAN SPEAKER: Sungai Burung teruskan.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Tak apalah bersemangat pun yang penting apabila kita apabila berlaku kenaikan elaun-elaun ini kita harap terdapat peningkatan dalam orang kata pendapatan rakyat di Selangor ini. Terima kasih Puan Speaker, saya ingin menyambung ucapan perbahasan saya semalam, saya telah

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI: Mohon mencelah Puan Speaker.

TUAN SPEAKER: Seri Muda, Sungai Burung belum habis lagi...

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Bagi saya habis sikit ...

TUAN SPEAKER: Biar Sungai Burung teruskan.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: *Last* nanti saya bagi, *Insyallah*, ya. Ni mana ni yang kacau ni nak kacau nak bercakap ni. Ok, Puan Speaker, saya ingin menyambung perbincangan saya semalam tentang saya menyentuh P. 14, ya, di mana saya perhatikan banyak peruntukan dari segi amal-makruf ini untuk membina orang kata menyeru kepada kebajikan dan menyeru kepada kebaikan ini terlalu telah di orang kata begitu banyak tetapi saya lihat peruntukan untuk nahi-mungkar ini amat kurang. Saya ingin menyebut daripada *Surah ayat Al-Quran Al-Imran* iaitu "*Wattakum minkum ummatun nahi-mungkar*" dengan izin, Puan Speaker *Surah Al-Imran ayat 104*, yang bermaksud "*Wattakumminkum (dan hendaklah ada di antara kamu) Ummatun – segolongan umat "Yathu'nainalkhair" – yang menyeru kepada kebajikan, bab-bab kebajikan ini dah pun dibentangkan di dalam bajet ini ya, "Wayaqmulunabilmaqruf" dan menyuruh kepada yang makruf atau kebaikan dan "Waikhaunar aninmunkar" yakni mencegah kepada kemungkaran.*

Dan saya ingin menyebutkan di antara beberapa perkara yang perlu kita pertingkatkan di dalam Jabatan Agama Islam ini ialah Bahagian Penyelidikan, Bahagian Dakwah dan Bahagian Penguatkuasaan, bagi kita memastikan bahawa nafi-mungkar ini dapat kita banteras dengan sepenuhnya. Saya juga telah semalam secara ringkas menyebutkan ada tiga (3) kumpulan-kumpulan yang menjadi orang kata gerakan yang perlu dibanteras atau diperangi oleh Jabatan Agama Islam iaitu:

1. Kumpulan-kumpulan yang menjalankan aqidah yang Jabatan Mufti telah menyebutkan ada lebih daripada 25 kumpulan-kumpulan ajaran sesat yang menyeleweng yang hari ini perlu diberikan orang kata perhatian dan tindakan sewajarnya dan yang terbaru ialah 'Tuhan Harun' yang jugak ini merupakan satu kumpulan yang membawa ajaran sesat, yang
2. ialah kumpulan-kumpulan yang mahu mengalihkan aqidah umat Islam iaitu golongan yang cuba memurtadkan umat Islam di Negara dan di Negeri ini, dan yang
3. Ancaman nahi-mungkar ini ialah kita tidak mahu terdapat kumpulan-kumpulan yang menggalakkan perkara-perkara yang kepada umat Islam ini dianggap sebagai satu maksiat yang besar.

Apa yang saya maksudkan ialah hari ini terdapat satu kumpulan yang dikenali sebagai Gabungan NGO Hak Asasi Manusia yang dikenali sebagai "COMANGO" yang telah membuat tuntutan dalam Persidangan semakan 'UNIVERSAL REVIEW' oleh 'UNITED NATION HUMAN RIGHT COUNCIL' Di Geneva, Switzerland, dengan izin, yang antara

tuntutan yang dibawa adalah hak golongan *lesbian, gay, bisexual dan transgender*. Hak untuk memurtadkan orang Islam dan menjadikan kesamarataan agama dan cara 'specific' nya tuntutan 'COMANGO' ini adalah mendesak supaya Seksyen 377A Kanun Keseksaan berkaitan jenayah, liwat dan Enakmen-enakmen Jenayah Syariah yang bertujuan menyekat gejala LGBT, murtad serta penyebaran ajaran Syiah ini dimansuhkan. Kita di Negeri Selangor, kita terdapat Enakmen-enakmen untuk menjaga kesejahteraan umat Islam daripada terperangkap ataupun terjebak daripada gejala kemungkaran ini. Kita mempunyai seksyen di bawah Enakmen Jenayah yang melibatkan kesalahan-kesalahan dengan persetubuhan luar nikah di bawah seksyen 25 kesalahan-kesalahan berkaitan dengan hubungan jenis antara orang yang sama jantina di bawah Seksyen 27. Kita ada kesalahan jenayah Enakmen Syariah di Negeri Selangor ialah berhubung dengan persetubuhan bertentangan dengan hukum tabii di bawah Seksyen 28, sekiranya kita tidak menghalang tuntutan-tuntutan daripada kumpulan-kumpulan ini bermakna kita akan menghancurkan umat Islam di Negara ini daripada terjebak dengan kegiatan ini.

Saya tidak fikir seorang keluarga umat Islam di Selangor ini ataupun di Negara yang mahu anaknya terlibat dalam persetubuhan luar nikah. Saya tidak fikir bahawa anak-anak, keluarga-keluarga, kawan-kawan daripada keluarga-keluarga umat Islam di negeri Selangor ini yang mahu melihat anak-anak ataupun keluarga ataupun kawan-kawan kita terlibat antara hubungan jenis antara sesama mereka. Kita juga umat Islam di negeri Selangor ini tidak mahu melihat bahawa anak-anak kita, keluarga kita, kawan-kawan kita ini terlibat yang dahsyat ini hubungan melakukan perhubungan hukum tabii di luar tabii ini, ha... ini yang berat.

Siapa yang mahu lihat perkara ini berlaku pada anak kita. Saya tak tahulah agama-agama lain mungkin serupa juga ya, tetapi pada umat Islam inilah yang perlu kita jaga, kerana itu kita mestilah menentang habis-habisan kumpulan gerakan ini, supaya kita dapat menyelamatkan negeri Selangor ini terutamanya dan umat Islam di Negara ini daripada bencana kemusnahan moral tersebut.

Saya sangat ingin mendapatkan penjelasanlah daripada EXCO berkenaan tentang isu ini yang keduanya saya mengharapkan supaya langkah-langkah yang diambil secara tegas dan berani, kita untuk menangani gejala songsang ini.

Tuan Speaker,

Saya ingin mengingatkan lagi tentang ayat ini iaitu ayat yang pertama tadi daripada *Surah Al-Imran ayat 104*, dan juga ayat daripada *Surah Al-Imran* tentang "*Kuntumkhaira*

ummah tulijulinnas taqburuna bilmakruf hautarna anilmunkar” ya.... Ustaz boleh betulkan sikitlah ayat itu ya, ha.. ya.

Y.B. TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH: Mohon, mohon mencelah

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Tapi maksudnya sebagai umat yang terbaik.....

TUAN SPEAKER: Sungai Burung, Bangi mohon mencelah.

Y.B. TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH: Kena betulkan ayat tu salah tu

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Ialah, ialah boleh betulkan lah, tadi saya dah 'refer' pada ustaz tadi ya, sebab saya tajwid ni makhrajnya ya, ini itu kurang baiklah daripada itu, tetapi maknanya kita nak jadikan umat yang terbaik sebagai umat terbaik kita kena menegakkan yang makruf, menegakkan yang makruf dan kita kena mencegah kemungkaran dan tugas ini telah diberi tanggungjawab kepada Jabatan Agama Islam Negeri Selangor ini. Yang ini yang kita perlu pastikan ketegasan yang perlu dilakukan.

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat Sungai Burung, tolong kaitkan dengan Usul Pembangunan.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Saya dah kaitkan tadi saya lihat di Jabatan Agama Islam dalam peruntukan pembangunan di bawah P.14 ini sudah ada peruntukan yang cukup baik, ha... ini saya bagi tahniah kepada kerajaan Negeri tentang Amal-makruf, memberikan peruntukan yang besar untuk tujuan pendidikan, tarbiah dan kedua untuk masjid bagi kita membolehkan kita menghayati nilai-nilai ataupun amalan Islam yang baik, tetapi yang kurang inilah dari segi nahi-mungkar yang saya mintak EXCO yang berkenaan memberi jawapan dan kalau boleh di dalam bajet ini kita berikan keutamaan yang sama.

Tuan Speaker,

Saya ingin menyentuh satu perkara tentang P.12 Jabatan Kerja Raya, saya hari itu telah membincangkan cuba membahaskan tentang masalah kita membolehkan mengatasi kesesakan pengangkutan di kawasan-kawasan terutamanya di kawasan Lembah Klang ini tapi saya telah di nasihatkan oleh Sungai Pinang yang itu tidak berkaitan dengan perbekalan jadi hari ini di bawah pembangunan saya ingin membangkitkan semula perbahasan saya kerana saya melihat masalah yang dihadapi

terutamanya masalah pengangkutan ialah kesesakan terutamanya di waktu-waktu tertentu iaitu waktu *pick-hours* dengan izin.

Dan, saya lihat ia memerlukan penyelesaian jangka panjang dan memerlukan peruntukan yang besar. Tetapi, barangkali boleh difikirkan cara penempatan yang agak secara interim tapi berkesan. Saya ingin melihat beberapa contoh, contohnya jalan-jalan negeri, JKR negeri yang perlu dihubungkan dengan kawasan jalan-jalan PBT. Secara merangkaian jalan-jalan. Saya ambil contoh misalnya jalan negeri yang telah dibuat dan hari ini memudahkan, memberikan laluan alternatif kesesakan kepada *Route 5* di persekitaran pantai barat negeri Selangor ini iaitu jalan yang asalnya yang selalu digunakan bagi menghubungkan jalan Kuala Selangor ke Klang ialah jalan *Route 5* dan kemudian melalui yang keduanya daripada Kapar ke Pekan Meru dan kemudian ke Klang. Tetapi apabila JKR telah menghubungkan pula Jalan Haji Abdul Manan daripada Klang Sentral kepada Persimpangan di Jalan Perapat dan kemudian menyambungkan Jalan Sungai Puloh daripada Sementa hingga ke Jalan Meru ke Klang. Ini telah membolehkan saya lihat pada pagi-pagi mereka yang mahu berkejar untuk tepat sampai masanya ke pejabat, mereka boleh menggunakan laluan-laluan pilihan ini. Tapi saya lihat ada lagi mereka yang terpaksa memasuki laluan-laluan di dalam Taman. Jadi, kalau boleh difikirkan, pertama untuk menyambungkan jalan-jalan negeri ini kepada jalan-jalan di Taman ini. Jadi kita boleh menyuraikan kesesakan tersebut. Begitu juga satu contoh yang saya boleh berikanlah untuk melihat alternatif ini ialah kesesakan jalan yang berlaku di Selayang. Di Selayang, kalau orang datang daripada Ulu Yam, untuk pergi ke Batu Caves, dia akan menghadapi kesesakan di waktu *peak*, dengan izin. Sama ada pergi kerja atau balik kerja. Tetapi sebenarnya, ada satu bulatan di hadapan kawasan Majlis Perbandaran Selayang, yang boleh di..kalau boleh di..tidak panjang jalannya kalau dihubungkan ke jalan antara Batu Caves ke Jalan Ulu Yam itu membolehkan kenderaan-kenderaan yang datang ataupun yang akan pergi ke Ulu Yam pada waktu kerja dan sebagainya, dia boleh menggunakan orang kata, jalan-jalan pintas ataupun jalan-jalan yang, apa orang kata, yang digunakan sebagai menggunakan laluan alternatif. Saya kira, perbelanjaan ini tidak besar kalau kerajaan negeri Selangor boleh memikirkan, dibandingkan kita mengadakan nanti, orang kata, pembinaan, jejantas dan sebagainya untuk menyuraikan dan ini kita dapat membantu mereka dalam keadaan kita membuat perancangan yang lebih lestari atau mampan pada masa hadapan, kita mempunyai perancangan interim bagi menyelesaikan masalah tersebut.

Seterusnya, saya ingin berbahas tentang, membangkit tentang P1. Iaitu, Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan mengenai PK9 di bawah Kod 100 (90) Pembangunan Institusi Pentadbiran iaitu pecahan kepala kecil 10 dan 01 iaitu Rumah Kediaman Kerajaan dan Penyelenggaraan Baik pulih Rumah-rumah Kerajaan. Saya

rasa peruntukan yang diberikan ini adalah bertujuan untuk membaik pulih rumah-rumah kediaman bagi membolehkan kebajikan terutamanya pekerja-pekerja, kakitangan kerajaan ini dipulihkan. Saya dapati kebanyakannya rumah-rumah kerajaan ini telah dibina dan didiami begitu lama dan keadaannya usang. Kita lihat dia punya tandas-tandas dia pun dalam keadaan yang begitu teruk jadi saya menyokong penuh lah kalau boleh ya, kerja-kerja penyelenggaraan dan pemulihan ini dilaksanakan. Saya juga ingin Pertanian, mengambil perhatian tentang rumah kerajaan yang telah menempatkan untuk EXCO tinggal iaitu di Seksyen 7 Shah Alam. Saya difahamkan rumah-rumah ini tidak diduduki oleh, apa ni, EXCO berkenaan dan rumah ini biasanya kalau tidak diduduki maka ia akan menjadi, orang kata, kita tahu lah ya, orang kata, orang kita kata *rumah hantu*. Ya, di mana, di sinilah tempat lipas bersarang, tikus dan sebagainya. Jadi, perlukan penyelenggaraan-penyelenggaraan yang baik dan lebih baik lagi kalau rumah ini dihuni. Jadi, saya mencadangkan supaya ya, kerajaan memikirkan bagaimana kita ni lah, menjemput ataupun mengajak EXCO-EXCO, terutama EXCO-EXCO baru ni, bagi duduk di rumah-rumah tersebut walaupun kita tahu mereka boleh membuat pilihan. Tapi kalau tak diduduki saya ingin mencadangkan bagi lah adun-adun lain walaupun bukan Adun pembangkang bagilah ADUN-ADUN di pihak kerajaan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Saya minta mencelah. Minta mencelah sedikit.

TUAN SPEAKER: Sg. Burong nak bagi siapa mencelah. Sekinchan ataupun Teratai?

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Sekinchan, Sekinchan lah. (bahasa Jawa), dengan izin, terima kasih. Saya nampak bersemangat juga Yang Berhormat Ketua Pembangkang pagi ini ya, sebab ada penyelarasan dan juga kita iktiraf apa, kedudukan Ketua Pembangkang ini juga penting, ini satu sejarah. Jadi, dalam soal rumah EXCO ini saya rasa kerajaan patut bagi satu rumah khusus untuk Ketua Pembangkang untuk iktiraf lagi lebih sedikit, setuju atau tidak? Terima kasih.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Tak apa lah, terima kasih atas cadangan tersebut tapi saya dah ada rumah sendiri saja lah ya.

Y.B. PUAN TIEW WEY KENG: Minta mencelah Puan Speaker.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Saya tak nak lah nanti kalau, kecuali nanti orang kata, nanti pula kena tambah pula. *Wallahualam*, ini yang susah ni. Rumah satu (1) dah cukup dah. Ok, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Sg. Burong, Teratai minta mencelah.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Saya dah habis dah ni. Ok, Teratai.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Kg. Tunku boleh?

Y.B. PUAN TIEW WEY KENG: Terima kasih. Saya ingin meminta penjelasan atas tadi dalam ucapan Yang Berhormat Sg. Burong tentang *rumah hantu* itu, apa maksud itu *rumah hantu* dan juga bagaimanakah katakan rumah itu tidak digunakan oleh kerajaan negeri Selangor. Dan juga, berkenaan dengan kenaikan gaji kan yang mana hari ini, didapati bahawa bil elektrik pun akan naik tak lama lagi kan? Jadi, macam mana *rumah hantu* itu boleh berlaku ni? Terima kasih.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Dan rumah hantu ni kata orang tua-tua. Dulu masa saya kecil-kecil ni, dia kalau anak-anak dia kerja luar dia tak balik kampung, dia kata kena lah balik kampung, kena jaga rumah. Dia tak kata suruh jaga, orang tua ni. Dia kata jagalah rumah ni supaya jangan jadi *rumah hantu*. Tak, ini yang orang tua-tua saya cakap dengan saya. Ini bidalan.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Minta penjelasan.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Ok. Puan Pengerusi..

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Yang Berhormat tadi sebut tentang *rumah hantu*. Yang Berhormat tadi sebut *rumah hantu*, jadi saya nak tanya, yang bina *rumah hantu* ini, hantu lebih besar ke? Siapa yang bina rumah hantu tu?

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Ini tak timbul lah. Ini bidalan, rumah ni kalau dibina kena dijaga, ya. Yang..

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Minta penjelasan lagi sikit.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Yang ini, yang jawab ni kena EXCO lah ya, bukan saya.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Sikit lagi.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Sebab rumah ini dibina oleh kerajaan..

Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI: Speaker, cuma saya nak betulkan salah faham tadi sebab

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Nanti..saya..

Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI: Saya duduk rumah tu..(Ahli dewan ketawa)..saya termasuk dalam hantu yang disebutkan tadi.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Itu bukan rumah berhantu ya, ini bukan..boleh jawab ya?

TUAN SPEAKER: Soalan saya kepada kesemua Ahli Yang Berhormat, apakah kaitan rumah EXCO dengan usul pembangunan? (Ahli dewan ketawa)
Ok.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Saya minta tambahan celahan sikit Yang Berhormat. Terima kasih Puan Speaker. Yang Berhormat Ketua Pembangkang. Soal tadi, cerita-cerita orang tua..

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Puan Speaker, bagi izin? Saya tak ada pun cakap bagi izin (ketawa)..

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Bagilah..bagi ke tidak?

TUAN SPEAKER: Sekinchan, Sekinchan..duduk dulu. Sg. Burong, izinkan atau tidak?

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Sikit, sikit..

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Boleh lah..boleh..

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: (Ketawa) Ok, nampaknya kerjasama cukup baik lah. Haa..antara kerajaan..semakin intim. Kesepakatan itu ada..ha..ini antara budaya baru Pakatan Rakyat yang sudah pembangkang terima lah. Terima kasih saya ucapkan dan juga, pertanyaan saya, pertanyaan saya..tadi saya dengar Yang Berhormat Sg. Burong, Ketua Pembangkang, dia perjelaskan ini cerita rumah hantu ni daripada cerita dulu nenek moyangnya semua kan? Saya dengar ni, kalau dalam Islam, saya minta, sebab saya bukan Islam, minta petua sikit. Dalam Islam ni, kalau dengar cerita-cerita benda yang mitos ini, ini dia ada terkeluar sikit, dia ada unsur-unsur syirik tau. Bertentangan dengan hukum syarak. Apa pandangan Yang Berhormat, bertentangan dengan hukum syarak. Ha, minta sikit.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Boleh lah nanti kita buat kelas agama. Kita cadangkan ya, EXCO berkenaan buat kelas agama untuk bagi penerangan kepada saudara Sekinchan lah ya. Jadi, ini bidalan. Bidalan dia ada dua tau. Satu, orang Islam, satu orang Melayu ya. Bidalan ini termasuk di dalam orang kata, kesusasteraan untuk orang Melayu ya. Ini soal syirik ni kita boleh cerita lah. Lepas ni di luar dewan saya boleh bagi penerangan tentang syirik. Ya, jadi, tadi sebab Puan Speaker menyentuh apa kaitannya soal pembangunan dengan rumah EXCO ni, rumah EXCO sebab dia ada di dalam apa ni, penyelenggaraan rumah-rumah kerajaan. Jadi, rumah-rumah kerajaan termasuk rumah oleh kakitangan kerajaan, sama ada daripada Kelas A sampai Kelas F ya, Kelas E, D dan sebagainya termasuk juga rumah-rumah EXCO. Yang ada dalam, tadi saya dah sebut dia punya PK-PK yang berkenaan. Jadi, saya ingat, oleh sebab sebenarnya lampu dah merah lama tadi saya ingin menamatkan perbahasan saya tentang pembangunan ini dengan menyokong bajet pembangunan, sekian.

TUAN SPEAKER: Kota Anggerik.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Puan Speaker, saya merujuk muka surat 65 (37) Kemudahan..

TUAN SPEAKER: Kota Anggerik, terus kepada perbahasan dasar.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Saya melihatkan bahawa, kemudahan infrastruktur sukan di negeri Selangor tidak mencukupi, dan memandangkan Selangor ini peneraju bagi ekonomi, sukan juga mesti lah jadi peneraju. Dan memang selama ini pasukan SUKMA kita menjadi juara. Dan kita harapkan kita nak lahirkan lagi lah juara-juara daripada negeri Selangor ini. Kesilapan besar dibuat oleh kerajaan dahulu ialah bila menjual tanah MSN untuk dibangunkan untuk dijadikan perumahan dan komersial. Saya mencadangkan peruntukan ini, saya rasa tak cukup cuma RM800,000 sahaja kita perlukan sebuah gelanggang *lawn bowl* yang mana ia menyumbang jumlah piala. Saya pernah menjadi penasihat pada persatuan ini, tidak ada gelanggang yang sesuai untuk *lawn bowl*. Saya difahamkan pemain hoki kita berlatih di Lembah Pantai sebab stadium yang ada di Klang, Pandamaran mahupun di Kelana Jaya tidak sesuai. Kemudian, kita ada dewan badminton yang teratur, gelanggang tenis. Saya menjadi Presiden KANU. Kita punya atlet berlatih kanu di *Ban Cannal*. Tiada tempat latihan sesuai untuk KANU dan kini pasukan KANU berlatih di negeri Melaka, malu Selangor. Fasal KANU, berlatih di negeri Melaka. Kemudian juga dan yang lain-lain. Bola jaring, saya difahamkan pasukan bola takraw kita berlatih di bawah flat. Kemudian, baru-baru ini, kita ada program permotoran, *Selangor Motor Race*, yang mana ramai anak-anak muda yang terlibat dalam aktiviti permotoran ini. Tetapi, *circuit* lumba motor yang ada di Batu Tiga

itu telah pun ditukar menjadi perumahan. Saya mencadangkan kepada EXCO supaya kita bina sebuah bandar sukan, *Sport City* yang baru memastikan bahawa program-program sukan ini dapat dibangunkan dengan baik di negeri Selangor. Yang kalau boleh tiap-tiap kampung kena ada apa ni, aktiviti lasak supaya anak muda boleh, tidak merempit ditengah jalan tetapi mereka ada tempat untuk menunggang motosikal.

Seterusnya ialah, saya melihat dalam program pembangunan ekonomi desa, ada pertindihan di antara STANDCO ni. Di antara Menteri Besar dan juga EXCO. Saya sangat menghormati Menteri Besar dalam soal kewangan ataupun soal pembangunan tanah tapi saya rasa beban tugas Menteri besar sangat berat. Jadi, untuk apa ni, budaya pun Menteri Besar pegang, untuk luar bandar pun Menteri Besar pegang. Saya cadangkan supaya, tugas luar bandar ini diserahkan sepenuhnya pada EXCO supaya fokus Menteri Besar pada kewangan dan pembangunan negeri sementara EXCO boleh fokus kepada program-program pembangunan ekonomi desa. Cuma saya rasa, EXCO ni berat sangat. Nak jaga masjid hampir 6000, nak jaga petani ada 368 kampung, kami ada ADUN-ADUN sedia nak bantu, boleh pilih untuk jadi bantu EXCO kepada EXCO berkaitan. Kalau tak ada, tambah EXCO pun tak apa. (Ahli dewan ketawa). Di sini bersedia untuk menjadi tambah EXCO. Bukan kerana gaji baru, tidak. Kami bersedia nak bantu. Sebab beban tugas EXCO berat sangat. Macam satu lagi saya minta kepada apa ni, EXCO *infrastructure* saya rasa tugas nya sangat berat. Boleh dibahagi-bahagi. Keduanya ialah, ketiganya soal Jalan U10 yang menghubungkan di antara Shah Alam dan Kuala Selangor melalui Puncak Alam. Saya rasa jalan ini dikategorikan sebagai jalan tidak selamat. Berbelok-belok dan bila malamnya gelap. Satu persimpangan iaitu di kawasan Simpang Sunway, Sunway Suria, dah ramai dah meninggal di simpang itu. Saya dah banyak kali minta JKR supaya dibetulkan simpang tersebut dan supaya ia dapat memastikan keselamatan jalan raya sebab *design* jalan itu nampak *design* maut lah. Ketiganya ialah soal JAIS iaitu PK2, saya sebut soal keperluan sekolah agama rakyat dan KAFA. Di kawasan penempatan padat seperti Bukit Subang, saya sebut dalam ucapan dewan saya yang lalu. Rakyat sangat-sangat memerlukan sekolah rendah agama di situ. Sekarang ini sekolah rendah agama (SRA) dan KAFA dibina di bawah kolong, flat-flat. Rasa sangat tidak sesuai. Saya minta dalam perbahasan saya yang lepas supaya dibina SRA atau KAFA di kawasan Bukit Subang. Tanah telah pun disediakan di kawasan Denai Alam. Satu lagi ialah soal masjid sekali lagi. Seksyen 13, masjid ini dibina atas dasar wakaf. Yang saya faham, wakaf ini telah dibina hendaklah diserahkan pada kerajaan tetapi pihak NAZA memohon menjadi masjid institusi. Masjid institusi ialah dalam Universiti seperti masjid di UKM, di MSU, di UPM, ini masjid institusi. Tetapi masjid ini di kawasan tabligh. Sepatutnya masjid tersebut kena serah pada JAIS dan JAIS kena serah pada kariah untuk menguruskannya. Lebih lagi, tak muat masjid tersebut. Saya rasa pihak surau minta supaya dibenarkan sebab Jumaat. Saya kasihan satu hari saya sembahyang

Jumaat di situ saya dapati ramai ahli jemaah bersembahyang di bawah gerimis sebab kawasan masjid tidak cukup.

Satu lagi saya nak sebut soal banjir juga lah. Ini Kertas MTES, ini Rahsia tak boleh tetapi ini ialah pada no.3/39/2013 Banjir Di Sungai Rasa yang banyak kali disebut. Peruntukan telah pun disediakan. Arahan pun jelas tetapi tidak dapat dilaksanakan sehingga sekarang. Saya minta supaya disegerakan kawasan ini. Dan soal banjir ini saya minta supaya tidak ada mana-mana pemaju yang dikecualikan untuk menyediakan kawasan takungan. Saya dapati ada pemaju iaitu *I-City* yang sepatutnya membuat kolam tadahan tetapi macam dapat pelepasan tak buat kolam tadahan. Jadi kalau boleh tidak ada mana-mana pemaju yang terlepas daripada membuat tanggungjawab pastikan kolam tadahan itu disediakan di kawasannya.

Tuan Speaker, itulah daripada saya pagi ini mudah-mudahan saya dapat terus di sini. Andalas sekali lagi merayu peruntukan RM 100 juta untuk pastikan bahawa banjir di Negeri Selangor ini dapat dikawal. Saya sekali lagi dengan kenaikan gaji ini maka semua ADUN Pakatan Rakyat bersemangat memastikan supaya Speaker akan terus menjadi Speaker dan jadi supaya Pembangkang tetap menjadi Pembangkang. Ini kita bersetuju, nampak Pembangkang bersetuju biar Pakatan Rakyat dan Kerajaan, Pembangkang biarlah terus jadi Pembangkang daripada Barisan Nasional. Terima kasih banyak.

Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK: Puan Speaker.

TUAN SPEAKER: Sungai Air Tawar.

Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK: *Assalamualaikum warahmatulli wabarakattuh.* Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia. Terima kasih Puan Speaker kerana memberi saya peluang untuk membahaskan usul pembangunan. Saya terus kepada perkara mengenai P12 – Jabatan Kerja Raya. Kita sedia maklum bahawa DUN Sungai Air Tawar juga berada di Negeri Selangor dan mengenai dengan program pembangunan ini terutama sekali ialah jalan yang utama Sungai Tengah yang begitu sempit. Masalah *local* ya, tapi penting untuk dibangunkan di mana bila berlaku kesesakan, berlaku lah kemalangan dan saya harap Jalan Sungai Tengah ini diambil perhatian supaya menjadi satu masalah yang perlu diselesaikan. Selain daripada itu, jalan besar Sungai Air Tawar juga setakat ini yang sepanjang 5km nampaknya telah pun berombak-ombak, beralun dan saya harap pihak EXCO Kerajaan beri perhatian.

Mengenai Jabatan Pengairan dan Saliran P13 PK6 iaitu Pengurusan Pantai muka surat 207 yang bernilai belanja RM2 juta. Kita sedia maklum bahawa pantai di sekitar Sungai

Besar sehingga lah Sungai Lang nampaknya sudah mengalami proses *urban* iaitu pembangunan oleh sebab terdapat situ kolam-kolam udang dan juga kolam-kolam ikan yang telah pun dibuat dan saya lihat perkara-perkara ini telah pun ditiadakan memandangkan TOL ni telah pun dibekukan oleh pihak Kerajaan. Apa yang saya harap ialah proses menanam semula bakau ni perlu dilakukan sebab kita sedia maklum bakau ini penampan kepada benteng-benteng ataupun ban-ban di sekitar pantai tersebut dan kita sedia maklum baru-baru ini beberapa ban ini telah pun pecah iaitu ban Sungai Tengah Utara, ban Sungai Apong dan ini tentunya bila ban ini pecah memerlukan belanja yang lebih besar dan saya harap pihak JPS dan juga pengurusan pantai mengambil utama dalam perkara ini.

Mengenai dengan P14 Agama Islam muka surat 240 saya ingin maklum daripada pihak EXCO tentang pengoperasian Mahkamah Syariah bersebelahan dengan Pejabat Balai Bomba Sungai Besar, sampai sekarang saya tak nampak ada operasi dan sebagainya. Dan selain daripada itu saya berharap kepada pihak Kerajaan menimbang tara tentang gaji elaun guru-guru KAFA ni. Itu sedia maklum ya gaji sekarang RM 1,300.00, ya kalau duduk di kampung boleh lah, banyak tanam-tanaman dan hasil-hasil kampung tetapi kita bayangkan lah mereka ini guru-guru KAFA ini duduk di pekan, sewa sahaja sudah RM 500.00 dan lain-lain perbelanjaan dan diharap ini dikaji dengan sebaik mungkin.

Untuk P16 – Jabatan Perancang Bandar, kita sedia maklum di DUN Sungai Air Tawar terdapat Bandar Ilmu, Kampung Ilmu iaitu di situ terdapat ILDAS, terdapat STBI, balai pencerap untuk melihat anak bulan, Pusat Akauntan Negara dan Politeknik Sultan Idris Shah dan apa yang saya lihat di situ di sekeliling ya, bangunan ini terdapat tanah-tanah kosong yang perlu dibangunkan dan sudah tentu ia dijadikan satu bandar ilmu seperti mana di Bangi contohnya. Dan adalah lebih baik saya rasa kalau dibina satu jambatan baru, kalau Pulau Pinang boleh buat jambatan baru dengan hebat, kita saya rasa kita juga boleh bina jambatan baru untuk mengelakkan lalu lintas iaitu di antara Sungai Tawar ke Bagan Datuk, Perak. Ya dan tentunya dengan adanya jambatan ini akan meningkatkan ekonomi Negeri Selangor. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Kinrara

Y.B. TUAN NG SZE HAN: Terima kasih Puan Speaker. Kinrara ingin mengambil bahagian di dalam perbahasan Perbelanjaan Pembangunan ini. Perkara pertama yang Kinrara ingin sentuh adalah berkenaan P01 – CCTV Pihak Berkuasa Tempatan. Kinrara ingin mengucapkan Tahniah kepada Kerajaan Negeri Selangor kerana telah memasang lebih banyak CCTV di Selangor sekiranya dibanding dengan KPKT. Walaupun pengawalan keselamatan adalah di bawah tanggungjawab Kerajaan Pusat, memandangkan kes jenayah yang semakin bertambah, CCTV merupakan satu kaedah

yang berkesan untuk mencegah jenayah dan banyak lagi tempat yang memerlukan CCTV. Kinrara mengalu-alukan usaha Kerajaan Negeri untuk memasang lebih banyak CCTV dan berharap lebih banyak peruntukan akan diberi untuk projek CCTV ini.

Perkara yang kedua, merujuk kepada P12 – Jabatan Kerja Raya; menaik taraf jalan Daerah Petaling. Apa yang kita boleh nampak di sini, banyak projek menaik taraf jalan yang telah dirancang oleh JKR Petaling bagi tahun 2011 hingga tahun 2015 tetapi tiada sebarang peruntukan bagi projek tersebut. Projek-projek tersebut adalah amat penting untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas di kawasan Puchong. Puchong yang saya maksudkan di sini termasuk Kinrara dan jiran saya DUN Seri Serdang. Puchong telah dikenali sebagai sebuah bandar yang penduduknya begitu padat dan pembangunannya begitu pesat dan dikelilingi oleh tol lebuhraya. Masuk Puchong kena tol, keluar Puchong kena tol, belok kiri kena tol, belok kanan kena tol. Nak menuju ke hadapan kena tol, *u-turn* pusing balik pun kena tol. Puchong dah jadi satu kubu tol lebuhraya, bandar bertol. Jadi, kesian la penduduk di Puchong, Kinrara merayu kepada Kerajaan Negeri dapat mempertimbangkan untuk memberikan peruntukan bagi projek-projek menaik taraf jalan di Puchong. Selain daripada Puchong, Subang Jaya dan USJ juga mempunyai masalah kesesakan yang semakin teruk terutamanya di sepanjang Persiaran Kewajipan. Di dalam PK4 muka surat 194, Butiran 10040, ada satu rancangan untuk menaik taraf persimpangan Persiaran Kewajipan dan Persiaran Murni. Kinrara memohon projek menaik taraf persimpangan ini boleh diberi *priority*.

Perkara seterusnya yang saya ingin sentuh adalah merujuk kepada P16 – Jabatan Perancang Bandar dan Desa muka surat 256. Seperti yang kerap disebut oleh Sekinchan di dalam Dewan yang mulia ini Selangor adalah peneraju ekonomi, peneraju pembangunan dan peneraju untuk segala-galanya. Jadi peranan JPBD adalah semakin penting. Kita nak jadikan JPBD sebagai peneraju perancangan di negara kita. Dalam perancangan untuk masa depan, adalah penting untuk memastikan kajian *Traffic Impact Assessment* atau *Social Impact Assessment* dengan izin diambil serius. Kita tidak mahu apa yang berlaku dahulu bahawa pembangunan perumahan diadakan dulu dan sakit kepala kemudian dengan infrastruktur yang tidak lengkap. JPBD seharusnya berusaha untuk merancang infrastruktur yang sempurna dulu dan baru diikuti dengan pembangunan projek perumahan atau sekurang-kurangnya pembangunan perumahan dan pembinaan infrastruktur itu dijalankan secara serentak. Dengan ini Kinrara menyokong usul Bajet Peruntukan Pembangunan 2014. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Batu Caves.

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: Terima kasih Puan Speaker, Menteri Besar dan Ahli-ahli EXCO Kerajaan Negeri, rakan-rakan Ahli Dewan. *Assalamualaikum*

waramatullhi wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Terima kasih, saya mengambil kesempatan ini bagi pihak rakyat dan penduduk Batu Caves mengucapkan terima kasih di atas kesempatan untuk membahaskan usul pembangunan bagi kita membahaskan sejumlah RM624 juta yang akan difokuskan untuk pembangunan dan juga projek-projek dan juga pembangunan-pembangunan seluruh Negeri Selangor. Sudah pasti dengan peruntukan yang sedia ada ini diharapkan dia mampu terus kepada rakyat dan dapat mengurangkan bebanan rakyat dalam berhadapan dengan kehidupan dan selanjutnya menggalakkan serta melonjak pemangkin kepada kemajuan serta pembangunan ekonomi Negeri Selangor dan Malaysia secara keseluruhannya yang terbukti daripada kenyataan dan rekod yang kita perolehi, Negeri Selangor masih mengekalkan sebagai penyumbang terbesar kepada KDNK dan juga kedudukan ekonomi Malaysia iaitu lebih daripada 25% walaupun sampai ketika ini jumlah peruntukan balik yang kita terima masih lagi kecil walaupun kita telah mengetengahkan pelbagai cadangan-cadangan seperti melihat dan mengira bentuk kepala yang ada di negeri dan juga sumbangan yang diberikan dan saya harap ini boleh kita teruskan di masa depan bagi memastikan rakyat yang ada di negeri kita dapat memperoleh pembangunan yang baik.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya kasihi sekalian, saya fokuskan yang pertama dalam Isu Pembangunan dan Hal Ehwal Pembangunan yang ada di Negeri Selangor ini merujuk kepada halaman 60 yang merujuk kepada Pembangunan Luar Bandar Negeri Selangor pada Butiran 10020 - Pembangunan Luar Bandar Butiran 3 – Pembangunan Ekonomi Kampung Tradisi, Batu Caves menyambut baik tentang peruntukan sejumlah RM 5 juta yang telah diperuntukkan bagi Program Pembangunan Ekonomi Tradisi Kampung dan sudah pasti ini menunjukkan betapa seriusnya Pakatan Rakyat dan parti-parti dalam Pakatan Rakyat dalam meningkatkan kedudukan taraf sosial bagi penduduk-penduduk yang tinggal di kampung dan sekali gus berhadapan dan mengetengahkan pelbagai isu yang melibatkan kawasan-kawasan kampung tradisi seperti penghijrahan anak-anak muda dan pengupayaan serta kemodenan yang bakal kita letakkan kerana daripada rekod yang kita dapat lihat daripada statistik yang kita dapat lihat nampaknya Pakatan Rakyat sangat diterima baik di bandar tapi kadang kala agak berat di kawasan kampung dan kawasan tradisi. Dengan adanya perkara ini saya harap moga ada pencerahan di kalangan masyarakat dan dapat mengetengahkan lagi pandangan-pandangan kita dan sekali gus mampu meneruskan program dan projek-projek yang baik kepada rakyat secara keseluruhannya. Namun begitu saya menuntut agar satu kajian yang khusus perlu dilaksanakan bagi memastikan program-program pembangunan ekonomi kampung tradisi ini dapat menumpu dan seterusnya menggerakkan mengikut kepada kemampuan yang ada di satu-satu kawasan dan satu-satu tempat.

Sebagai contoh, kalau secara sengaja atau pun tidak sengaja, saya lihat sebagai contoh di kawasan Batu Caves kami ada beberapa kampung tradisi Kampung Nakhoda, Kampong Sungai Tua, Kampong Sungai Kertas, Kampung Laksamana, semua kampung-kampung ini kelihatannya seperti mereka ada satu *mist business* dengan izin, ada fokus *business* yang wujud di satu-satu kawasan tersebut. Kalau saya lihat rakan saya di Morib, di Kuala Langat mungkin, kita juga lihat kalau di Sungai Kelambu, di Kanchong Darat dan sebagainya ada satu perniagaan yang tertentu. Sebagai contoh, perniagaan kerepek-kerepek dan makanan ringan tradisi tetapi di kawasan Batu Caves kita dapat lihat juga ada perniagaan yang sangat besar melibatkan *catering* atau pun perniagaan-perniagaan melibatkan *catering* makanan. Bukan kecil, ada Mee Razi Catering, Ishak Catering dan pelbagai *catering-catering* yang besar dan seterusnya ia dapat menggalakkan peluang pekerjaan dan seterusnya memberikan pulangan ekonomi dan meningkatkan pendapatan kepada pengusaha-pengusaha yang terbabit dan sudah pasti jika kawasan penguasaan kerepek dan tradisi ini, mereka ada fungsi dan ada lonjakan yang perlu diterima. Di kawasan *catering-catering* ini juga ada lonjakan yang diterima. Di Kuala Selangor mungkin ada perniagaan-perniagaan lain yang wujud juga memerlukan fokus yang tertentu jadi saya berharap agar peruntukan yang sedia ada RM5 juta itu tidak berdasarkan konsep sama rata tetapi berdasarkan kepada konsep keperluan yang memerlukan fokus yang lebih daripada pihak Jawatankuasa Tetap dan Kerajaan Negeri.

Dan kadang kala seperti di kawasan Batu Caves di antara rungutan yang selalu diterima mereka bukan sangat mengharapkan kepada kewangan, bukan sangat ye, kadang-kadang kalau dibagi pun mereka suka tetapi yang mereka perlukan adalah kawasan tanah sebagai contoh dan bentuk insentif itu boleh dikurangkan dengan pemberian pengurangan cukai dan pengurangan sikit insentif daripada pihak Kerajaan Negeri bagi melonjakkan. Saya dapat lihat kalau perniagaan *catering* ini kadang-kadang kalau dia tidak mahu dia boleh sub kan atau pun dia boleh *absolve* kan kepada peniaga-peniaga yang lebih kecil dan ia merupakan satu jaringan ekonomi yang baik yang mungkin boleh difikirkan untuk menjana ekonomi di kalangan masyarakat tradisi.

Saya juga suka melihat kepada satu program yang telah berjalan di sebuah kampung di kawasan Rawang. Kampung itu kampung, tapi kampung cinalah iaitu Kampung Lim Kim Sai. Di kampung itu diwujudkan satu bentuk yang dinamakan koperasi kampung dan kedai, kedai yang ada di kawasan sana itu, mereka penduduk-penduduk kampung di sana telah dalam bentuk koperasi yang kecil. Jadi saya juga mencadangkan pihak Kerajaan Negeri supaya mengkaji hal ini bagaimana satu kampung boleh mewujudkan koperasi dan dengan koperasi, keuntungan daripada koperasi itu boleh diturunkan untuk program-program kebajikan yang ada di kampung. Jadi Program Merakyatkan Ekonomi itu tidak hanya terfokus kepada bebanan Kerajaan Negeri, kampung juga ada

program-program merakyatkan ekonomi kampung. Walaupun sumbangannya mungkin dapur gas, walaupun sumbangannya hanya mungkin RM300.00 dan RM400.00 tradisi, kebudayaan atau pun budaya kebajikan itu menjadi satu, satu kebudayaan, atau pun satu program yang berterusan dan dijalankan dalam pelbagai lapisan.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya kasihi sekalian,

Saya juga ingin memfokuskan dalam bidang sosial, dalam bidang pendidikan iaitu dalam bidang sosial 10070 berkenaan dengan Pembangunan Pendidikan dan Program Kemahiran Teknikal.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya kasihi sekalian,

Untuk membangunkan anak muda, kita tidak hanya boleh memberikan rebet RM250.00 untuk telefon. Kita bukan hanya nak bagi helmet percuma, kita bukan nak bagi hanya lesen motor percuma malahan lesen motor percuma yang dibuat oleh satu kumpulan dalam negara kita ini menunjukkan ada program yang masalah pula, anak-anak yang dapat lesen percuma itu kena bayar RM200.00 tak dapat lesen pula. Kita sedang kumpulkan fakta dan bukti ini akan saya dedahkan nanti apabila masa telah kita tetapkan. Tetapi saya beranggapan, Batu Caves menganggap bahawa pendidikan merupakan satu bidang yang sangat penting dan ada kata-kata menyebutkan pendidikan merupakan pelaburan masa depan dan saya sangat menyokong di atas usaha Kerajaan Negeri untuk memperuntukkan sejumlah RM2 juta bagi program-program membudayakan kemahiran teknikal dalam kalangan masyarakat, khususnya masyarakat belia.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya kasihi sekalian,

Saya ada melihat sesetengah, ada satu laporan media yang menyebut bahawa Y.A.B. Menteri Besar mencadangkan atau pun mengimpikan agar diwujudkan satu sekolah yang boleh melatih para belia kita untuk memperbaiki dan membuat kerja-kerja yang melibatkan *path* atau pun barang-barang yang melibatkan alat-alat kapal terbang dan ini satu usaha yang baik. Namun begitu saya ingin melihat sedikit apa yang telah kita ada iaitu melalui institusi pendidikan tinggi Negeri Selangor seperti INPENS yang telah wujud semenjak tahun 2006 yang telah diasaskan oleh Tan Sri Muhammad Mohd Taib, Menteri Besar Negeri Selangor yang dulu Barisan Nasional yang sekarang dah masuk PAS. Jadi saya nak sebutkan bahawa (jadi yang nak sokong BN lagi teringatlah Menteri Besar lama dah masuk PAS dah, masuk Pakatan Rakyat).

Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya kasihi sekalian,

Daripada rekod dan data yang kita ada, pada tahun 2013 sahaja sebanyak 965 peserta telah menerima latihan daripada INPENS ini dan 6,935 telah mendapat latihan ini sejak daripada tahun 2006 sehingga tahun 2013 dan daripada fakta yang saya temui melalui perbincangan dengan pihak INPENS menyebutkan bahawa untuk lima (5) jenis kursus yang dianjurkan di INPENS dengan kewujudan satu premis baru dengan kelengkapan termasuk peralatan kelengkapan bengkel, *syllabus* pengajaran, bahan guna habis, pengajian dan penyelenggaraan adalah berjumlah lebih kurang RM20 juta satu tahun dan peruntukan yang dikeluarkan pada tiap-tiap tahun atau yang diperlukan untuk tiap-tiap tahun bagi operasi INPENS termasuk gaji, *syllabus* dan sebagainya adalah sejumlah RM4 juta satu tahun. Angka ini saya lihat tidaklah terlalu besar untuk ditampung oleh pihak Kerajaan Negeri dan saya dapat melihat agar INPANS ini boleh dikembangkan

Y.B. TUAN HAJI SHAARI BIN SUNGIB: Minta penjelasan. Minta penjelasan adakah INPANS atau pun INSPENS.

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: INPENS, ha...ha... S, ada hujung. Dia kadang-kadang tersilap INSPEN dengan INPENS. Kalau susah sangat saya cadangkan pihak Kerajaan Negeri tukar namalah jadi senang, biar orang tak pening. Lepas ini tukar nama, jangan jadi *SPIES* sudahlah

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Daripada peruntukan ini saya dapat lihat ia telah dapat melahirkan ramai anak-anak muda kita dan ada program-program tertentu daripada jawatankuasa yang melibatkan Yang Berhormat juga yang salah seorang yang melibatkan masyarakat India dan ia boleh dikembangkan. Kalau tidak menjadi setiap satu Parlimen satu, setiap satu daerah satu pun paling tidak Kerajaan Negeri boleh mengembangkan kepada dua atau pun tiga dalam penggal ini dan kita boleh membantu anak-anak muda kita sama ada mereka terlibat dalam bidang kemahiran ini dan ini merupakan *trend* yang ada di negara-negara moden. Saya dapat lihat *handsard* di Parlimen, mereka membincangkan hal ini juga, apabila negara-negara moden menunjukkan bahawa atau negara-negara maju menunjukkan bahawa trend keterlibatan anak-anak muda atau pun para belia dalam aliran *profesional* ini menunjukkan ada satu ciri yang penting untuk menjadi sebuah negeri maju dan ini memberi peluang sebab daripada keseluruhan seratus peratus anak-anak muda kita yang terlibat dengan Sijil Pelajaran Malaysia dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia hanya 30 peratus dapat memasuki di peringkat universiti sementara 70 peratus lagi tidak masuk dan mereka boleh diserapkan dan pihak

Kerajaan Negeri boleh mengambil fungsi ini sesuai dengan apa kita perolehi dan sesuai dengan taraf negeri maju yang sudah kita miliki.

Saya ingin ambil satu contoh, sebelum kita bincang tentang memperbaiki atau pun *upgred* anak-anak muda kita ini dalam bidang pembaikan atau pun *repair* kapal terbang. Saya ambil satu contoh penggunaan tentang, penggunaan telefon pintar. Telefon pintar, *smart phone* seperti *blackberry*, *Samsung* dan sebagainya kita guna sekarang, silap-silap seorang dapat dua, tiga. Daripada rekod yang kita ada, 37 peratus daripada 7 juta pengguna telefon pintar di Malaysia ini adalah di kalangan anak, di kalangan rakyat negeri Selangor dan ini membawa maksud bahawa sebanyak 2.6 juta pengguna telefon pintar yang sentiasa memerlukan keperluan untuk *service*, kadang-kadang rosak (*hang*) lagi-lagi *blackberry* dia keluar...jangan belilah.... biarkan hang dan sebagainya. Jadi saya mengirakan atau saya mengambil kira yang mudah yang mungkin tak *detail*. Saya anggarkan kalau satu orang berbelanja RM100.00 bagi setiap telefon pintar untuk menaik taraf, *service* dan serba gunanya untuk *accessory* dan pembaikan kita telah menjana lebih kurang RM260 juta untuk pengguna-pengguna di sekitar Lembah Klang iaitu Kuala Lumpur dan negeri Selangor. Jadi sebelum itu saya juga ingin cadangkan Kerajaan Negeri untuk mengkaji bagaimana menaik taraf anak-anak muda kita ini dengan memberikan mereka sedikit kursus bagaimana membaiki dan saya rasa tidak memerlukan mereka belajar sampai matematik kalkulus dan matematik tambahan untuk belajar macam mana nak menaik taraf ini dan ia merupakan satu peluang ekonomi yang sangat baik yang saya kira boleh disasarkan di peringkat bawah kepada anak-anak muda kita dan ini merupakan satu program yang saya rasa jauh lebih baik dan diingati, diingatilah walau pun kita dah buatlah program seperti memberikan peluang perkahwinan, hadiah perkahwinan, lepas kahwin dia dapat RM200.00 habislah, lupalah dia bawa pergi *honeymoon*. Kalau kita bagi peluang mereka berniaga bagi peluang dengan kemahiran ini satu bidang yang sangat kecil yang saya bagi contoh ini dalam bidang telefon pintar sebagai contoh dalam bab telefon pintar ini yang ada peluang.....

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Tuan Timbalan Speaker nak minta penjelasan.

TUAN SPEAKER: Batu Caves, Rawang nak minta mencelah.

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: Bisik je... sebelah.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Tak boleh bisik sebab kena rekod dalam *handsard*. Saya cuma nak tanya tentang program yang baru-baru ini dianjurkan oleh pihak Kerajaan negeri Selangor sebab tadi Yang Berhormat Batu Caves sebutkan perkahwinan. Insentif untuk perkahwinan belia dan kita ada Program Perkahwinan Mega. Jadi

adakah pada pandangan Yang Berhormat Batu Caves kita perlu teruskan, tambah baik atau pun macam mana.

TUAN SPEAKER: Rawang, Rawang berminat.....

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: Rawang, berminat ye.....

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Tidak, tidak menepati syarat..

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: Saya alu-alukan daripada segi untuk menggalakkan institusi keluarga yang sihat, itu mungkin hasrat Kerajaan Negeri. Tetapi saya melihat kepada satu program yang lebih berjangka panjang dan memberi manfaat kepada rakyat, kepada secara keseluruhannya. Walau pun program ini saya rasa baik dan harus disusun dengan betul insentif perkahwinan dan sebagainya namun saya kira ada cadangan-cadangan yang boleh kita lihat secara menyeluruh dan dibincangkan dengan lebih serius bagi memastikan, saya rasa belanjawan ekonomi dan belanjawan dan peluang dan kejayaan ekonomi kita ini dapat turun dan dapat memberi manfaat kepada rakyat secara keseluruhannya.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya kasihi sekalian,

Saya ingin merujuk juga dalam perkara ini suka yang jawab nanti Yang Berhormat Selat Klang berkenaan dengan *SPIES*. Berkenaan dengan *SPIES* ini merupakan satu inisiatif Kerajaan Negeri bagi membentuk sebuah masyarakat yang bertamadun lagi dipimpin di negeri Selangor dengan apa yang telah dibincangkan dengan panjang lebar. Dan saya dapat lihat ada peruntukan sejumlah RM5 juta yang telah diperuntukkan mengikut daripada PK 7 halaman 65 berkenaan dengan *SPIES* ini dan sudah pasti setelah beberapa tahun yang kita anjurkan *SPIES* ini, saya dapat lihat bahawa ia telah memberikan paling tidak sedikit kesan kepada semua anak-anak muda, pegawai-pegawai kerajaan, ketua-ketua kampung dan penjawat-penjawat yang ada di dalam negeri Selangor ini dan mereka-mereka yang mengikuti Program *SPIES* ini. Namun begitu saya ingin mengusulkan kepada pihak Kerajaan Negeri supaya memastikan bahawa program kita ini lebih mantap dan dikaji dalam memenuhi kepada kehendak dan keperluan masyarakat secara persekitarannya dan saya ingin galakkan juga kepada pihak Kerajaan Negeri supaya melihat bagaimana model yang telah dilaksanakan oleh PLKN. Walau pun PLKN ada pelbagai masalah dan sebagainya yang saya ada sebahagiannya tidak bersetuju, namun saya rasa adalah menjadi harapan saya agar *SPIES* ini boleh menjadi nilai tanding PLKN dan lebih baik daripada PLKN dalam program-program yang dianjurkan oleh *SPIES*.

Sebagai contoh, apa salahnya untuk *SPIES* dan pegawai-pegawai *SPIES* ini menjalankan program dalam modul yang telah ditetapkan itu terlibat dan berparti *spicy* dengan masyarakat ia tidak menjadi hanya program di dalam bilik darjah di pusat-pusat latihan atau pun di pusat-pusat *training* dengan izin yang telah dianjurkan selama ini. Jadi ia tidak menjadi hanya program-program biasa atau pun program-program tradisi yang melatih fikiran mereka yang memberikan didikan kepada mereka buat *game-game* tertentu tetapi juga didedahkan dengan persekitaran sosial, masyarakat dilibatkan dengan kerja-kerja amal dalam masyarakat dan ini adalah satu latihan yang *real* yang saya rasa boleh diketengahkan dalam program-program yang dianjurkan atau pun dalam apa yang dikatakan sebagai modul *SPIES*. Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya kasihani sekalian, dan yang terakhir sekali.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG: Minta celah. Tuan Timbalan Speaker.

TIMBALAN SPEAKER: Teratai minta mencelah Batu Caves.

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: *Rampa.*

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG: Terima kasih. Atas cadangan bagi Yang Berhormat Batu Caves berkenaan dengan program atau modul bagi program *SPIES* yang diketengahkan. Saya ingin minta penjelasan apakah program yang tidak hanya di dalam bilik darjah yang mana lebih kepada masyarakat, supaya program ini memang kita kata melibatkan masyarakat terdiri daripada pelbagai kita kata golongan atau kaum dan bangsa. Terima kasih.

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: Terima kasih Teratai. Saya rasa antara modul ataupun visi yang ada dalam *SPIES* itu cuba untuk membuat satu keseimbangan di antara spiritual, di antara rohani daripada pendidikan dan sebagainya dan sudah pasti keterlibatan dalam masyarakat seperti program kebajikan dengan masyarakat. Terlibat dengan banyak badan berkenaan dengan pemeliharaan alam sekitar. Itu EXCO Alam Sekitar pun boleh bantu untuk kita, dan mereka ini menjadi manusia-manusia yang bukan hanya dididik dalam masa 3 hari tetapi mereka *alerts* dan diikuti dengan program-program sampingan. Mungkin pihak Jawatankuasa Tetap Belia dan Sukan boleh terlibat juga untuk terlibat dengan PBT supaya mereka boleh terlibat dan boleh saing. Kita ada rumah ibadat, kita ada program sosial, badan-badan perlindungan wanita dan ibu-ibu tunggal. Sebagai contoh, di pihak jawatankuasa dan semua ini boleh dilibatkan sama dan ia boleh menjadi satu gerakan yang lebih menyeluruh dengan izin, supaya *SPIES* ini bukan hanya menjadi kursus 3 hari, kursus 4 hari yang sebahagian besarnya ditimbang teori saya rasa elok dan baik, tetapi ada

program-program praktikal yang boleh dilaksanakan dan boleh diberikan manfaat kepada semua.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG: Minta mencelah, Tuan Timbalan Speaker.

TIMBALAN SPEAKER: Ya, Teratai.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG: Terima kasih. Adakah Yang Berhormat Batu Caves bersetuju untuk supaya satu kita kata tindakan pemantauan atau kita tindakan audit untuk program *SPIES* ini yang telah kian lama dijalankan harus adakan, supaya skim atau program ini memang dapat melibatkan rakyat daripada berbilang kaum dan agama. Terima kasih.

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: Terima kasih. Saya rasa kita bukan hanya, saya bukan hanya cadangkan pemantauan, malahan dalam Dewan inilah saya agak konsisten keluarkan soalan-soalan berkenaan dengan *SPIES*. Walaupun bila keluar *SPIES*, kawan-kawan semua senyum. Sebab panjang jawapannya. Jadi, namun begitu saya juga galakkan untuk kita semua terlibat sama dan juga membuat satu yang dipanggil *follow up* ataupun bagaimana program-program susulan selepas *SPIES* ini dan ia satu-satu cadangan yang saya rasa boleh dimasukkan atau direkodkan dalam *hansard* sebagaimana cadangan daripada Teratai. Seterusnya, saya ingin merujuk dalam soal P01, Pejabat Menteri Besar, PK110010, Perkhidmatan Masyarakat Rumah Ibadat Selain Islam. Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya kasihi sekalian, di kawasan Batu Caves sudah pasti rumah-rumah ibadat selain Islam ini merupakan satu kawasan yang agak menjadi tumpuan dan sudah pasti Batu Caves sahaja akan menyumbang lebih kurang sejuta penganut-penganut agama Hindu terutamanya bagi perayaan Thaipusam yang akan disambut pada tiap-tiap tahun dan sudah pasti kebajikan serta permintaan-permintaan daripada rumah-rumah ibadat selain Islam ini agak banyak melibatkan kawasan-kawasan di Batu Caves. Justeru dengan peruntukan RM3,000,000.00 yang disalurkan untuk pembinaan serta naik taraf rumah-rumah ibadat selain Islam ini saya sangat berharap agar pihak Kerajaan Negeri dapat melihat mengikut kepada kepentingan-kepentingan, melihat kepada keperluan-keperluan tertentu. Ada sesetengah-sesetengah rumah-rumah ibadat itu kadang-kadang ia berusia lebih daripada 100 tahun. Saya rasa rumah ibadat seperti ini sewajarnya diberikan perhatian sebagaimana satu permintaan daripada satu kuil. Kuil *Amilniugum Muniswara Kenneison Brothers*. Kuil ini telah berusia lebih kurang 100 tahun dan permintaan mereka untuk membina satu perubahan yang besar dalam kuil tersebut juga, kalau boleh diberikan perhatian oleh pihak EXCO yang berkenaan. Juga berkenaan dengan satu rumah ibadat yang mungkin kita selalu bercakap soal kuil, tokong, gereja. Tetapi dalam komuniti dan masyarakat kita juga masyarakat daripada

kaum *Sikh* ataupun *Singh*. Mereka ini ada satu *Gudwara* mereka. *Gudwara Sahib*, Selayang Baru dan *Gudwara* ini merupakan satu *Gudwara* yang meliputi masyarakat-masyarakat kaum *Sikh* yang ada di sekitar Rawang sampailah di Kepong sampai di Gombak. Walaupun kita ada satu *Gudwara* yang telah dibina oleh Kerajaan Negeri yang pada tahun pada penggal yang lepas di kawasan Hulu Kelang dan Ampang. Mereka ucapkan terima kasih, mereka buat di Ampang dan tahun ini saya harapkan supaya kita boleh bantu pula di kawasan Selayang Baru ini dan bagi penganut-penganut *Sikh* ini mereka boleh memperoleh peluang untuk mereka mengamalkan kefahaman dan kepercayaan mereka, di samping mereka juga terpaksa ya saya datang sekali, dua kali di sana di Plaza Hang Tuah bersempadan dengan kawasan Taman Templer saya sempat untuk hadir di sana dan bertemu dengan penduduk dan berbincang dengan Pengerusi-pengerusi mereka ini. Mereka menyebutkan mereka terpaksa pula menyewa Sekolah Taman Selayang kawasan belakang itu dan kalau mereka diberikan sedikit peruntukan untuk memperbesarkan bangunan mereka saya percaya ia boleh untuk membantu dan mengembangkan sedikit sebanyak kepercayaan mereka kepada generasi mereka sahaja sebagaimana yang tertakluk dalam Undang-undang dan Peraturan dalam Perlembagaan Negara. Ahli Yang Berhormat yang saya kasihi sekalian, saya merujuk juga muka surat 191, Daerah Gombak iaitu berkenaan dengan Jabatan Kerja Raya yang melibatkan kawasan saya yang sedikit sebanyak disebut oleh Ketua Pembangkang tadi iaitu berkenaan dengan jalan di kawasan jalan Sungai Tua yang dikatakan agak padat dan sesak terutama kepada waktu puncak. Daripada perancangan yang telah digariskan daripada pihak Jabatan Kerja Raya saya percaya ia melibatkan tentang pembinaan laluan hijau yang melibatkan Bandar Baru Selayang ke jalan Sungai Tua dan ini bukan Bukit Boyan ini, saya rasa Bukit Botak dan Bukit Botak.

TIMBALAN SPEAKER: Batu Caves boleh, minit terakhir ya.

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: Kawasan ya, di kawasan Batu Caves, kawasan Batu Caves dan juga Taman Templer. Saya dapat lihat bahawa ada token sejumlah RM10.00 sahaja daripada keseluruhan projek ini dan saya percaya dengan cadangan yang telah diberikan tentang laluan ini yang melibatkan P01 ini ia akan dapat menyelesaikan kesesakan yang melibatkan laluan-laluan penduduk di kawasan Bukit Botak, Jalan Sungai Tua dan kawasan jalan Sungai Kertas juga yang terlibat di kawasan laluan hijau dan jalan yang telah disarankan oleh JKR. Justeru kalau ada tambahan-tambahan daripada Kerajaan Negeri selepas ini saya sangat-sangat berharap agar dua laluan ini iaitu laluan yang sebut tadi dan Sungai Kertas ini dapat diperbaiki dan seterusnya dapat menggalakkan perkembangan ekonomi dan sosial di kawasan Batu Caves dan Gombak dan Negeri Selangor secara keseluruhannya saya mohon untuk menyokong usul.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Tuan Timbalan Speaker.

TIMBALAN SPEAKER: Damansara Utama

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Terima kasih Tuan Timbalan Speaker kerana izinkan Damansara Utama untuk mengambil bahagian dalam perbahasan usul Pembangunan ini. Tuan Timbalan Speaker, Dato' Menteri Besar, Y.B.–Y.B. EXCO, Y.B-Y.B. dan pegawai-pegawai Kerajaan sekalian, Salam Sejahtera. Saya hanya ada beberapa perkara nak bangkitkan dalam Dewan Yang Mulia ini. Yang pertama sekali saya nak cadangkan untuk Pembangunan Pelancongan yang diperuntukkan dengan RM5.2 juta ini. Saya nak cadangkan supaya Kerajaan Selangor dapat meneroka satu pasaran baru iaitu *accessible tourism* dengan izin. *Accessible tourism* ini merujuk kepada penciptaan satu persekitaran yang universal yang boleh diakses untuk semua. Ini bukan sahaja untuk orang kurang upaya tetap ataupun sementara. *Accessible tourism* juga untuk warga tua yang sering mengalami masalah *mobility's* semasa melancong. *Accessibility* dengan izin iaitu kemudahan di akses menjadi faktor yang sangat penting bukan sahaja untuk OKU tetapi juga untuk orang tua apabila mereka memilih destinasi pelancongan. Talob Rifait, Setiausaha Agung untuk *United Nations World Tourism Organization* dengan izin dia berkata *accessible tourism is both human right imperative and exceptional business opportunity* dengan izin. Iaitu *accessible tourism* ini bukan sahaja penting untuk hak asasi orang OKU, warga emas untuk melancong. Ia juga adalah peluang perniagaan yang sangat menarik. Izinkan saya mengulas sedikit tentang peluang perniagaan yang menarik ini. Menurut *World Health Organization* dengan izin kira-kira ada 15% penduduk dunia mempunyai kecacatan fizikal, mental atau deria. Iaitu terdapat 1 bilion orang kurang upaya di dunia pada tahun 2011. Beberapa kajian telah menunjukkan bahawa pelancong kurang upaya telah menjadi bahagian yang penting dalam pasaran pelancongan. Contohnya di Amerika Syarikat, orang kurang upaya membelanjakan RM13.6 bilion *US Dollar* setiap tahun untuk pelancongan. Di United Kingdom 10 juta orang kurang upaya mempunyai kuasa beli yang lebih daripada RM80 bilion *pound*. Seperti yang saya katakan tadi *accessible tourism* bukan sahaja untuk OKU tetapi juga untuk warga tua yang mengalami masalah mobiliti. Penuaan penduduk iaitu *aging population* telah menjadi satu trend di negara-negara maju di kalangan *baby boomer* dengan izin. Ia juga berlaku di golongan kaya dan kelas pertengahan di negara-negara membangun contohnya, di negara China kita nampak ada satu *trend* penuaan penduduk disebabkan oleh *one child policy*. Sebab itu, pasaran ini telah menjadi semakin berkembang dan kedua-dua kumpulan pasaran ini, *baby boomer* di negara maju dan juga golongan kaya dan kelas pertengahan ini di negara-negara membangun mempunyai kuasa beli iaitu apa kita katakan *purchasing power* yang jauh lebih besar daripada pelancong biasa. Dengan saiz pasaran yang

semakin meningkat, kuasa beli *customer* dengan izin yang lebih tinggi. Ini memanglah satu pasaran khusus *niche market* dengan izin yang menarik di industri pelancongan.

Y.B. DATO' ROSNI BINTI SOHAR: Ada soalan.

TIMBALAN SPEAKER: Hulu Bernam kalau nak minta izin kena berdiri. Ya.

Y.B. DATO' ROSNI BINTI SOHAR: Ya, terima kasih atas teguran. Cuma dalam peraturan 35.6 tidak boleh membaca tetapi nampaknya Yang Berhormat kita membaca nampaknya. Terima kasih.

TIMBALAN SPEAKER: Saya tengok tadi dia merujuk sahaja, dia biasa dia tak ada baca lebih daripada biasa sebab dia bagi apa perkara yang spesifik, jadi dia boleh rujuk pada teks tetapi lain itu saya tengok tak ada apa-apa luar biasa.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Boleh saya sambung kan?.

TIMBALAN SPEAKER: Teruskan Damansara Utama.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: *Accessible tourism* belum lagi dimajukan oleh negara-negara Asia Tenggara, negara-negara jiran kita. Kalau sekarang Selangor boleh mengembangkan pasaran ini kita akan menikmati apa yang dikatakan dalam perniagaan *first mover advantage* dengan izin iaitu kelebihan penggerak utama. Dengan pendekatan yang betul saya percaya bahawa pembangunan *accessible tourism* akan mewujudkan satu kelebihan daya saing iaitu *competitive advantage* untuk pelancongan di Selangor berbanding dengan pelancongan di negeri-negeri lain ataupun di negara-negara lain.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Minta penjelasan.

TIMBALAN SPEAKER: Ya, Damansara Utama, Kampung Tunku nak mencelah.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Damansara Utama tadi tentang *accessible tourism* ini. Sekiranya ia belum dilaksanakan di rantau Asia Tenggara ini. Saya ingin bertanya adakah terdapat apa-apa contoh yang kita boleh mencontohi dari luar negara khususnya di negara Barat. Saya ingin minta sekiranya ada jawapannya.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Yang ini memang *trend* yang baru di *OECD, Develop Countries OECD* dengan izin mereka telah menjalankan kajian dan juga menyediakan

kemudahan-kemudahan pelancongan supaya boleh dapat membangunkan *accessible tourism* ini. Dengan itu Damansara Utama berharap Kerajaan Negeri boleh mengkaji *accessible tourism* dan juga merintis pembangunan *accessable tourism* di Negeri Selangor. Seterusnya perkara kedua yang saya nak bangkitkan dalam ialah P01, PK 7, Sosial. Iaitu program-program memperkasakan wanita dan keluarga yang diperuntukkan RM1,000,000.00 dan juga RM30,000,000.00 yang lain daripada peruntukan rizab. Saya memang mengalu-alukan belanjawan yang sangat besar ini untuk pembangunan wanita. Walau bagaimanapun, saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk menjelaskan sedikit apa itu pembangunan wanita di Dewan Yang Mulia ini. Sering kali kita ada pandangan, bahawa pembangunan wanita itu pembangunan sosial. Tapi pembangunan wanita itu juga sebahagian daripada pembangunan ekonomi. Saya akan huraikan kenapa saya kata pembangunan wanita itu pembangunan ekonomi. Ini adalah kerana pelaburan dalam memperkasakan ekonomi akan menjana apa yang saya suka katakan *multiply effect* dengan izin terhadap ekonomi. Seperti yang apa yang dinyatakan di *United Nation Millennium Development Go Summit* dengan izin di mana anggota-anggota negara-negara anggota bersetuju dalam satu pernyataan berbunyi *investing in women and girls has a multiply effect on productivity, efficiency and sustained economic growth*. Iaitu melabur dalam hal wanita, kanak-kanak perempuan mempunyai kesan berganda terhadap produktiviti, kecekapan dan pertumbuhan ekonomi yang mampan.

Di Malaysia pendaftaran sekolah menengah pelajar perempuan adalah 71% berbanding dengan lelaki 66%. Begitu juga dengan pengajian tinggi, pendaftaran wanita adalah lebih tinggi iaitu 41% berbanding dengan lelaki 32%. Walau pun kita ada pendaftaran sekolah menengah dan pengajian tinggi yang lebih tinggi daripada lelaki tetapi penyertaan wanita dalam ekonomi adalah terbantut kira-kira 45% sepanjang sepuluh tahun yang lalu manakala lelaki meningkat daripada 80% kepada 84%. Kita sekarang ada 84% lelaki yang melibatkan dalam ekonomi tetapi hanya ada 45% perempuan yang terlibat dalam ekonomi. Walau pun perempuan adalah dapat pendaftaran sekolah yang lebih tinggi. Ini menunjukkan bahawa adalah jurang besar di antara tahap pendidikan wanita Malaysia dengan sumbangan kita kepada ekonomi. Memandangkan wanita Malaysia berpelajaran tinggi dengan menggalakkan penyertaan wanita yang lebih tinggi dalam ekonomi sama ada *part time* atau *full time* kita akan mewujudkan pasaran tenaga kerja iaitu *labour force* yang lebih berdaya saing. Dengan ada tenaga kerja yang lebih berdaya saing kita akan menjadi, ah! Ekonomi kita akan menjadi lebih berdaya saing. Sebab itu saya amat berharap bahawa perbelanjaan yang diperuntukkan untuk memberdayakan wanita boleh ditumpukan untuk memperkasa peranan wanita dalam ekonomi selain daripada program-program sosial contohnya menjahit, memasak dan membuat kek. Saya berharap kerajaan negeri boleh ada satu rancangan yang lebih

konkrit untuk meningkatkan peranan wanita seperti yang saya tekankan tadi, pembangunan wanita..

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya, meminta penjelasan.

TUAN SPEAKER: Damansara Utama bagi? Ya,

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Saya terima kasih kepada Damansara Utama dan Tuan Penolong Speaker. Salah satu strategi yang selalu disebut-sebutkan untuk mempertingkatkan produktiviti golongan wanita ialah untuk mewujudkan lebih banyak taska, taski dan tadika untuk membantu wanita yang bekerja ini menjaga berkaitan kanak-kanak mereka di tempat-tempat seperti ini. Jadi saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Damansara Utama apakah lagi strategi yang boleh digunakan oleh kerajaan negeri Selangor untuk mencapai matlamat murni ini memandangkan kerajaan negeri Selangor mempunyai beberapa program dalam perkara ini tetapi apa yang saya dapat perhatikan, ianya belum dilaksanakan sepenuhnya.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Saya akan menyentuh strategi-strategi. So, seperti yang saya tekankan tadi pembangunan wanita bukan pembangunan sosial tetapi pembangunan ekonomi seperti apa yang Y.B. Kg. Tunku kata. Apakah dasar yang paling penting untuk menggalakkan penyertaan wanita di ekonomi. Iaitu adalah *work place child care*. Iaitu penjagaan kanak-kanak di tempat kerja. Ini adalah di, telah dibanyak negara-negara yang ada penyertaan ekonomi wanita yang tinggi ini adalah dasar yang paling penting untuk mereka. Pada pendapat saya kalau kita boleh ah! Mengembangkan kerja kita di *work place child care* kita akan dapat meningkatkan penyertaan wanita di ekonomi. Tapi ini memang apa, perancangan yang jangka panjang, kita tidak dapat nampak *results* dengan izin dalam dua tiga tahun tapi dalam sepuluh tahun kita boleh nampak *results* yang ketara bukan sahaja untuk penyertaan wanita di ekonomi dan juga kita akan nampak ada lebih banyak lagi *woman leaders, female leaders* dengan izin di ekonomi atau pun dipolitik dan lain-lain. Seterusnya saya juga saya nak bangkitkan ialah dalam P 01 ialah penurunan perbelanjaan perbendaharaan di bawah P 01 PK 3. Perbelanjaan perbendaharaan menurun lebih kurang 50% daripada RM14.4 juta pada tahun 2013 ke RM 7.5 juta pada tahun 2014. Yang ini lah, perbelanjaan perbendaharaan adalah jauh lebih rendah berbanding dengan perbelanjaan pembangunan luar bandar di bawah PK 01, P 01 PK 02. Iaitu perbelanjaan perbendaharaan hanya 30% daripada perbelanjaan pembangunan luar bandar yang diperuntukkan iaitu RM23.7 juta. Mengikut statistik kerajaan penduduk bandar di Malaysia telah meningkat ke71% pada tahun 2010 berbanding dengan 62% pada tahun 2000. Ini jelas bahawa negara kita sedang mengalami fenomena

urbanisasi. Di negeri Selangor kita telah mencatatkan 90.8% tahap perbandaran mengikut Jabatan Statistik Negara. Oleh itu saya berpendapat bahawa di samping membangunkan luar bandar seperti apa yang dikatakan oleh YB-YB lain kerajaan juga kena memberi perhatian yang secukupnya untuk bandar memandangkan populasi kita sangat besar yang singgah di bandar. Ia, bandar juga adalah satu tempat menjana ekonomi utama negeri kita. Dengan itu saya hendak minta penjelasan kerajaan atas penurunan perbelanjaan tersebut. Dalam isu perbendaharaan PK P01 PK 3 juga, saya juga ingin meminta penjelasan kerajaan juga untuk merujuk kepada butir-butir perbelanjaan muka surat 61. Didapati bahawa :

- 01 Pasar Seni
- 07 Kompleks Taman Seni Islam Selangor
- 08 CCTV PBT
- 10 Galeri Shah Alam

kesemuanya RM 10.00 sahaja. Adakah ini bermaksud projek ini akan dilaksana, tidak akan dilaksanakan di 2014? Terutamanya untuk CCTV. Ini memang projek yang sangat penting untuk di kawasan Damansara Utama dan juga saya percaya di semua Petaling Jaya. Walau pun masalah jenayah ini memang kena diatasi bukan dengan reformasi polis yang ini bukan di bawah kuasa, bidang kuasa kerajaan, tetapi saya memang berpendapat bahawa kerajaan negeri perlu memberi perhatian bantuan dari segi *hardware* dan pemasangan CCTV atau pun pondok penguat kuasa adalah sangat-sangat penting untuk menunjukkan keikhlasan negeri kita, kerajaan negeri untuk membantu rakyat dalam mengatasi isu jenayah tersebut. Dengan itu saya sangat berharap bahawa projek pemasangan CCTV boleh dijalankan di 2014. Di bawah kepala yang sama juga P 101 PK 16 Pengambilan balik tanah yang diperuntukkan dengan RM30 juta. Merujuk kepada muka surat 74, saya tidak dapat apa-apa butiran di bawah PK 16. Saya berasa RM30 juta ini memang cukup besar dan perlukan maklumat lanjut dalam pembentangan kerajaan negeri. Oleh itu saya berharap kerajaan negeri boleh mendapat, boleh menjelaskan, menghuraikan pecahan perbelanjaan di bawah PK 01, PK 01 PK 16 ini.

Seterusnya saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada P, Kepala P 13 Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dengan peruntukan pembangunannya sebanyak RM 45 juta. Seperti mana yang dibangkitkan oleh YB-YB yang lain, mereka sudah cakap betapa seriusnya masalah banjir. Saya cuma hendak menambah sedikit fasal isu banjir yang semakin serius ini. Saya hendak menarik perhatian kerajaan Selangor atau pun YB-YB bahawa isu banjir ini akan menjadi semakin serius. Ini adalah kerana bukan saya *Prophet* ya, dengan izin, tapi ini ialah kerana dunia sedang mengalami apa yang dikatakan perubahan iklim, *climate change* dengan izin. Baru-baru ini jiran kita

Filipina telah dilanda dengan ribut tropika yang dahsyat, iaitu ribut *Hayan*. Ketua delegasi // dalam sesi pembukaan *United Nation Climate Change*, dia berkata *what my country is going through as a results of this extreme climate event is madness. Climate crisis is madness*. Perkataan *climate* dengan izin, perkataan *climate change madness* ini telah menjadi tajuk utama dibanyak akhbar-akhbar antara bangsa selepas ucapan beliau. Yang dia juga ucapan ini juga mengingatkan kita di sini bahawa *climate change* dengan izin adalah satu hakikat yang nyata. Adakah Malaysia atau pun negeri Selangor bersedia untuk berdepan dengan *climate change madness* ini. Sebagai kerajaan, saya berpendapat bahawa kita haruslah bersedia untuk mendepani kesan-kesan negatif perubahan iklim bagi mengurangkan kehilangan nyawa dan harta benda. Antara kesan-kesan negatif ini adalah hujan akan menjadi semakin lebat setiap tahun, barangkali ada, barangkali akan terjadi kejadian yang *extreme* iaitu hujan yang sangat-sangat lebat di *history* dengan izin. Contohnya di MBPJ, di Petaling Jaya. Saya dapat ini daripada Jabatan Saliran MBPJ, dia kata Petaling Jaya telah merekod penurunan hujan yang paling lebat dalam masa sepuluh tahun pada hujung bulan lepas. In jelas bahawa Malaysia akan dapat hujan yang tinggi setiap tahun. Hujan lebat juga bermaksud hakisan benteng-benteng sungai yang akan menjejaskan integriti struktur asas *foundation* dengan izin bangunan-bangunan di tepi sungai. *Climate change ...*

TUAN SPEAKER: Akhir, Ini akhir ya, Damansara Utama.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Ok, *Climate change* juga bermaksud paras laut akan menjadi lebih tinggi dengan lebih banyak *closer flood*. So, oleh itu saya berpendapat bahawa tindakan segera harus diambil untuk menangani masalah banjir, sungai, pantai dan segala-galanya daripadanya JPS kerana kalau kita tidak dapat menangani masalah banjir sekarang kita tidak akan mampu menangani masalah banjir ini pada masa akan depan, akan datang kerana ia akan menjadi lebih teruk lagi. Justeru itu saya berharap supaya kerajaan dapat meningkatkan peruntukan di belanjawan di P 13. Terutamanya di bawah PK 1 Pengurusan banjir, PK 2 Menaik taraf sistem saliran, PK 6 pengurusan pantai untuk *closer flood prevention* dengan izin. Saya faham bahawa kerajaan memberikan peruntukan berdasarkan prestasi *performance budgeting*, tetapi persoalannya dalam soal banjir atau pun sungai ada kalanya ia lebih wajar membelanja berdasarkan prestasi atau membelanja berdasarkan risiko dan keperluan. Kalau prestasi tidak boleh mengendali projek-projek kritikal ini yang memang adalah keperluan masyarakat maka kita kena tingkatkan prestasi. Selain itu saya juga berharap bahawa JPS boleh bekerjasama dengan lebih rapat dengan Kumpulan Semesta supaya kerja pergolekkan kelodak boleh dijalankan dengan lebih lancar lagi. Ok, akhir sekali saya hendak bangkitkan perkara yang lebih spesifik untuk kawasan Damansara Utama, iaitu merujuk kepada muka surat 211 Kod 10020 100 Daerah Petaling 01 Projek Menaik Taraf Sistem Saliran di Sungai Kayu Ara. Didapati bahawa

jumlah projek adalah RM9.3 juta, dan perbelanjaan untuk 2014 adalah RM 200,000.00. Saya amat mengalu-alukan perbelanjaan tersebut. Walau bagaimanapun saya ingin meminta penjelasan daripada kerajaan berapakah panjang jangka masa projek tersebut dan apakah rancangannya. Sekiranya kita kira daripada RM 200,000.00 setahun dengan projek yang bernilai RM9.3 juta kita akan habiskan projek itu dalam 46 tahun. Ah! Ini memang tersangat panjang. So, saya hendak minta penjelasan apakah rancangan kerajaan tersebut untuk Sungai Kayu Ara. Itu sahaja dengan ini Damansara Utama menyokong usul pembangunan tersebut. Sekian, terima kasih.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Timbalan Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat semua boleh duduk ya. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, jam sudah menunjukkan 1 tengah hari, saya menangguhkan perbahasan sehingga 2.30 petang. Perbahasan ditangguhkan.

[Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari]

(Dewan di sambung semula)

TUAN SPEAKER: Perbahasan disambung semula.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Tuan Timbalan Speaker.

TUAN SPEAKER: Rawang.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Terima kasih kepada Tuan Timbalan Speaker. Rawang ingin turut serta perbahasan dalam usul bajet peruntukan pembangunan tahun 2014 dengan fokus kepada empat aspek yang utama. Pertama, adalah di bawah Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri. Kedua adalah tentang Jabatan Kerja Raya. Ketiga adalah (JPS) Jabatan Pengairan dan Saliran dan akhir sekali adalah berkenaan dengan JAIS iaitu satu isu masjid di kawasan saya.

Tuan Timbalan Speaker dah Ahli-ahli yang Berhormat sekalian, dewan orang ramai merupakan keperluan asas untuk kesejahteraan komuniti tempatan. Saya ingin mencadangkan pihak kerajaan negeri untuk menambahkan sekurang-kurangnya satu dewan ataupun kompleks komuniti di setiap DUN dalam tahun depan berdasarkan kepadatan populasi penduduk dan keperluan komuniti tempatan. Di Rawang misalnya, penduduk ingin memohon supaya kerajaan negeri membina sebuah kompleks komuniti yang menggabungkan kemudahan beriadah, dewan dan pelbagai kemudahan yang lain seperti Dewan Siantan MPS yang ada di kawasan Sg. Tua, kawasan Batu Caves sekarang. Ramai yang terpaksa sewa dengan hotel dan restoran untuk menjalankan aktiviti sosial yang sudah tentunya kadar sewanya lebih tinggi dan mahal. Kita telah membuat permohonan kepada pihak berkuasa tempatan MPS tetapi kita juga faham bahawa dengan jumlah bajet dan belanjawan yang ada dengan PBT memang kemampuannya tidak dapat menampung apa yang telah dipohon oleh komuniti tempatan ini. Rawang juga ingin bertanya apakah polisi dan cara penyelesaian kerajaan negeri Selangor tentang dewan orang ramai ataupun Balai Raya yang enggan diserahkan balik oleh parti-parti politik walaupun notis telah dikeluarkan oleh pihak berkuasa tempatan ataupun Pejabat Tanah.

Untuk makluman Ahli-ahli yang Berhormat sekalian, dewan-dewan ini adalah didirikan atas tanah kerajaan negeri oleh parti-parti politik seperti MCA dan MIC khasnya kawasan Rawang. Misalnya di Rawang, saya difahamkan pihak Majlis Perbandaran Selayang (MPS) telah mengadakan perjumpaan bersama ahli majlis zon berkenaan dan semua parti yang terlibat untuk menyelesaikan isu ini. Namun parti politik tersebut pula bersetuju untuk menyerahkan balik dewan dengan syarat kerajaan negeri Selangor perlu bayar balik duit untuk bangunan yang telah dibenakan mereka atas tapak tanah

tersebut. Contohnya dewan Desa Kuala Gading, Rawang. Parti MCA minta kerajaan negeri Selangor bayar balik kalau nak ambil balik dewan tu. Sedangkan kalau mengikut Akta Kanun Tanah Negara parti-parti politik ini sebenarnya mencerooboh tanah kerajaan milik kita tapi sekarang dia pula minta kita pula yang bayar balik kepada dia. Dengan ini saya mencadangkan supaya EXCO berkenaan dan Penasihat Undang-undang untuk mengatasi masalah ini. Sebab setahu saya di pihak MPS sebenar sebelum ini ada kes di Majlis Perbandaran Kajang yang mana tindakan undang-undang telah diambil oleh PBT untuk bawa parti politik ke mahkamah. Dan akhirnya PBT kalah, itulah sebabkan ia menyebabkan pihak MPS rasa teragak sedikit untuk bertindak secara drastik untuk ambil balik dewan ini. Tetapi kita faham sekarang masalahnya kalau tidak ditangani dengan tindakan yang drastik ia menyebabkan

Y.B. PUAN LEE KEE HIONG: Tuan Timbalan Speaker.

TUAN SPEAKER: Kuala Kubu Baru ingin bertanya.

Y.B. PUAN LEE KEE HIONG: Tuan Timbalan Speaker terima kasih. Saya ingin bertanya kepada Rawang pasal tadi dia menyebutkan kes tindakan mahkamah MPKj. Mungkin saya nak penjelasan dari pada beliau sama ada kes mahkamah MPKj itu ialah dibawa oleh MCA untuk *revesyel review* dengan izin dia bukan dibawa oleh pihak MPKj. Jadi saya harap Rawang dapat mengetahui isu ini dengan tepat dan kita juga bukan kalah tapi hanya mahkamah mengakui ini adalah tanah kerajaan. Patutnya bangunan itu adalah milikan kerajaan tetapi kita hanya ambil bayaran terpaksa dibayar oleh MPKj pada itu. Saya harap dapat penjelasan daripada...

TUAN SPEAKER: Rawang teruskan.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Terima kasih atas pemberian fakta oleh Y.B. KKB. Saya rasa dengan penjelasan Y.B. KKB tadi pihak berkuasa tempatan tiada alasan untuk ambil tindakan dan ambil balik dewan-dewan ini yang telah lama tertanggung. Jadi saya nampak masalah ini perlu diselesaikan sebab telah berlarutan lima tahun.

Y.B. TUAN TAN POK SHYONG: Puan, mencelah.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Boleh, boleh, ini jiran, boleh.

Y.B. TUAN TAN POK SHYONG: Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Perkara berkenaan kes mahkamah tadi disebut oleh Y.B. Rawang, saya ingin memberi sedikit penjelasan kerana saya merupakan seorang peguam juga dalam mewakili MPKj pada masa itu. Dalam kes pertama sebenarnya MCA yang telah memfailkan permohonan

semakan kehakiman yang mereka telah kalah sebenarnya tetapi mereka memulakan tindakan kedua iaitu tindakan *rate* untuk menuntut pampasan daripada pihak kerajaan tempatan kerana telah salah mengambil tindakan dan buktinya adalah isu yang terpenting dalam isu ini kerana cara yang telah diambil oleh MPKj macam mana dia telah mengambil alih. Inilah yang menjadi isu yang dipertimbangkan dan para hakim diputus oleh mahkamah. Bukan prinsip asalnya iaitu mahkamah menerima bahawa ini tanah kerajaan. Mahkamah juga menerima bahawa sekiranya ini tanah kerajaan sesiapa yang menggunakan tanah tersebut, sekiranya tuan tanah kerajaan ingin mengambil balik, kerajaan mempunyai kuasa untuk demikian tetapi sama ada dalam melaksanakan dalam kuasa tersebut. Apakah cara yang betul untuk mengambil kerana akta yang kita ada itu sebenarnya untuk membenarkan PBT untuk merobohkan bangunan tanpa kebenaran sahaja tetapi tidak membenarkan, mengambil alih sebegitu. Jadi, kalau ingin mengambilalih secara bangunan tersebut iaitu mesti dapat persetujuan daripada pihak pemilik. Sekiranya mereka enggan berbuat demikian hanya tindakan yang boleh diambil oleh PBT adalah untuk merobohkan sahaja. Jadi, dalam kes tersebut kerana MPKj telah mengambil alih bangunan tersebut. Maka mahkamah telah memerintahkan bahawa pampasan dibayar kepada pihak MCA dan saya rasa perintah itu atau penghakiman itu adil kerana bangunan itu boleh terus diguna jadi itulah dasar dan alasan penghakiman yang diberikan oleh Mahkamah Tinggi Shah Alam. Itu sahaja. Terima kasih.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Terima kasih atas penjelasan daripada Y.B. Pandamaran. Saya rasa seorang peguam yang arif dengan apa yang dia pertahankan itu. Jadi saya rasa inilah situasi yang berlaku saya rasa di banyak kawasan Yang Berhormat yang ada di dewan ini dan kita tidak mahu sebenarnya dewan itu dirobuhkan malahan pihak ahli majlis dengan jawatankuasa penduduk telah menawarkan supaya tubuhkan satu jawatankuasa pengurusan bersama dengan mereka yang terlibat tidak kira parti politik untuk kepentingan komuniti tempatan tetapi tawaran itu juga ditolak. Jadi itu yang membawa kepada kita sekarang dewan ada tetapi penduduk tidak dapat gunakan. Walaupun atas tanah kerajaan. Jadi saya harap pihak kerajaan negeri boleh ambil satu tindakan yang drastik untuk kita selesaikan supaya dewan ini boleh digunakan untuk kegunaan awam dan sebenarnya sekarang kalau kita tidak selesaikan dia semakin tahun dia menimbulkan satu ketegangan dalam komuniti tempatan sebab ada yang nak guna, ada nak ambil balik ada yang tak mahu bagi, ada yang nak kita bayar sehingga terdapat ahli majlis dalam kawasan saya sendiri terpaksa buat laporan polis kerana dikasari oleh pihak MIC yang mengawal dewan di Kuala Garing, Rawang baru-baru ini. Sebab kita mahu buat Deepavali program Deepavali untuk penduduk di kawasan berkenaan tetapi atas tanah kerajaan enggan diserahkan. Saya mohon EXCO dan pihak kerajaan negeri boleh buat sesuatu tindakan terhadap dewan-dewan seperti dan juga balai-balai raya seperti ini.

Selain itu Rawang juga ingin menyentuh tentang pembangun keusahawanan. Saya nampak ada satu inisiatif dan peruntukkan yang agak besar daripada rizab kerajaan negeri Selangor untuk pembangunan keusahawanan belia khasnya. Tetapi saya ingin juga menyeru kepada pihak kerajaan negeri Selangor supaya menyemak balik dan kalau boleh kita boleh tingkatkan lagi had untuk usahawan kecil ini yang sebelum ini mereka cuma mendapat pinjaman mikro kredit tetapi saya nampak dan saya juga difahamkan sebenarnya banyak yang dapat pinjaman mikro kredit ini sebenarnya *business* mereka dengan izin telah bertambah besar segala-galanya sudah bertambah besar tetapi jumlah had pinjaman yang diberikan oleh mikro kredit sebenarnya tidak mencukupi untuk mereka mengembangkan *business* mereka kepada satu tahap yang lebih tinggi lagi. Jadi saya harap pihak Kerajaan Negeri Selangor boleh menyemak balik dan kalau boleh kita berikan pinjaman yang lebih besar untuk *business* yang berskala sederhana ataupun besar tetapi bukan kecil lagi supaya mereka ada satu ruang untuk naik tarafkan perniagaannya.

Selain itu Rawang juga ingin memohon kalau boleh, pihak kerajaan negeri menambahkan peruntukkan untuk pembangunan orang asal khasnya dalam menyegerakan penggazetan tanah perwarisan orang asal di negeri Selangor ini sebab ini merupakan tempat kediaman mereka dan ada kalanya juga merupakan tanah untuk mereka menanam tanaman dan sumber rezeki ini. Dan Rawang ingin bertanya apakah strategi kerajaan untuk menjamin kesejahteraan hidup komuniti orang asal kerana golongan ini serupa dengan golongan komuniti ladang yang mengalami kesukaran mengobilasasi sosial disebabkan oleh proses perbandaran ini. Barangkali mereka tertinggal, terpinggir tetapi tidak tahu caranya macam mana dan saya faham dan saya rasa pihak kerajaan negeri Selangor perlu mainkan peranan yang lebih pro aktif dalam membantu golongan ini.

Rawang ingin juga mencadangkan supaya hasil kraf tangan komuniti orang asal ini yang unik dijadikan sebagai salah satu cenderahati ataupun produk pelancongan yang menggambarkan alah satu daripada identiti negeri Selangor untuk mereka dijualkan di kawasan pelancongan dan seterusnya menjadi satu sumber rezeki dan pendapatan untuk komuniti orang asal ini daripada program-program yang lain.

Rawang ingin juga menyentuh tentang aspek belia dan sukan khasnya untuk pembangunan belia. Pembinaan gelanggang sukan *3 in 1* sebelum ini di bawah Y.B. Sijangkang, terima kasih dan pentas belia di setiap DUN di bawah geran “Selangorku” itu mendapat sambutan yang amat baik dikomuniti tempatan. Namun saya rasa bilangan setiap satu untuk satu DUN itu memang tidak mencukupi. Jadi Rawang ingin mencadangkan supaya Kerajaan Selangor untuk menambahkan peruntukkan untuk

menaik taraf infrastruktur khasnya di setiap DUN dari segi pembinaan gelanggang 3 in 1 ini. Maksudnya satu gelanggang yang menggabungkan futsal, bola jaring dan bola keranjang. Sebab kita fahamkan sekarang tanah yang ada di negeri Selangor ini amat terhad. Jadi apa yang kita ada kita perlu maksimumkan jadi kita ada 3 in 1, 4 in 1 dan sebagainya tapi yang paling penting kita hendak adakan satu tempat untuk bersukan untuk golongan belia ini. Dan saya ingin mencadangkan juga kerajaan negeri Selangor khasnya sebelum ini saya difahamkan kita ada bagi anugerah untuk belia intergriti, saya rasa salah seorang, dia seorang pegawai kepada Y.B. Bukti Lanjan. Saya rasa ini adalah satu program yang baik yang mana kita menonjolkan identiti belianya sendiri. Dan saya rasa mereka-mereka yang maksudnya belia yang menentang rasuah saudara deen jadi saya rasa dia boleh gunakan satu *spoke person* dengan izin ataupun *ambassador* untuk belia untuk dia buat kempen turun padang berjumpa dengan belia untuk gerakkan kempen-kempen seperti ini. Maksudnya kita mahu belia bukan sahaja baik dan bagus pakar dalam bidang sukan tapi belia dalam mengembangkan identitinya sendiri dalam kita membentuk satu masyarakat madani. Rawang juga ingin mencadangkan supaya kerajaan Selangor untuk menyemak keadaan kuarters kaki tangan Majlis Perbandaran Selayang yang saya difahamkan keadaannya telah usang dan perlu dinaiktarafkan untuk keselesaan mereka yang mendiami tempat tersebut. Saya rasa tempat keadaan tempat duduk ini adalah satu keperluan asas untuk semua. Jadi dengan ada penyediaan ruang kediaman yang lebih selesa dan selamat saya raras motivasi untuk kakitangan kita untuk dapat hidup dalam suasana yang selesa ini juga amat penting. Tentang pengambilan balik tanah, Rawang nampak dan mengucapkan syabas kepada pihak Kerajaan Negeri Selangor kerana berjaya memulihkan projek Bukit Botak tersebut tapi saya ingin tanyakan sama ada selepas ini kerajaan negeri juga akan teruskan untuk projek-projek penempatan ataupun pekerja sama dengan sektor swasta untuk membangunkan semula kampung-kampung tradisi khasnya. Saya ambil satu contoh di kawasan Rawang ini. Rawang walaupun nampak besar membangun tetapi sebenarnya kedudukannya adalah lebih kepada pinggir bandar yang mana masih banyak lagi kampung-kampung tradisi dan kampung-kampung cina hasnya di kawasan saya yang telah lama telah wujud sejak zaman penjajahan British lagi.

Ada sebuah kampung yang bernama Kampung Rajah di Rawang ini yang sebelum ini juga di masa zaman pemerintahan BN dijanjikan untuk pembangunan semula. Dan sehingga kini tidak berjaya. Selepas kita ambil alih, kita, saya bersama dengan JKKK berusaha untuk mencari pemaju untuk bangunkan semula disebabkan keadaan kampung tersebut yang telah lama, tiada sistem perparitan yang lengkap dan juga termasuk sistem IWK dengan izin yang baik. Jadi dia memang perlukan satu perancangan yang berstruktur. Jadi saya ingin cadangkan sama ada pihak Kerajaan Negeri Selangor khasnya melalui anak syarikat juga boleh ambil alih untuk pembangunan semula kampung ini dan jadikan sebagai satu contoh untuk kita bina

salah satu projek mampu milik di kawasan Rawang ini dan khasnya di kawasan Daerah Gombak ini untuk sebab penduduk kampung daripada Kampong Rajah ini majoritinya daripada golongan pendapatan rendah. Dan mereka sebenarnya ramai yang disebabkan telah lama tunggu pembangunan semula kampung ini telah berusia atau pun telah tua. Jadi sekarang sudah sama sampai ke generasi kedua dan ada ke generasi ketiga masih lagi tunggu untuk pembangunan semula dan JKPP sebenarnya kita berusaha telah cari sampai lebih sepuluh orang pemaju, tapi tak ada seorang pun yang ingin ambil alih di sebabkan oleh kedudukan tanahnya yang agak kecil yang mungkin tidak mendatangkan keuntungan, tetapi saya nampak sebenarnya di Rawang ada banyak lagi tanah-tanah kerajaan khasnya tanah milik anak syarikat negeri PKPS yang dekat dengan PKN Batu 17 yang boleh kita gabungkan sekali untuk pembangunan. Tanah PKPS tersebut sebelum ini ada berlaku kes kecurian pasir haram tetapi saya difahamkan telah dirampas balik oleh pihak Kerajaan Selangor dan sampai sekarang tiada apa-apa pembangunan yang dijalankan di atas tanah tersebut. Jadi saya cadangkan kalau boleh kita gabungkan kedua-dua tanah ini untuk buat satu pembangunan yang bersepadu dan seterusnya memberi satu rumah yang mampu milik kepada pihak atau penduduk kampung di Kampong Rajah ini.

Rawang juga ingin menyentuh tentang peruntukkan yang diberikan kepada portfolio kerajaan prihatin. Keadaan ekonomi yang tidak tentu dengan kos kehidupan yang makin meningkat sekarang seperti kenaikan harga minyak petrol sudah tentunya memerlukan kerajaan Selangor memainkan peranan yang pro aktif dalam menyediakan jaringan sosial kepada golongan yang memerlukan untuk merapatkan pendapatan antara golongan yang kaya dan miskin serta di bandar dan desa. Jadi saya nampak peruntukan yang diberikan kepada kerajaan prihatin itu kalau dibandingkan dengan portfolio lain amat kurang. Jadi saya harap kalau boleh pihak kerajaan Negeri Selangor menambahkan peruntukkan kepada portfolio kerajaan prihatin ini untuk menyediakan satu pelan tindakan yang bersepadu untuk golongan yang memerlukan khasnya bagi di tahun-tahun akan datang supaya semua sumber agensi kerajaan Negeri Selangor tidak kira portfolio boleh digembelungkan dengan sebaiknya untuk kebajikan dan kesejahteraan rakyat. Saya juga ingin membangkitkan sedikit tentang peruntukan JKR untuk pembangunan jalan di Rawang ini. Saya berterima kasih kepada pihak Kerajaan Negeri Selangor sebab dalam muka surat 194 saya nampak ada peruntukan untuk menaik taraf jalan negeri B27. Ini jalan yang saya disebutkan sebelum ini yang mana kita menghadapi kesesakan lalu lintas yang amat terdesak. Namun peruntukan yang diberikan itu saya nampak.

TUAN SPEAKER: Minit terakhir Rawang.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Ah boleh. Bukan sahaja tidak mencukupi malahan sebenarnya tidak menyelesaikan keadaan kesesakan lalu lintas yang ada di jalan sekarang. Yang ada pun dengan izin di selepas Rawang Tol, bridge yang atas NKVE tu seterusnya sampai ke bahagian Bandar Tasik Puteri. Itu yang sebenarnya di beri keutamaan dan dinaiktarafkan dengan segera sebab saya difahamkan kalau ikut jangkaan JKR sebelum ini kalau kita nak naik taraf seluruh jalan tersebut menelan perbelanjaan lebih kurang RM400 juta. Saya difahamkan sebelum ini Kerajaan Selangor telah peruntukan RM25 juta tetapi untuk kos pengalihan antielitis sahaja telah menelan RM24 juta. Tinggal RM1 juta lagi apa nak buat. Jadi saya mohon pihak Kerajaan Negeri Selangor semak semula projek ini teruskan tetapi tambahkan peruntukan untuk kita selesaikan. Untuk makluman tuan-tuan dan puan-puan sidang dewan Yang Berhormat sekalian. Sebelum ini tahun 2009 pihak JKR Gombak dan MPS Ahli Majlis dan pihak saya kita telah mengambil satu langkah jangka pendek untuk selesaikan isu kesesakan lalu lintas ini. Saya ucapkan ribuan terima kasih atas penglibatan

TUAN SPEAKER: Ayat terakhir ya Rawang.

Y.B. PUAN GAN PEI NIE: Ya. Tapi saya ingin katakan apa yang kita buat kita buat satu *tiderfloor* kalau ikut apa yang dikatakan oleh JKR tidak pernah *tiderfloor* di buat di kawasan kecil macam ini. Tetapi disebabkan keadaan kesesakan lalu lintas yang terlalu terdesak, kita perlu buat. Dan seorang penduduk kata dengan saya YB saya terima kasih sebab sebelum itu saya *stuck* dalam *jammed* saya tidak dapat balik untuk bersama dengan keluarga saya pergi hanya pergi ke pasar malam bersama dengan keluarga mereka. Tetapi saya rasa dengan bantuan kerajaan apa yang kita mahu adalah keselesaan dan kualiti hidup untuk rakyat kita khasnya di kawasan Rawang ini. Jadi saya menyeru dan harapkan kerajaan tambahkan peruntukan untuk naik taraf jalan B27 ke arah Bandar Tasik Puteri ini. Sekian, terima kasih, Rawang menyokong usul untuk pembangunan ini.

TUAN SPEAKER: Sri Serdang.

Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL: Terima kasih Timbalan Speaker.

Dalam sarang ada unggas,
Bersama unggas serta gelegata,
Izinkan Sri Serdang untuk membahas,
Demi kesejahteraan rakyat jelata.

P14 Jabatan Agama Islam Selangor PK3 berkenaan dengan masjid. Sri Serdang ucapkan terima kasih kepada pihak negeri kerana telah pun memberi peruntukan untuk membangunkan masjid Sri Aman sebanyak 7.5 juta. Selama ini tidak terpenggil pembangunan masjid ini sebelum Pakatan Rakyat mentadbir. *Alhamdulillah* penduduk daftar pemilih 3,474 yang berada di kampung tradisi ini memang ketagih kan masjid di tempat mereka dah sekian lama. Penghuninya adalah kebanyakannya adalah orang-orang Barisan Nasional, UMNO khususnya. Penduduk Islam 99.9 peratus hanya satu peratus sahaja daripada orang cina, tidak ada orang India di kampung tradisi ini. Oleh yang berkenaan Sri Serdang mengharapkan supaya masjid ini dijadikan satu kenyataan dan impian dan dimasukkan di dalam pembinaan 2014 yang dinyatakan sebanyak 14 masjid akan didirikan setiap tahun, jadi mohon dari Seri Serdang supaya disenaraikan dalam pembangunan 2014. Yang pertama. Yang kedua, PK1 Sekolah Agama. Seri Serdang juga sering menyatakan dalam mana-mana perbahasan di peringkat dewan-dewan dan ADUN berkenaan dengan pembangunan sekolah menengah dan sekolah rendah agama memandangkan Seri Serdang adalah kawasan yang begitu luas dan penduduk Islam yang begitu ramai. Sekolah Agama SRA hanya satu sahaja dibina di kawasan Bandar Bukit Puchong. Memandangkan sekolah KAFA yang bertaburan tetapi tidak diselaraskan. Seri Serdang menyarankan pihak JAIS menguruskan KAFA-KAFA ini supaya diletakkan di satu institusi. Begitu juga dengan elaun- elaun guru KAFA yang bertaraf kemiskinan. Seri Serdang juga memohon mengambil perhatian bahawa kenaikan guru-guru KAFA ini perlu dikaji semula akan meningkatkan taraf kualiti mereka. Di sini juga Seri Serdang ingin mengesyorkan insentif kepada kecemerlangan sekolah-sekolah SRA di mana sekolah-sekolah SRA ini yang paling banyak di negeri Selangor ini telah pun banyak mencapai tahap kecemerlangan dalam PSRA mereka. Di Puchong di bawah N30 Kinrara bahawa sekolah ini sudah enam tahun berturut-turut menjadi sekolah cemerlang di peringkat PSRA tapi tidak mendapat apa-apa insentif dari kerajaan negeri. Seri Serdang menyarankan agar bahagian JAIS mengambil titik berat supaya memberi insentif mana-mana sekolah SRA yang mendapat anugerah seperti ini. Yang ketiga, P13 Jabatan Pengairan dan Saliran. Memandangkan tiga Seri. Seri Serdang, Seri Andalas dan Seri Muda begitu juga di tempat-tempat lain membicarakan tentang keadaannya yang banjir. Jadi Seri Serdang mengambil satu peranan yang cukup penting juga menyokong permohonan Ahli-ahli Dewan yang lain berkenaan dengan banjir ini menyarankan agar pihak negeri memberikan RM100,000.00 peruntukan untuk menyelesaikan masalah banjir

Y.B. PUAN GAN PEI NIE: Tuan Timbalan Speaker nak mohon mencelah sedikit dengan Seri Serdang.

Y.B. TUAN SPEAKER: Ya Rawang.

Y.B. PUAN GAN PEI NIE: RM100 juta, pembedaan bukan RM100,000.

Y.B. PUA GAN PEI NIE: Rawang menyokong juga. Betul boleh mencelah.

Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL: Boleh boleh.

Y.B. PUAN GAN PEI NIE: Rawang ingin bertanya dengan Yang Berhormat Seri Serdang di samping menaik tarafkan sistem sungai atau pun saluran perparitan yang sedia ada, sama ada kita boleh juga kan memasukkan konsep *river of life* tu amat baik yang mana bukan saja kita naik taraf tetapi kita juga hijaukan kawasan-kawasan sungai tersebut sebagai salah satu tempat rekreasi untuk penduduk tempatan.

Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL: Ya terima kasih. Di sini juga Seri Serdang bersetuju dua ratus peratus atas pembinaan itu agar disegerakan oleh pihak negeri. Oleh itu.

TUAN SPEAKER: Seri Serdang, hijau ja dia setuju ya.

Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL: Setuju hijau. Jangan *jealous* orang biru. Untuk makluman juga pihak Seri Serdang menyarankan supaya kerajaan mengadakan RM100 juta untuk pembangunan pengaliran yang menghindarkan daripada banjirnya setiap tahun untuk bantuan-bantuan. Biar kita rugi sekali, tapi jangan rugi setiap tahun. Dan begitu juga dengan seterusnya P12 Jabatan Kerja Raya. Seri Serdang telah pun menyatakan bahawa kawasan Seri Serdang ini merupakan kawasan yang luas pembangunan yang begitu pesat. Mungkin akan dijadikan satu Parlimen, wallahualam, tetapi menarik perhatian berkenaan jalan terutama Seri Serdang ingin menyentuh Lestari Putera iaitu persiaran Kota Damansara sering berlaku *accident* di sini disebabkan kereta-kereta berjalan tidak terurus jem dan sebagainya. Jadi mohon pihak Jabatan Kerja Raya memerhatikan peruntukan negeri ini di arahkan kepada jalan-jalan menyusahkan rakyatlah saya rasa ya, Dan seterusnya P01 Pejabat Menteri Besar PK7 berkenaan dengan sosial. Memandangkan rata-rata Ahli Dewan yang dihormati bercerita bahawa gejala sosial yang berlaku di Selangor. Penceraian juga tinggi dan berbagai-bagai lagi semua menjadi johan di Selangor ini. Pembangunan infrastruktur tidak sama dengan pembangunan insan. Oleh itu Seri Serdang menyarankan pembangunan modal insan ini supaya dihayati dan dipelajari dan diamalkan. Oleh itu Seri Serdang menyarankan dan mencadangkan supaya menubuhkan institusi SPIES supaya mudah mendapat bimbingan dan selaraskan modul-modul yang ada. Oleh itu dengan pencapaian dan matlamat misi dan visi kerajaan negeri Selangor untuk menjadikan negeri Selangor ini yang terbaik. Oleh itu seluruh negeri Selangor ini akan

mengikuti *SPIES* termasuklah orang-orang kampung dan orang-orang di pinggir kota. Untuk makluman *SPIES* ini kami adalah produk *SPIES*. Saya sendiri adalah produk *SPIES* dan Y.B. Zaidi juga salah seorang daripada produk *SPIES*. Empat tahun Pakatan Rakyat mentadbir, kami telah mendalami ilmu-ilmu *SPIES* bukan dikata di mulut, tetapi di hati tuan-tuan. Salah satu daripada resipi *SPIES* ternyata N29 dapat meraih undi 16,251. Ini yang saya banggakan bahawa *SPIES* ini mengajar kita bagaimana mendekati rakyat. Oleh itu anak-anak tuisyen rakyat dapat menyokong kita dengan menggunakan teknik-teknik *SPIES* ini menarik mereka menyokong Pakatan Rakyat bukan kepada, kepada remaja, tapi kepada ibu bapa mereka juga bersama dengan kita kalau betul-betul kita menghayati program *SPIES* ini secara istiqamah. Jadi dengan ini Seri Serdang menyarankan dan mencadangkan supaya Kerajaan Negeri meletakkan satu bajet yang tertentu untuk menubuhkan institusi *SPIES* ini yang dikelolakan oleh EXCO pendidikan. Bahawa dengan ini kita dapat selaraskan pendidikan ini lebih mendalam dan cemerlang. Oleh itu, Seri Serdang menyokong sepenuhnya bajet pembangunan 2014 untuk disahkan. Sekian terima kasih.

TUAN SPEAKER: Pandamaran.

Y.B. TUAN TAN POK SHYONG: Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Pada akhirnya saya dapat diberi peluang ini untuk saya mengambil bahagian dalam perbahasan berkenaan dengan pembangunan. Saya ingin merujuk kepada P 01 PK 2, di muka surat 60, iaitu berkenaan dengan pembangunan kampung. Dan saya ingin menyatakan sedikit berkenaan Kampung Baru Cina sebenarnya. Di Negeri Selangor, kita mempunyai 42 Kampung Baru Cina. Di mana kawasan kampung sebenarnya mempunyai infrastruktur yang lebih kecil, iaitu jalan yang sempit termasuk sistem perparitan yang lebih kecil, jadi ini juga merupakan satu punca banjir yang sentiasa berlaku di Kampung Baru. Ini sebenarnya untuk membangunkan Kampung Baru ini adalah satu masalah yang susah di atasi oleh Kerajaan Negeri. Jadi penduduk di Kampung Baru, juga berasa dilema, kerana apabila mereka berharap kawasan kediaman mereka dimajukan, ataupun dibangunkan menjadi satu tempat moden. Tetapi pada masa yang sama mereka bimbang bahawa budaya Kampung Baru akan hilang ataupun akan dihapuskan dalam proses pembangunan. Jadi saya mencadangkan bahawa satu rancangan khas sebenarnya perlu diadakan untuk membangunkan Kampung Baru menjadikan tempat kediaman Kampung Baru, satu tempat yang moden, tetapi budayanya dapat di pertahankan dengan baik.

Yang keduanya, saya mendapati bahawa terutamanya di Kampung Baru Pandamaran, banyak rumah di Kampung Baru telah dijadikan kilang dan stor. Stor yang haram, kerana ini saya difahamkan tidak mungkin diputihkan, kerana tanah-tanah ini digunakan memang bersyarat kegunaan kediaman. Jadi juga tidak mungkin untuk PBT mengambil

tindakan keras kerana ini juga tidak sesuai sebenarnya, kerana stor-stor dan kilang-kilang telah lama berada di sana. Kesesuaian kilang dan stor dalam Kampung Baru juga bergantung pada lokasinya. Ada di kawasan yang seluruhnya telah menjadi kilang dan stor, dan ada yang juga telah dapat persetujuan daripada jiran-jiran. Ini adalah tempat yang kurang bermasalah. Tetapi ada juga yang telah menjadikan kacau ganggu yang serius kepada jiran-jiran ataupun penduduk-penduduk bersebelahan dan ini telah juga mengakibatkan penduduk kampung terpaksa berpindah kerana tidak dapat menyelesaikan perkara kacau ganggu tersebut. Jadi saya, saya mencadangkan bahawa Kerajaan Negeri perlulah mempunyai rancangan khas untuk mengatasi keadaan tersebut iaitu macam mana untuk membenarkan stor-stor ataupun kilang-kilang yang sesuai untuk terus dijalankan, dan tetapi menutup yang tidak sesuai. Jadi saya berharap Kerajaan Negeri apabila merancang pembangunan dan dapat mempertimbangkan isu yang penting ini. Berkenaan dengan pembangunan Kampung Baru Cina.

Yang ketiga, isu keselamatan juga menjadikan satu isu yang begitu penting. Apabila projek perumahan baru, kebanyakan merangkumi sistem '*gated in garden*' dengan izin. Kemudahan ini tidak ada di tempat Kampung Baru. Jadi saya mendapati bahawa di Kampung Baru, secara spesifik, Kampung Baru Kepong Ulu, di mana ketua kampungnya telah mengadakan satu pasukan keselamatan sendiri. Dan saya rasa ini untuk menjaga keselamatan penduduk di Kampung Baru tersebut. Dan saya ingin mengucapkan tahniahlah kepada ketua kampung dan penduduk-penduduk di kampung tersebut. Dan saya rasa ini adalah digalakkan. Tetapi secara ironiknya, sebenarnya pada masa darurat zaman penjajahan British, Kampung Baru telah mempunyai sistem '*gated in garden*' pada masa tersebut mereka telah '*gated*

TUAN SPEAKER: Itu lain, Yang Berhormat.

Y.B. TUAN TAN POK SHYONG: Itu bukan untuk melindungi kepentingan ataupun keselamatan penduduk tetapi untuk menyerang komunis pada masa itu. Tapi selepas itu *gated in garden* telah dibuka dan rakyat dikira telah dibebaskan. Tetapi selepas 56 tahun, negara kita telah merdeka, dan sekarang penduduk sendiri yang minta di *gated in garden* semula. Saya rasa ini adalah satu, tanda yang memang malu kepada negara kita kerana ini menunjukkan Kerajaan Pusat dan Polis Diraja Malaysia telah gagal menjaga keselamatan rakyat. Mengakibatkan ini timbul semula. Jadi apabila jenayah berlaku, selalunya kita dengar daripada kementerian ataupun menteri-menteri yang berkenaan, apa yang dia kata, mana-mana tempat di dunia pun ada jenayah. Jadi kita dengar dari bekas Menteri Pelancongan mengatakan, oh, apabila di sini jenayah rompak sangat *rampon*, dengan izin. Dia kata saya di Venice pun juga dirompak. Apabila kes penculikan berlaku di Semporna, Menteri, Dato' Seri Hishamuddin juga

mengatakan, apa dia kata, dia kata mana-mana pun ada. Jadi tak perlulah risau. Jadi inilah yang menunjukkan satu sikap yang tidak bertanggungjawab. Jadi ini telah membebankan. Seharusnya untuk menjaga keselamatan rakyat bukanlah tanggungjawab Kerajaan Negeri. Ini adalah tanggungjawab Kerajaan Pusat dan Polis Diraja Malaysia. Jadi saya rasa pada hari ini, saya juga dengar, rakan-rakan

TUAN SPEAKER: Kaitkan dengan usul pembangunan, ya.

Y.B. TUAN TAN POK SHYONG: Ya, jadi saya berharap, dalam rancangan membangun Kampung Baru Cina. Keselamatan perlu diambil kira kerana mereka adalah tempat kediaman yang lama. Tidak dapat membina seperti projek perumahan yang baru, mempunyai fasiliti-fasiliti *up-dated garden* yang begitu sempurna. Jadi saya rasa satu rancangan juga perlu diadakan untuk mengambil kira isu keselamatan ini apabila dalam perancangan Kerajaan Negeri. Itu saja perbahasan saya. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Sebelum saya persilakan Taman Templer, kita akan bagi ruang untuk semua Yang Berhormat-Yang Berhormat berbahas. Tapi ingat ya, kita membahaskan usul pembangunan, memang dia tidak spesifik seperti mana perbahasan perbekalan, tapi janganlah melencong jauh sangat, daripada Kampung Baru sampai ke Venice. Itu jauh sangat. Tapi tak apa, saya persilakan yang Berhormat Taman Templer.

Y.B TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:

Sekinchan dan Speaker berhadapan mata,
Boleh bahas lagi dan lagi,
Bajet Pembangunan RM624 juta,
Moga memberi impak yang tinggi.

Terima kasih, Timbalan Speaker dan Sidang Dewan sekalian. Saya ingin menyentuh berkenaan P01 PK3, berkenaan dewan orang ramai. Kalau sebelum ini kita lihat di mana pemajuan ataupun *development*, kawasan-kawasan baru, taman dan sebagainya, tidak ada satu garis panduan untuk di adakan dewan. Hanya mesti gazetkan *certain area* ataupun kawasan tanah untuk diadakan dewan ataupun surau. Dan juga *facilities* yang lain. Jadi kita perlu melihat balik, ada kawasan-kawasan yang mana ada tapak dewan tetapi sampai sekarang. Sebagai contoh, saya tinggal di Bandar Tasik Puteri, saya masuk 2002, sudah hampir lebih daripada 10, 11, 12 tahun. Di sana penduduk populasinya lebih kurang lebih daripada 50,000 orang. Lebih saya kira 50,000 orang, mungkin sampai 80,000 orang. Tidak ada walaupun satu dewan orang ramai. Dan pemaju memang tidak akan buat, PBT tidak ada bajet, jadi rakyat yang

merana. Sebab itulah saya katakan tadi bajet mesti berimpak tinggi memberikan kesan dan menyelesaikan masalah ataupun keperluan rakyat. Jadi saya minta dilihat balik. Mungkin sebagai sampel kes, boleh lihat, dengan izin, kepada Bandar Tasik Puteri, sampai sekarang. Belum ada, walaupun dia katakan, dikhabarkan dalam pelan, *master plan* dia, ada dua tiga empat tapak. Juga saya bersetuju berkenaan dengan tadi, berkenaan dengan dewan-dewan orang ramai ini, yang selepas sepenggal masuk kedua penggal, masih lagi ditadbir oleh parti-parti politik. Sudahlah parti politik, dan bersifat pembangkang pula. Saya baru-baru ini dijemput masuk, dijemput hadir kesatu majlis, yang dianjurkan oleh ibu-ibu berdikari kita. Ramai, lebih kurang 800 ahlinya. Dan saya hadir di satu dewan, dan dewan itu penuh dengan bendera-bendera Barisan Nasional, UMNO, biru merah dan sebagainya. Ada gambar. Jadi saya rasa tidak patut dewan tersebut dalam keadaan JKKK tempat itu tidak ada dewan. Dan saya suka menyebut iaitu dewan yang berada di Selayang Pandang, Kampung Selayang Pandang, walaupun pihak Majlis Perbandaran Selayang sudah keluarkan arahan. Pihak Pejabat Daerah telah keluarkan arahan, tapi mereka tidak mahu berganjak dan keluar daripada dewan tersebut dan masih lagi berdegil dan akhirnya terpaksa di peringkat berkuasa ini melayan ataupun dan berunding dan berunding dan sampai sekarang untuk masuk yang ke penggal yang kedua pun, tidak nampak macam mana. Jadi itu satu *sampel* kes, kita mengharapkan supaya benda ini tidak berlarutan sehingga ke masa-masa yang akan datang.

Yang kedua, berkaitan dengan banjir. Yang disebut, disebut, saya mengharapkan supaya pihak Kerajaan Negeri peka dan *alert*, prihatin dengan isu ini. Kenapa semua, hampir kebanyakan daripada Ahli-ahli Dewan bangkit dan menyebutkan tentang benda ini. Kita mengharapkan bila belanjawan ini dilulus, berimpak tinggi, ada kesan di bawah. Tuan-tuan sekalian, sekarang ini hujan, hujan sedang turun. Hujan sedang turun, kilat sedang berdentum, kita biasa saja, kita tak rasa sebab rumah kita mungkin tak kena banjir. Tapi bagi mereka yang rumahnya sentiasa dilanda banjir kilat, tidak senang duduk. Telefon ke rumah, tanya macam mana, apa khabar, tanya jiran dan sebagainya. Sebab kalau hujan sahaja berlarutan mungkin sejam dua jam nanti, akan berlakulah banjir kilat, akan musnahlah harta benda dan sebagainya. Ini adalah satu masalah rakyat yang bersifat daruriyat yang saya sebut sebelum daripada ini. Sangat-sangat *urgent*. Dan kita melihat apa sebabnya, puncanya, pertamanya dari segi sudut yang disebutkan oleh rakan-rakan tadi, dari sudut *efficiency*, keberkesanan kerja. Yang keduanya kita melihat bagaimana dari sudut penguatkuasaan. Rata-rata kita lihat bagaimana sungai-sungai kita ini, kawasan rizabnya dengan izin, diduduki oleh rumah-rumah yang tidak mempunyai permit, dari sudut pembinaannya. Dan ada rumah-rumah yang berada di atas sungai, sungai terpaksa memberikan laluan kepada rumah tersebut. Melencong dan sebagainya. Dan kalau kita *check* balik, rumah tersebut, saya tidak pastilah, ada geran dan sebagainya. Jadi kita perlu tegas, sebab kita jangan

melihat kepada masalah seorang individu yang terpaksa diroboh rumahnya, tapi lihat kepada masalah ummah yang lebih besar. Seheinggakan kalau setakat sekali banjir sahaja, kita melihat mungkin ratusan orang yang akan terima akibat dan bagaimana saya sebutkan sebelum ini. Rumah terpaksa dibina dengan dia punya bendulnya, depan dan belakang tinggi lebih daripada paras lutut. Bila hujan turun, lebih daripada paras lutut, air naik masuk dalam rumah. Luar kering, dalamnya macam kolam. Jadi ini yang berlaku dan saya minta sangatlah supaya keprihatinan pihak Kerajaan untuk memikirkan secara serius untuk menyelesaikan masalah banjir ini.

Seterusnya yang ketiganya, berkenaan dengan keselamatan. Mungkin boleh menyentuh berkaitan dengan P01, PK2. Keselamatan sekarang ini menjadi satu isu yang saya kira juga bersifat darurat tadi. Mendesak keperluannya. Di tempat saya, di Bandar Tasik Puteri, pukul 10.00 pagi dalam keadaan rumah pintu rumah terbuka, dalam orang ramai berada dalam rumah, si ayah sedang membuka *laptop* komputer, boleh datang perompak, bawa parang masuk, serahkan, apa tu, *laptop*, *notebook* tersebut, kalau tidak dia akan dcederakan dan sebagainya. Berlaku perebutan, ditetak, luka kepala, bawa lari dan sebagainya. Dalam keadaan pukul 10.00 pagi. Apatah lagi dalam keadaan yang ramai. Bukan saja mencuri, rompak bersenjata, di mana-mana pun, keresahan, ketakutan itu menyelubungi kita. Jadi saya mengharapkan juga supaya bajet ini bersifat impak tinggi, kesannya tinggi, supaya merasa *Alhamdulillah*, selepas lulus bajet, rasa selamatlah sikit. Sebab itu saya minta diperiksa dan lihat balik berkenaan dengan kawalan keselamatan kampung yang kita bagi RM5,000.00 geran tahunan.

Sekarang diumumkan program ini, ramai yang berminat untuk datang tampil memberikan khidmat sukarela. Dan mereka terpaksa ambil *MC* dan cuti separuh hari. Jadi saya minta dilihat elaan mereka. Ramai yang hadir ini, saya tidak mahu perkara ini mungkin hanya sampai satu masa sahaja akan berhenti, *Alhamdulillah* kita ada SEROJAny di peringkat PBT, kita boleh lihat program-program ini memberikan kesan dan impak yang tinggi hasil daripada kajian perompak-perompak, orang-orang n yang buat jahat akan membuat *survey* (dengan izin) terlebih dahulu, dia akan buat kajian, *round* tengok keadaan, tengok suasana, baca dan sebagainya. Dan manakala ada kawalan, maka proses awal itu mereka lakukan tinjauan itu tidak akan berlaku maka akhirnya jenayah dan perompak dan sebagainya juga tidak akan berlaku. Jadi kita minta supaya disemak balik supaya program-program SEROJA baik, program PKK baik tu, digabungjalinkan begitu juga rondaan di peringkat penguat kuasa PBT dilihat secara menyeluruh dan akhirnya memberikan kesan impak yang tinggi. Dan, seterusnya berkenaan dengan SPIES P-01, nama saya ada disebut produk *SPIES* tadi. Masa PEMUDA lagi

TIMBALAN SPEAKER: Ini SPIES boy ya.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: *SPIES boy.* Masa zaman PEMUDA lagi sudah di *SPIES* kan. Cuma saya tertarik bila mana ramai di kalangan rakan-rakan Ahli Dewan bangkit menyentuh tentang *SPIES*. Saya ingin menyarankan, menyarankan untuk, saya tidak pasti sama ada Ahli-ahli Dewan ini pernah atau tidak mengikuti program *SPIES* menjadi peserta. Sudah ke belum ? Senyap itu, biasanya belum lah! Jadi saya sarankan supaya ikut dan memberikan komen dan pandangan-pandangan yang bernas supaya kita tambah baik. Kalau kita pergi sebagai peserta, maka kita nanti akan dapat lihat dan merasai kesan dan menjiwai program ini dalam masa yang sama mungkin dalam sudut kaca mata kita sebagai Ahli Dewan kita dapat lihat di mana kekurangan dan sebagainya. Selepas daripada itu baru kita boleh menjadi ejen kepada kerajaan untuk bawa dan terjemahkan dalam bentuk masyarakat untuk menggalakkan orang di bawah kita mengikuti program ini. Juga saya ingin

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Mohon mencelah

TIMBALAN SPEAKER: Dengkil, mohon mencelah.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Oh Sahabat saya.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Terima kasih Timbalan Speaker. Bila sebut fasal *SPIES* saya pun hendak, hendak, sebelum pergi kursus kan. Sebelum pergi kursus ini hendak bertanya kepada Yang Berhormat Templer. Tadi Yang Berhormat Seri Serdang ada menyatakan program *SPIES* ini menarik ramai daripada kalangan masyarakat penduduk menyokong parti Pakatan Rakyat. Adakah Yang Berhormat Templer bersetuju bahawa program *SPIES* ini, sebab saya belum pergi ini, nak tanya kepada siapa yang dah pergi, adakah diterapkan nilai-nilai / unsur-unsur sehingga menyebabkan sokongan kepada Pakatan Rakyat seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Seri Serdang tadi? Terima kasih.

TIMBALAN SPEAKER: Dengkil risau tukar wadah ke?

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Saya hendak pergi kursus, jadi hendak tanya dulu.

TIMBALAN SPEAKER: Ok. Taman Templer, jawab.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Ia mudah, semalam pun diceritakan oleh Sekinchan dan ketua pembangkang. Ia macam ini sahaja. Sebenarnya, makin jahil

makin orang sokong UMNO. Jadi bila kita boleh keluarkan mereka daripada kejahilan Insyaa-Allah akan sokong Pakatan Rakyat. Itu formula yang mudah untuk kita *translate* kan. Dengkil ya. Sebab dalam program SPIES ini tidak cerita fasal Pakatan Rakyat, politik dan sebagainya. Sebagaimana yang disebutkan semalam antara tema yang diterapkan adalah ehsankan insan itu sendiri. Ehsan kan insan, jadi Ehsan itu apabila kita buat kerja sesuatu perkara seolah-olah Allah SWT berada di hadapan kita. Kalau kita tidak dapat bayangkan sedemikian, kita boleh rasai Allah sedang melihat kita lakukan kerja-kerja. Kalau perasaan ini diterapkan di dalam ADUN baik, kepada orang kampung, ketua kampung, seluruhnya maka tuan-tuan / puan-puan kita tiada lagi orang-orang yang pecah amanah dan sebagainya. Saya menyarankan kepada kerajaan adakan kursus SPIES ini. Tadi saya cakap tentang kerajaan kemudian disampuk ADUN, ADUN dulu juga termasuk ADUN pembangkang. Dengkil setuju saya rasa. Setuju? Hendak jemput Dengkil datang sekali ke SPIES, boleh? Jadi saya rasa ini perlu lah sebab saya melihat bagaimana mungkin rata-rata rakan kita yang mungkin kurang jelas, melihat dari sudut luar sahaja. Jadi, perlu ada program-program khusus untuk ADUN dan termasuk juga pihak Pembangkang kita melihat daripada konteks yang meluas dan kita hendak mendapatkan apa kata “ ” Allah SWT bukan setakat hendak menjadi ADUN 5 – 10 tahun sahaja.

Dan, seterusnya berkenaan pembangunan belia. Setakat ini saya ingin menyentuh dan mengaitkan ke impak tinggi dan berkesan. Pelbagai program yang telah kita usahakan tetapi bagaimana kesan. Kesan ini telah, kita boleh duduk di bawah, di peringkat rakyat sebagai belia, apa komen mereka sebagai belia? Adakah mereka dirasai? Adakah mereka rasa disantuni? Tersentuh dengan program-program kita. Satu program yang baik, bila mana kita mengadakan mewujudkan PBT., satu orang setia PBT. Tidak silap saya elaun RM400.00 secara *part time*. Dan *reporting* (dengan izin) laporannya kepada majlis. Saya melihat sepanjang pengamatan saya, kurang berkesan. Kewujudan mereka di zon itu juga tidak dirasai. Datang kita sebagai ADUN pun tidak boleh secara langsung untuk mengawal dan membantu mereka. Jadi ini *setup / format* ini boleh dilihat balik. Bagaimana? Adakah cara yang bagaimana untuk supaya mereka ini boleh kesan dalam melaksanakan program-program pembangunan belia-belia, dan memberikan impak. Dan, melihat mungkin idea supaya tidak perlu ramai dalam satu PBT itu ada 24, saya tidak pasti mungkin 36 orang *elecation / peruntukkan* ini kita boleh salurkan kepada seorang sahaja sifat *fulltime*, bersifat sepenuh masa. Dan, boleh duduk di Pejabat ADUN. Mereka bekerja sepenuh masa pagi, petang, siang, malam, memikir bagaimana belia ini supaya fikirkan bagaimana untuk membangunkan belia ini. Supaya apa? Supaya dirasai impak tinggi tadi, disantuni, mereka rasa disantuni, mereka rasa ada boleh diwujudkan dan seorang yang memikirkan secara orang kata *fulltime*, setiap masa berkenaan bangunan belia. Sebab kita terus masuk ke penggal yang kedua. Jadi kita mengharapkan supaya dengan penggal yang kedua ini program

pembangunan belia. Topik pembangunan belia ini lebih impak, lebih dirasai. Ada untuk yang.

Akhirnya, B-14 KAFA Menengah. Tahniah diucapkan program ini cukup baik. Cuma untuk memberikan impak tinggi dari sudut peruntukkan dari sudut program, perlu diperbanyakkan. Saya difahamkan mungkin di peringkat satu daerah saya tidak pasti berapa, tapi kalau tidak silap ingatan saya mungkin ada satu dua sekolah saja di tempat saya sendiri, di Bandar Tasik Puteri hanya ada satu sekolah dengan hanya ada kelas untuk menampung saya tidak pasti sama ada untuk satu atau keseluruhan sekolah menengah tetapi bagi saya tidak mencukupi. Kerana kita melihat pada hari ini, gejala sosial berlaku di kalangan anak-anak remaja kita. Antara sebab utamanya kurang ilmu agama atau penerapan Islam itu sendiri bagi yang beragama Islam. Kita mengharapkan sangat supaya seluruh program-program yang kita rangka ini mampu memberikan impak yang tinggi bukan sekadar kita meletakkan program-program tapi nilai dan hasilnya yang boleh kita nilai dari masa ke semasa dan akhirnya ialah rakyat boleh bersetuju bahawa bajet kita ini bukan sahaja berhemah tetapi berimpak tinggi dan mampu menyelesaikan masalah rakyat. Terima kasih dan Templer menyokong penuh bajet pembangunan ini. Terima kasih.

TIMBALAN SPEAKER: Kuala Kubu Bharu

Y.B. PUAN LEE KEE HIONG: Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin membahaskan usul perbahasan pembangunan 2014 bermula dengan B-12. Jabatan Kerja Raya (JKR) Anggaran peruntukkan 2014 untuk JKR adalah RM120 juta di mana dua kali ganda berbanding dengan peruntukkan 2013 yang diperolehi iaitu RM59.6 Juta. Ini adalah satu anjakan yang besar. Setelah meneliti setiap pecahan kepala saya dapati TK-1 membaik pulih dan menyelenggara cerun di seluruh Selangor peruntukkan RM3 juta. Mengikut anggaran 5 tahun iaitu 2011 sehingga 2015 adalah RM30 juta. Jika RM30 juta ini dibahagikan sama rata setiap tahun maka anggaran 2014 Sepatutnya RM6 juta. Saya minta penjelasan daripada pihak kerajaan mengenai peruntukkan RM3 juta ini iaitu separuh sahaja daripada RM6 juta. Ada kemudian cerun-cerun di Selangor telah dikategorikan stabil, selamat dan kukuh. Di mana tidak akan berlaku runtuh

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Tuan Timbalan Speaker.

TIMBALAN SPEAKER: Ya, Rawang.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Minta penjelasan sedikit. Minta penjelasan. Ini juga berkaitan dengan cerun. Saya difahamkan juga. Saya ingin bertanya KKB saya difahamkan juga PBT ada memohon kepada kerajaan Selangor juga untuk pembaikan

cerun tetapi dikenakan kadar bunga 4%, adakah KKB bersetuju ini ... (dengan izin) supaya ia tidak berbangkit dan pihak PBT.

Y.B. PUAN LEE KEE HIONG: Terima kasih Rawang. 4% ini memang kita banyak aduan mengenai apa dikenakan 4% itu. Jadi saya rasa biarlah Menteri Besar menjelaskan 4% itu. Saya sambung. Tadi mana ni. Dikategorikan cerun-cerun di Selangor dikatakan stabil, selamat dan kukuh. Di mana tidak akan berlaku tanah runtuh yang tidak membahayakan orang ramai pada tahun 2014. Walau bagaimana pun penjelasan daripada pihak kerajaan adalah perlu. Kerana Selangor mempunyai banyak cerun. Dan beberapa tempat telah berlaku keruntuhan cerun.

Tuan Timbalan Speaker, begitu juga dengan butir pasang lampu jalan di seluruh Selangor diperuntukkan RM500 000.00. Ini adalah sama dengan membaik pulih dan menyelenggara cerun di seluruh Selangor yang saya sebut tadi di mana jika dibahagikan sama rata setiap tahun ia patut diperuntukkan sebanyak RM1 juta. Pemasang lampu jalan dan lampu isyarat akan meningkat tahap keselamatan jalan raya, peruntukan RM500 000.00 adalah peruntukan sedikit. Saya mengambil contoh yang berlaku di kawasan DUN saya. Pada bulan Julai yang lalu terdapat 4 buah rumah yang terancang dalam masa 1 malam di Bukit Keling.

Saya melawat mangsa-mangsa tersebut, dan mereka meminta pasang lampu jalan kerana penyamun-penyamun bersembunyi di tempat gelap beberapa hari untuk mengerak geri penduduk sekitar itu sebelum menyamun. Malangnya JKR Hulu Selangor memaklumkan tiada peruntukan untuk memasang lampu jalan di jalan JKR tersebut.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG: Tuan Timbalan Speaker, minta mencelah.

TIMBALAN SPEAKER: Teratai, minta mencelah.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG: Terima kasih. Saya ingin tanya Yang Berhormat Kuala Kubu Baharu memandangkan kita dapati bahawa tarif TNB agar menaik tidak lama kemudian, Yang Berhormat Kuala Kubu Baharu bersetuju supaya kerajaan negeri seharusnya bermula mengkaji sama ada sesuai memasang lampu LED daripada lampu jalan biasa. Di mana lampu LED mungkin dapat menjimatkan kos atau bayaran TNB, terima kasih.

Y.B. PUAN LEE KEE HIONG: Terima kasih Teratai, ini adalah jimat kos. Lampu LED itu mahal, lampu tiang biasa murah. Lampu LED kalau rosak banyak produk

China, Semuanya rosak dalam kadar lebih cepat daripada apa yang kita jangka. Jadi saya tidak hendak jawab soalan inilah!

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Saya pun hendak minta penjelasan sedikit.

TIMBALAN SPEAKER: Ada Sekinchan dan juga Ijok. Yang mana satu KKB hendak beri laluan.

Y.B. LEE KEE HIONG: Saya minta bagi kepada *taiko* sayalah, Sekinchan

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: (Ketawa), *taiko*. Ya, terima kasih Tuan Timbalan Speaker, terima kasih KKB kerana beri laluan. Saya cuma nak kenal pasti tadi KKB mengatakan produk-produk tu semua daripada China. LED itu daripada China dan tak boleh komen sebab daripada China. Saya rasa kenapa tak boleh komen? Sebabkan produk daripada China tak bagus ke bagus ke kena beri komen, tak apa, kalau bagus kata bagus, kalau tak bagus kata bagus. Perlu kualiti perlu dinaik taraf ke, perlu diperbaiki kena bagitau sebab *no comment*. Jadi saya nak tau LED ni bagus dan produk dari China bagus ke tak bagus ni?

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Kejap, Ijok, saya rasa bagi KKB jawab dulu, lepas tu kita bagi..

Y.B. LEE KEE HIONG: Saya orang yang mudah lupa. Jawab dulu.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ok..ok.

Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD: Terima kasih Tuan Speaker. Saya nak beri..

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Kalau Kuala Kubu Baharu kata dia nak jawab, ni sebab dia takut lupa. Lepas itu baru bagi laluan kepada Ijok.

Y.B. LEE KEE HIONG: Ada, ada banyak masa sebab ucapan ini pendek sangat. Ada banyak masa untuk *you*. Ok. (Ahli dewan ketawa) Terima kasih Sekinchan, *taiko* saya, dengan izin, *taiko* tu kena dengan izin. Ini, yang saya maksudkan lampu LED ini ada lebih daripada 1000 syarikat membuat lampu LED. Jadi, kalau nak saya komen, saya dulu Ahli Majlis, jadi saya banyak membuat kajian terhadap lampu LED sama ada dia sesuai tak sebab lampu LED memang ada kebaikannya. Ia akan menjimatkan tenaga. Kalau macam di Dewan yang mulia ini, dipasangkan dengan lampu LED, bil elektrik kita memang akan kurang 75% tapi mana satu syarikat nak pilih? Lebih daripada 1000. Di negara yang maju, German, semua ada lampu LED tapi lampu LED

itu mereka sekarang tak fokus Malaysia. Mereka fokus di Jepun untuk memasang untuk negara-negara yang maju dulu, sebab itu untung besar. *You know* orang Malaysia, kita tak mampu beli lampu LED yang mahal-mahal juga. Ini, itu..

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Dia dah jawab sebagai EXCO. KKB nak bagi laluan kepada Ijok ke? Ya, silakan.

Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD: Terima kasih. Tuan Timbalan Speaker. Tentang LED ni, saya nak beritahu Dewan ini satu teknologi yang bagus, menjimatkan dan juga kalau nak tengok, Ijok dah mula pasang lampu jalan *solar energy* LED. Sekian.

Y.B. LEE KEE HIONG : Terima kasih lah atas maklumat itu. Kita sama-sama memajukan Selangor lah.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Balik kepada usul pembangunan ya.

Y.B. LEE KEE HIONG : Ya..ya..nanti saya lupa. Mana saya..(Ahli dewan ketawa). Saya kata itu fasal penyamun ya. (ketawa). Jauh sangat. Saya sudah cakap, masa itu bulan 7 yang berlaku, kes penyamun itu, masa itu saya sudah dapat..dimaklumkan bahawa tidak ada peruntukan memasang lampu jalan di jalan JKR tersebut. Itu adalah bulan 7 tiada peruntukan. Bagaimana dengan bulan-bulan yang seterusnya? Jadi, saya minta penjelasan daripada pihak kerajaan sama ada peruntukan tersebut mencukupi untuk seluruh Selangor sedangkan pemasangan lampu isyarat di satu tempat akan menelan sebanyak RM200,000. Nanti, saya ada lagi, belum habis lagi. Tuan Timbalan Speaker, terdapat pelbagai jenis jalan di Selangor seperti jalan PBT, jalan JKR, jalan PLB dan juga *no man's road*, dengan izin. Walaupun Selangor maju tetapi masih lagi terdapat jalan-jalan yang dipanggil *no man's road*. Yang mana PBT, JKR dan PLB menafikan jalan awam tersebut adalah di bawah penyelenggaraan mereka. Kalau jalan PBT maka lampu juga adalah tanggungjawab PBT. Jalan-jalan JKR maka lampu ulasan JKR akan tetapi kalau meminta jalan, lampu jalan di jalan PLB dan *no man's road* itu, pihak mana yang melakukan pemasangan lampu jalan dan seterusnya siapa yang membayar bil elektrik itu. Dengan ini saya minta penjelasan daripada pihak kerajaan sama ada semua jalan selain daripada lebuh raya dan jalan PBT, pemasangan lampu jalan adalah diuruskan oleh JKR.

Tuan Timbalan Speaker, saya juga menyentuh PK4 iaitu menaiktaraf jalan. Saya amat terkejut di mana Daerah Hulu Selangor hanya diperuntukkan RM1 juta untuk menaikkan jalan pada keseluruhannya juga membandingkan dengan membandingkan peruntukan diberikan kepada daerah-daerah lain maka daerah Hulu Selangor mendapat

peruntukan bawah PK4 ini adalah yang paling rendah. Jangan senyum saja ya. (ketawa) Daerah Hulu Selangor tidak mendapat peruntukan untuk butir-butir lain dalam PK4 melainkan Butir 07 iaitu menaiktaraf jalan-jalan di seluruh Hulu Selangor yang sebanyak RM1 juta itu. Anggaran bagi tahun 2011 hingga 2015 adalah RM20 juta tetapi untuk tahun 2014 hanya diperuntukkan RM1 juta sahaja. Akan tetapi, dalam muka surat yang sama iaitu muka surat 197 saya dapati Butir 39 menaiktaraf jalan-jalan di Kuala Selangor..eh..di daerah Kuala Selangor, juga diperuntukkan RM1 juta. Ini bermakna sama-sama diperuntukkan RM1 juta tanpa mengira RM20 juta ataupun RM5 juta yang dirangkakan. Walau bagaimanapun, pada masa yang sama, daerah Kuala Selangor diperuntukkan RM22 juta untuk menaiktaraf jalan-jalan yang disenaraikan dalam Butir 01 dan Butir 02 perbezaannya agak besar di mana daerah Hulu Selangor selain daripada RM1 juta itu, Butir-butir lain di bawah PK4 tu tidak diperuntukkan satu sen pun. Saya minta penjelasan daripada pihak kerajaan apakah faktor yang diambil kira untuk menentukan peruntukan menaiktaraf jalan untuk setiap daerah? Saya ingin merakamkan rasa sedih dan tidak puas hati di sini kerana daripada peruntukan JKR telah bertambah daripada RM59.6 juta kepada RM121 juta tahun depan, daerah Hulu Selangor hanya mendapat RM1 juta sahaja. Saya berharap pihak kerajaan janganlah fikirkan kawasan luar bandar ini. Jika bajet berimbang dibentangkan di Dewan yang mulia ini maka peruntukan pembangunan juga haruslah dinampak berimbang di antara daerah-daerah.

Selain daripada itu Tuan Speaker, saya ingin menyentuh P01 Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan di muka surat 59. Iaitu PK1 Perkhidmatan Masyarakat Butir 02 Rumah Ibadat Selain Islam. Tahun ini peruntukan tersebut habis dengan cepatnya. Saya mendapat aduan sekurang-kurangnya daripada 3 Persatuan-persatuan penganut agama, bahawa terdapat pengumuman peruntukan kepada Rumah Ibadat mereka tetapi tidak ditunaikan dengan cek selepas itu. Saya minta penjelasan daripada pihak kerajaan, apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi masalah ini. Peruntukan tersebut memang disambut baik daripada kalangan penganut-penganut bukan Islam akan tetapi pihak kerajaan perlu mempunyai sistem pengurusan yang baik dan cekap supaya imej cemerlang kerajaan negeri Selangor tidak terjejas. Itu sahaja perbincangan saya, saya menyokong usul pembangunan ini terima kasih.

TIMBALAN SPEAKER: Yang Berhormat Ijok.

Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD: Terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Minta maaf, sebelum saya memberikan Yang Berhormat Ijok untuk teruskan perbincangan, saya ingin maklumkan bahawa Yang Berhormat-Yang Berhormat semua diberikan sekarang 15 minit sebab kita nak

habiskan juga perbahasan pada hari ini dan saya yakin semua nak balik jam 4.30 petang ya, dan esok kita akan terus selepas waktu pertanyaan menjemput pihak kerajaan untuk memberikan penjelasan dan penggulangan. Yang Berhormat Ijok.

Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD: Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Yang Berhormat ahli-ahli EXCO dan juga Yang Berhormat ahli-ahli Dewan. *Assalammualaikum w.b.t*, salam sejahtera. Ijok ingin membahaskan tentang bajet 2014 dan saya tak akan mengambil masa lama. Saya akan *go straight to the point*, dengan izin. Saya nak bahaskan, yang penting, dua (2) perkara iaitu pertanian, iaitu memang sesuai pada DUN saya dan juga dari segi kesihatan, itu sebagai saya punya profesion. Tuan Speaker yang dihormati, negara Malaysia dan negeri Selangor ialah negara yang subur. Kita punya tanah subur. Apa kita campak ke atas tanah, dia akan tumbuh. Ya, tetapi malangnya dasar pertanian negara mungkin kita akan ubah dasar pertanian negeri kenapa kita masih mengimport makanan. Beratus juga kita kena import. Kalau ada satu peperangan, *I think* kita semua akan lapar kebuluran sebab kita harapkan makanan dari luar, Tuan. Saya nak rujuk pada peruntukan bajet negeri Selangor iaitu, B08 Peruntukan untuk Jabatan Pertanian. Saya dapati bahawa peruntukan sangat, amat besar, RM19 juta lebih tetapi saya rujuk pada hasil pertanian sangat mengecewakan, Tuan Speaker. Sebab apa yang kita belanja dan apa yang kita dapat, itu sangat merugikan negeri ya. Saya nak tanya kerajaan negeri Selangor, adakah dasar yang kita buat sekarang amat sesuai untuk mendapatkan hasil yang sepatutnya dari pertanian. Saya telah melawat negeri China dan juga tak jauh iaitu negeri Johor, dari segi R & D mereka dari segi pertanian, sangat-sangat ya lah, mengejutkan sebab mereka *very advance*, dengan izin. Mereka pakai teknologi baru iaitu teknologi udara dan juga teknologi *Bio-technology*, *instead* kalau macam baja kita dulu gunakan *chemical technology* sekarang mereka gunakan *Bio-technology*. Macam kesihatan juga Tuan Speaker, dengan ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang untuk mencegah penyakit mereka menggunakan *DNA technology*, bukan ubat tapi *prevention* sekarang dari segi pertanian pun mereka telah menceburi dari segi *RnD*, *Bio-technology* menggunakan kuman-kuman yang sesuai untuk melawan musuh pokok-pokok dan ini akan mendatangkan hasil yang lebih baik, yang lebih tinggi dan *also* mengurangkan pencemaran *chemical* untuk kita makan. Jadi, kalau lah dari segi politik kita buat reformasi, saya nak tanya kerajaan Selangor boleh lah, adakah rancangan untuk buat satu transformasi dari segi dasar kita ke atas pengurusan pertanian? Itu soalan saya dan saya harap negeri Selangor akan mengkaji cara-cara kita sebab Selangor ni banyak tanah, banyak tanah terbiar dan kenapa hasil dari tani kita, kurang.

Perkara yang kedua saya nak sentuh ialah dari segi kesihatan. Untuk kita nak memajukan negara, sepatutnya kita perlukan warga yang sihat. *Population* yang sihat. Untuk menjamin penduduk yang sihat, pada pandangan saya, kita kena mulakan

sebelum bayi itu dilahirkan. Saya dapati bahawa khidmat kesihatan pada ibu mengandung di Selangor kurang sikit walaupun kesihatan, dari segi kesihatan ialah dari peruntukan kerajaan persekutuan tetapi pada pendapat saya, negeri Selangor yang maju sepatutnya mengambil *lead* tentang, daripada bidang kesihatan sebab kita, mungkin kita ada peruntukan. Saya dapati bahawa, untuk melahirkan bayi yang sihat, kita kena jaga bayi itu masa dalam perut dan Klinik Kesihatan, dari segi penjagaan antenatal, keperluan asas di klinik-klinik, saya dapati kekurangan. Macam keperluan, macam *ultrasound*, ya, yang itu penting dari segi penjagaan ibu mengandung saya dapati di Selangor dan hanya di Ijok ni, sangat kekurangan. Kebanyakan bila ada masalah, mereka dirujuk kepada hospital besar di Sungai Buloh, di Klang.

Jadi dasar kita untuk menjaga kita hendak memastikan anak di lahirkan di Negeri Selangor ini sihat. Saya ingat kita perlu meningkatkan taraf khidmat kesihatan di Klinik-klinik Ibu Mengandung dan Kanak-kanak. Dan saya dapati peruntukan kesihatan itu sangat kurang sebab kesihatan ialah satu keperluan yang asas pada rakyat. Dan juga saya dapati kenapa dari segi jawapan EXCO Kesihatan khidmat Klinik Bergerak tiap-tiap kawasan ada kecuali Sepang dan Kuala Selangor. Saya dapati di Kuala Selangor itu memang amat perlu kita mengadakan satu khidmat klinik bergerak sebab ini kawasan desa, mereka tak ada kemampuan, penduduk amat miskin dan kalau saya pernah berkempen di kawasan-kawasan kampung dan estet-estet dan saya dapati keperluan khidmat ini memang mesti diujudkan. Jadi saya harap EXCO Kesihatan dan Kerajaan Selangor akan memberi khidmat ini ke kawasan Kuala Selangor.

TIMBALAN SPEAKER : Sekinchan minta mencelah Ijok.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih Tuan Timbalan Speaker dan terima kasih Yang Berhormat Ijok. Saya khusyuk dengar ya Yang Berhormat Ijok tentang keprihatinan terhadap kesihatan. Kesihatan ini memang kita harus jaga kesihatan semua, Ahli-ahli Dewan juga perlu tapi walau bagaimana pun saya nampak ada juga satu saya minta pandangan daripada Yang Berhormat Ijok, tentang klinik ini, Klinik Bergerak dan Klinik 1Malaysia. Saya tengok banyak Klinik 1Malaysia berbelanja dengan duit yang besar, tetapi dilaporkan tak ada doktor di situ, hanya Pegawai Perubatan. Apa pandangan Doktor tentang pembaziran seperti ini.

TIMBALAN SPEAKER : Pandangan Yang Berhormat ya.

Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD : Terima kasih Sekinchan. Saya sebagai seorang Doktor dan juga rakan-rakan profesion, kami telah pendapat kamilah sebagai satu profesion, kami risau sebab 1Malaysia klinik ini ialah mengelirukan dan menipu rakyat. Sebab kalaulah seorang doktor nak buka klinik banyak syarat kita kena patuhi ya. Bilik pun kena diukur, pintu pun diukur, doktor kena berada di situ, doktor-doktor

yang bertauliah kena berada di situ. Dan kena ada satu farmasi barulah dapat lesen nak buka klinik swasta. Tetapi Klinik 1Malaysia untuk pengetahuan Ahli Dewan tak ada doktor. Yang mengendalikan ialah *nurse* atau pun *H.A.* Ini yang kami sebagai satu profesion amat sedih dan juga membimbangkan dari segi keselamatan rakyat Malaysia. Itu penjelasan Sekinchan.

Ok terima kasih dan ada masa sikit saya nak tambah sikitlah tentang penjelasan lampu *LED* dan Solar (dewan ketawa). Tuan-tuan, Ahli Dewan yang dihormati....

TIMBALAN SPEAKER: Tolong kaitkan dengan Usul Pembangunan saja saya benarkan.

Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD: Ya, ya sebab saya minta peruntukan untuk menyalakan, menerangkan kawasan-kawasan kampung di Ijok dan di taman-taman di Ijok. Dan saya telah mendapat jawapan tak memuaskan dan ini membebankan orang-orang kampung sebab mereka kena bayar. Dan dari segi JKR, TNB pun macam tak memuaskanlah. Jadi saya untuk mengatasi masalah sebab lampu ini malam-malam penting untuk keselamatan jalan raya dan mencegah jenayah. Jadi saya telah mendapatkan ialah *company-company* yang boleh memberi lampu dengan tak menggunakan kuasa elektrik dan saya telah buat satu projek perintis di Ijok, menegakkan lampu di jalan-jalan yang kritikal. Saya hairan kenapa kerajaan tak ada peruntukan untuk mendirikan, menegakkan lampu-lampu di kawasan-kawasan kampung. Sebab kalau kita pergi ke Majlis, Majlis kata ini bukan bidang mereka, pergi ke JKR mereka kata tak ada peruntukan. Jadi saya harap kerajaan Selangor prihatin tentang keselamatan di kampung-kampung, taman-taman yang mana atau pun di kawasan-kawasan orang asli yang kadang-kadang susah nak dapatkan ini elektrik di salurkan pada kawasan-kawasan dalaman. Kita pasangkan lampu *LED Solar Energy* sebab tak perlu kabel, *maintenance* 5 tahun sekali, kita tak perlu jaga dan kalau kita bandingkan, kalau tuan-tuan semua pergi ke sana pergi ke Ijok tengok bandingkan lampu LED lebih terang pada lampu konvensional.

Tuan-tuan dan puan-puan, jadi saya haraplah kerajaan negeri akan meneliti masalah ini untuk menerangkan kawasan-kawasan yang gelap, sekian itu sahaja ribuan terima kasih.

TIMBALAN SPEAKER : Semenyih.

Y.B. TUAN DATUK JOHAN BIN ABD. AZIZ : Terima kasih Tuan Speaker beri laluan kepada Semenyih untuk membahaskan Usul Pembangunan. Pertama saya nak ucapkan terima kasihlah ke atas Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah

memberikan kenaikan gaji kepada ADUN-ADUN dan EXCO-EXCO dan juga Timbalan Speaker dan Speaker. Kena cakap terima kasihlah dah memberi kita menerima. Dan saya pun juga nak fokus terus kepada isu pembangunan tentang PK.2, membina jambatan, membina jambatan muka surat 190 Kepala 500 Daerah Hulu Langat. 01 membina Jambatan Ke-2 di Pekan Semenyih, saya kalau tidak silap saya pelaksanaan jambatan ini telah dibincangkan mungkin kira-kira tujuh atau lapan tahun yang dahulu. Waktu itu saya juga menjadi Ahli Majlis Perbandaran Kajang. Di peringkat Majlis kita bersetuju untuk menyediakan satu dana khas tabung untuk meminta sumbangan daripada pemaju-pemaju yang berhampiran untuk memberi *contribution* dengan izin untuk membina jambatan ini diwaktu lapan tahun dahulu. Yang telah terkumpul pun hampir RM4 juta kalau tidak silap saya dan kali ini dimasukkan dalam bajet Anggaran Peruntukan Pembangunan 2014, Belanjaan Bangunan mengikut kod projek Vot P.12 Jabatan Kerja Raya. Apa persoalan saya adakah Majlis Perbandaran Kajang tidak memaklumkan kepada kerajaan negeri atau pun tidak dan di manakah dana yang telah terkumpul daripada hasil kutipan sumbangan pemaju-pemaju yang ramai yang telah membayar. Saya kira pun dah mencecah RM6 juta ini dan kalaulah jabatan ini dah ada tabungnya, Majlis pun telah mengadakan tabungnya ini ada juga bajet untuk 2014 di mana masalah teknikal ini saya tak pastilah. Mungkin Majlis tidak memaklumkan kepada kerajaan negeri dan sebelum ini pun

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Tuan Timbalan Speaker nak mohon mencelah, penjelasan sikit. Boleh?

TIMBALAN SPEAKER: Ok, ya Semenyih bagi ya.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Saya nak tanya ya tentang tadi Yang Berhormat Semenyih sebutkan ada satu tabung di bawah PBT untuk pembangunan jalan. Boleh Semenyih sebutkan spesifik apa nama tabung tersebut supaya kalau adanya saya rasa itu polisi yang bagus supaya pemaju menyumbang juga dalam pembangunan jalan semua ini.

Y.B. TUAN DATUK JOHAN BIN ABD. AZIZ: Terima kasih Rawang. Tabung ini khas kita bincangkan kerana kajian *traffic flow* ini Semenyih yang begitu ketara sesak. Jambatan ke dua yang nak dibuat di Pekan Semenyih ini dan kami waktu itu Ahli Majlis memutuskan supaya mengenakan sumbangan kepada pemaju-pemaju ini untuk memberi sumbangan dan mewujudkan tabung membina jambatan ke dua di Pekan Semenyih ini, nama khas tabung ini. Dan duitnya waktu itu dah RM4 juta, 8 tahun lalu. Jadi itu yang saya tak tahu mana masalah teknikal tak *inform State*, *State* masukkan bajet dalam

Y.B. PUAN LEE KEE HIONG : Tuan Timbalan Speaker.

TIMBALAN SPEAKER: Semenyih, KKB minta laluan.

Y.B. PUAN LEE KEE HIONG: Ya terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Yang tadi Yang Berhormat Semenyih menceritakan cerita lama mengenai dengan tabung itu. Saya nak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Semenyih sama ada pada waktu itu tabung itu diwujudkan atau pun dia hanya dikenakan satu syarat saja supaya pemaju bayar dan sama ada Yang Berhormat Semenyih tahu pemaju yang terbesar Semenyih *Central* itu tidak membayar tabung tersebut.

Y.B. TUAN DATUK JOHAN BIN ABD. AZIZ : Oh jadi Kuala Kubu tahulah ada tabung ini juga ada yang bayar, ada yang tak bayar. Jadi saya tahu ada yang bayar. Waktu itu kita tanya ada RM4 juta dan sekarang dah 8 tahun saya percaya dah lebih. Jadi saya cuma nak mempersoalkan kalau dalam bajet ini dimasukkan Bajet Pembangunan ini dimasukkan dalam *Vot P.12* ini sebanyak RM6 juta jadi tabung ini digunakan untuk apa. Jadi lepas ini biarlah EXCO jawab dan membetulkan keadaan jika perkara itu tidak betul dan sebagainya. Dan kalau betul kalau ada tabung itu wujud saya pun juga syorkan janganlah pergi ke tempat lain dihalakan jugalah di kawasan-kawasan Semenyih ini. Saya juga ingin membangkitkan iaitu tentang keperluan sangat, keperluan sangat jika tabung ini katalah RM6 juta sudah ada, keperluan sangat sama ada kerajaan negeri memikirkan tidak isu keperluan sangat ini saya dah bangkitkan baru-baru ini dalam perbincangan isu bajet ini iaitu memerlukan satu tapak *land field*, tapak pelupusan sampah di RDF ini, waktu saya beritahu yang kita bawa Yang Berhormat Menteri hasil perbincangan dilakukan tentang sisa buangan ini, 20% ini diletak, sisa toksik ini perlu dibuang di tapak pelupusan. Dan tapak pelupusan sampah ini sampai hari ini, saya ajukan soalan kepada pihak RDF, pengurusan RDF di depan Menteri tempoh hari dan mereka beritahu dan mereka dah minta banyak kali pada *State* untuk menyediakan tapak pelupusan untuk bahan yang tidak boleh dipakai lagi untuk dibuang ini. Ini ekor bau yang cukup busuk di kawasan khususnya Kampung Pasir, Sungai Lalang dan Semenyih Indah, Semenyih Ria dan taman-taman yang berhampiran. Ini amat-amat kritikal kalau katalah belanjawan ini RM6 juta sudah ada dan saya harap Majlis ada dana ini mungkin boleh pihak Majlis Perbandaran mengkaji supaya mengupgrade tapak *landfield*, tapak pelupusan seperti sisa pepejal ini khususnya di kawasan Semenyih ini.

Dan yang perkara yang kedua saya ingin menyentuh tentang PK.4 menaik taraf jalan. Menaik taraf jalan ini iaitu di kawasan-kawasan saya minta pihak EXCO atau pun pihak PBT dapat mengkaji khususnya di kawasan Semenyih bahawa terdapat di antara sebelah jalan, sebelah kanan kawasan industri, sebelah kiri adalah kawasan kampung tradisional. Saya bagi contoh iaitu satu daripada *highway* LEKAS bila turun

saja sebelah kiri dan kanan adalah kawasan industri. Depan dia kampung tradisional dan menyentuh tentang menaik taraf perparitan ini tentang pembangunan yang saya kira banyak menimbulkan masalah tentang tersumbatnya longkang-longkang bila kerja-kerja tanah dilakukan di kawasan industri ini, maka bila hujan tak sampai satu jam pun hujan, saya dapat banyak aduan. Baru-baru ini pun saya terus menghubungi JKR, Majlis dah tenggelam pun di Kampung Sungai Purun melibatkan banjir lumpur. Bila tanah merah ini kita faham mesti ada pembangunan kerana ia betul-betul berjiranan dia punya pembahagi betul-betul jalan.

Dan satu contoh lagi iaitu di Kampung Jalan Sungai Lalang, Semenyih dan juga Kampung Pasir sebelah kiri dan kanan ada kawasan industri, dan jalan itu ada taman perumahan. Apa yang saya lihat itu tentang menaik taraf satu lagi tentang menaik taraf jalan harus dikaji oleh pihak berwajib saya kira harus mengkaji bila wujudnya kawasan industri sudah pasti ada kenderaan-kenderaan yang berat seperti treler dan sebagainya kontena di bawa di kawasan-kawasan kampung ini lalu dan bila dah pun diluluskan sebagai contoh 140 menaik taraf jalan muka surat 196 menaik taraf B.19 Jalan Sungai Lalang Fasa 1, RM12 juta, Fasa 2, RM15 juta dekat RM27 juta dibelanjakan. Mungkin dia punya gred ini jangan kita ingat itu kawasan kampung jalan ini digunakan sekarang oleh penduduk-penduduk yang luar dari Semenyih juga iaitu ingin menziarah waktu, Sekinchan kalau saya salah sebut ya Perayaan *Ching Meng* kalau bulan tiga, bulan empat, sesak jadi jalan ini digunakan dan berlubang-lubang balik. Tak sampai saya kira enam (6) bulan dah berlubang balik disebabkan di kawasan kiri kanan nya adalah kawasan industri yang cukup pesat di Semenyih. Saya mohon pihak berwajib Kerajaan Negeri ataupun PBT mengkaji spesifikasi untuk menurap semula biarlah gunakan gred yang bagus supaya tidak berlaku pembaziran ini saya tengok untuk Jalan Sungai Lalang ini baguslah RM27 juta dibelanjakan tetapi sampai enam(6) bulan dah berlubang *because* treler, kontena yang besar-besar ada menyimpan mengeluarkan mungkin hasil kilang mereka untuk dieksport atau sebagainya. Memang ini berlaku saya lihat ini mungkin satu pembaziran kalau tidak dikaji contoh tadi di Kampung Sungai Purun juga selepas diturap sahaja tak sampai dua, tiga bulan hancur. Jadi ini saya harap pihak teknikal Jabatan Kerja Raya dapat mengkaji supaya tidak berlaku pembaziran. Dan saya juga ingin menyentuh tentang isu perparitan yang juga amat serius pada dua minggu lepas, berlaku satu banjir lumpur yang telah saya sebut baru-baru ini iaitu satu Pemaju Eco Hills SP Setia dah empat kali banjir lumpur di Kampung Rinching Hulu. Banjir lumpur ini berlaku kerana penolakan tanah dan sebagainya dan penduduk telah pun mengadu bahawa pemisah antara Taman Eco Hills ini dengan penduduk Rinching Hulu ini ketinggian tanah SP Setia ini adalah hampir 20 kaki dan saya tengok kerugian yang cukup besar hampir 14 rumah yang tepi perumahan ini jadi saya harap PBT ataupun Pihak Kerajaan Negeri dapat lah fokus mengkaji supaya tidak kampung-kampung di pinggir-pinggir perumahan yang besar. Saya difahamkan sekarang ini

projek perumahan itu 600 lebih 640 ekar dan saya difahamkan juga akan disambung fasa kedua nya 1000 ekar lagi. Jadi ini kita tidak menolak pembangunan yang berlaku cuma tidak mahu kawasan-kawasan pinggir yang mana kampung-kampung tradisi yang telah wujud melebihi mungkin 100 tahun ke atas mereka hari ini telah mengajukan kalau sekali, dua kali ok lah tapi masuk ini dah empat kali dah. Jadi saya mengharapkan sangat dari belanjawan yang diadakan ini kita pastikan lah kegunaannya tepat pada tempatnya mungkin kita boleh buat tembok pemisah atau pun longkang yang lebih dalam dan sebagainya untuk kebaikan khususnya di kawasan setempat khususnya di Semenyih mahu pun di seluruh Selangor itu sahaja Tuan Speaker. Terima kasih saya bagi laluan kepada rakan-rakan lain untuk menghabiskan untuk usul belanjawan ini. Terima kasih *Assalamualaikum Warahmatuallah Wabarakkatuh.*

TUAN SPEAKER: Sekarang saya jemput Tanjung Sepat dan saya menurunkan lagi had masa kepada 10 minit sebab nampak sambutan begitu hebat

Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN: Terima kasih Tuan Timbalan Speaker, di atas memberi kesempatan kepada saya untuk turut serta dalam membahaskan Usul Pembangunan bagi belanjawan bagi tahun hadapan. Tuan Timbalan Speaker, Tanjung Sepat ingin memulakan perbahasan ini dengan memulakan perbahasan ini dengan antaranya mengambil ucapan daripada teras pembangunan ataupun teras belanjawan yang telah diutarakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang antara teras-teras utama dalam belanjawan yang dibentangkan ini adalah untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat dan memastikan mutu kehidupan bertaraf dunia. Sudah tentu untuk mencapai hasrat dan harapan ini banyak perkara-perkara yang perlu dipertimbangkan. Di antaranya kemudahan-kemudahan infrastruktur yang menjadi topik hangat diperkatakan oleh pelbagai lapisan masyarakat sama ada mereka yang tinggal di desa-desa atau pun di bandar-bandar yang dan juga kota. Oleh sebab itu, prasarana atau pun jaringan jalan raya, serta perparitan perlu sentiasa dalam keadaan baik dan diselenggara secara berkala supaya ianya dapat memberi perkhidmatan yang baik tidak berlaku kesesakan dan juga tidak berlaku banjir lumpur atau pun banjir kilat di beberapa tempat. Bagi kawasan di bawah kawalan dan selenggaraan PBT saya rasa ianya tidak mempunyai banyak masalah kerana PBT sentiasa memantau longkang-longkang ataupun jalan-jalan raya yang di bawah kawalan PBT ianya tidak banyak masalah dan menunjukkan kemajuan dan pembaikan yang sangat membanggakan.

Manakala bagi kawasan kampung atau pun luar bandar, prasarana asas ini perlu diperbaiki dengan peruntukkan pembangunan sebanyak RM23.7juta untuk tahun 2014 berbanding RM29.244 juta bagi tahun 2013 adalah penurunan yang amat

memeranjatkan. Bagi Tanjung Sepat tatkala rakyat di kampung dan desa masih lagi ternanti-nanti bilakah jalan yang berlubang dan rosak akan diperbaiki. Parit dan longkang dinaiktarafkan atau pun banjir yang melanda akan dapat diatasi.

Dalam kesempatan ini juga Tanjung Sepat ingin merujuk kepada Vot P.01 Kod Projek 10020 Pembangunan Luar Bandar pada muka surat 60. Projek Ekonomi Kecil, Program Pembangunan Ekonomi Nelayan, Petani dan Penternak dengan peruntukkan sebanyak RM2.2 juta kumpulan ini sangat perlu diberi perhatian bagi kepada mereka yang bergantung penuh kepada sumber ekonomi yang berbentuk pertanian ataupun penternakan dan juga dalam aspek untuk mereka mencari sumber laut sebagai nelayan. Maka soal pengagihan kemudahan asas seperti peralatan dan tempat ataupun tanah perlu dipertimbangkan oleh Kerajaan Negeri dengan sewajarnya maka sebab itu Tanjung Sepat mengharapkan supaya *temporary occupation licence* ini diberikan kepada petani-petani yang kompeten dan bersungguh melaksanakan projek-projek pertanian di tempat masing-masing. Bagi kod rujukan kod 1002020 Pembangunan Kampung dengan ini dengan untuk melihat kemudahan atas peruntukkan sebanyak RM4 juta digunakan bagi keseluruhan Negeri Selangor. Begitu juga dengan aspek penyelenggaraan jalan-jalan luar bandar sebanyak RM4 juta perlulah dimanfaatkan sebaiknya. Oleh kerana kawasan luar bandar ataupun di desa ini merupakan suatu kawasan yang perlu dibantu dalam aspek dana pembangunan banyak jalan kampung dan parit-parit kampung tidak dapat diperbaiki atau pun diselenggarakan dengan baik dan teratur. Oleh sebab itu, saya mencadangkan supaya Kerajaan mengambil berat dalam aspek pemantauan dan juga penyelenggaraan jalan dan juga parit ini agar bukan sahaja tertumpu di kawasan-kawasan bandar atau pun pinggir bandar malahan kawasan-kawasan kampung juga perlu ditekankan aspek penyelenggaraannya secara berkala dan teratur. Merujuk kepada kod pembangunan P.01 PK.6 kod projek 10060 Pembangunan Usahawan merujuk kepada muka surat 64 kita ucapkan jutaan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Selangor yang telah memperuntukkan sejumlah wang yang begitu besar bagi melaksanakan program pembangunan usahawan yang merangkumi penyediaan dana industri kampung, promosi, latihan dan termasuk juga program meningkatkan produk usahawan. Dana berjumlah RM2.2 juta telah dimanfaatkan sebaiknya agar mereka yang benar-benar mempunyai merit yang selayaknya dibantu dan diberi perhatian kita tidak mahu mereka yang hanya sudah berjaya telah mempunyai keupayaan untuk berusaha sendiri terus dibantu ataupun mereka yang masih lagi merangkak dan berusaha untuk memperoleh dari segi sumber kewangan atau pun pendapatan ditinggalkan begitu sahaja. Kita perlu pastikan dana ini tidak hanya disalurkan kepada mereka yang telah berjaya dan telah pun boleh berdikari dengan sendiri. Bagi merujuk PK.20 Merakyatkan Ekonomi Negeri Selangor (MES) kod rujukan 10200 lima (5) tahun sepenggal sudah Pakatan Rakyat telah menerajui Negeri Selangor kini Penggal Kedua telah pun melabuhkan tirainya.

Kita semua mahukan aspek pembangunan desa luar bandar ditingkatkan. Tahniah kepada Pakatan Rakyat khususnya Menteri Besar Yang Amat Berhormat Sungai Ijok, Pelabuhan Kelang yang begitu menunjukkan kesungguhan dalam menentukan hasil yang diperoleh daripada Negeri Selangor ini digunakan balik untuk manfaat rakyat Negeri Selangor. Atas rekod cemerlang yang telah ditunjukkan selama 2008 sehingga 2013 ini. Banyak pencapaian besar yang dilakukan walau pun pemberian air pada mula 20 meter padu percuma itu dibantah oleh mereka yang tidak senang terhadap usaha Kerajaan Negeri ini untuk membantu rakyat Negeri Selangor.

Walau pun terpaksa dan akan membelanjakan lebih daripada RM600juta untuk tempoh 2011 hingga 2015 Selangor saya yakin dan percaya mampu untuk mempertahankan belanjawan berimbang yang telah ditunjukkan dalam tempoh lima tahun yang lalu. Tuan Timbalan Speaker, penyusunan industri air ketika ini seperti mana yang telah dimaklumkan oleh Amat Berhormat Menteri Besar menampakkan cahaya yang bersinar di hujungnya dan kita sentiasa mengharap dan sentiasa berdoa agar ianya beroleh kejayaan suatu hari nanti.

Perkara besar perlu kah perancangan baik perancangan rakyat tak rugi. Jika berjaya dalam perbincangan subsidi air harus ditambah lagi. Timbalan Speaker, bagi memajukan belia anak-anak muda aktiviti mereka bukan sekadar sukan atau bentuk hiburan semata mata dalam membentangkan belanjawan yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang mengemukakan cadangan penggunaan rizab kerajaan sebanyak RM50juta untuk memperkasakan golongan belia dan juga anak muda. Adalah amat penting aktiviti ataupun program yang bakal dilaksanakan digunakan menggunakan dana rizab ini perlu mencapai objektif jangka panjang mahupun jangka pendek. Bagi memastikan keberkesanan penggunaan dana yang diperuntukkan Tanjung Sepat mencadangkan agar program dan pengisian penggerak belia tempatan ataupun di PBT-PBT seluruh Negeri Selangor di tambah baik menjurus kepada pemimpin di masa akan datang. Untuk tujuan ini Tanjung Sepat

TIMBALAN SPEAKER: Minit yang terakhir Yang Berhormat

Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN: Sikit lagi. Untuk tujuan ini Tanjung Sepat mencadangkan agar satu Yayasan atau pun Akademik Pembangunan atau pun Usahawan Belia ditubuhkan bagi mencapai objektif yang diharapkan. Belia adalah aset terpenting bagi membina dan memimpin Negeri dan Negara di masa akan datang. Cadangan ini adalah berlanjutan daripada kejayaan besar dan potensi yang telah ditunjukkan dari Program *SPIES* yang dikendalikan oleh di bawah Exco Pendidikan Negeri Selangor yang kita sanjungi. Di mana kita telah memfokuskan graduan-graduan belia dan bakal melahirkan pemimpin-pemimpin di masa akan datang.

Dalam kesempatan ini Tanjung Sepat merujuk kepada Vot P.08 Jabatan Pertanian PK.2 kod projek 10020, kod projek 10050 muka surat 123 iaitu merupakan tentang pembangunan taman yang diperuntukkan sebanyak RM2.83juta yang merupakan menunjukkan keseriusan Kerajaan Negeri dalam usaha untuk membantu petani di Negeri Selangor. Pembangunan Industri Asas Tani juga memperuntukkan RM1.25juta ini adalah juga merupakan

TIMBALAN SPEAKER: Ayat terakhir

Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN: Usaha Kerajaan Negeri yang sentiasa prihatin terhadap rakyat di Negeri Selangor ini. Akhirnya Timbalan Tuan Speaker, Tanjung Sepat dengan ini menyokong sepenuhnya belanjawan yang telah diperuntukkan bagi pembangunan Negeri Selangor untuk 2014. Terima kasih.

TIMBALAN SPEAKER: Bukit Gasing

Y.B. TUAN RAJIV AL RISHYAKARAN: Terima kasih Tuan Speaker kerana mengizinkan Bukit Gasing mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Saya ingin sentuh kepada dua perkara sahaja dalam perbahasan hari ini. Yang pertama berkenaan B16- Jabatan Perancang Bandar dan Desa khususnya cadangan untuk rancangan struktur negeri 2035, saya ingin ucapkan tahniah pada kerajaan Negeri kerana telah memperuntukkan sejumlah wang untuk membuat kajian semula kepada rancangan struktur negeri. Pada asalnya saya memang bercadang untuk sidang dewan ini untuk memberi satu cadangan bahawa rancangan struktur negeri yang kita sedia ada, sudah *outdated* (dengan izin) dan perlu ditambah baik. Tetapi saya lihat dengan gembiranya bahawa kita telah memperuntukkan wang untuk membuat satu kajian baru dan membuat rancangan struktur negeri 2035. Rancangan struktur negeri ini sangat penting. Bukan sahaja untuk menggariskan zon-zon, Zon Pertanian, Zon Hutan Simpan, Zon Tadahan Air, Zon Perbandaran tetapi juga penting dari segi infrastruktur. Yang saya ingin menekankan memandangkan masa tidak panjang, yang saya boleh menggunakan pada hari ini ialah satu perkara ialah infrastruktur trafik. Rancangan struktur negeri yang asal tidak memberi tekanan yang khusus kepada pengurusan trafik. Maklumlah ini lah satu masalah yang sangat besar yang dihadapi oleh penduduk-penduduk terutamanya di Lembah Klang. Masalah trafik jam pada setiap hari pada untuk pergi kerja dan balik dari kerja memang cukup membebankan. Lebih daripada satu jam di jalan raya bukanlah satu perkara luar biasa dan ini adalah perkara yang tidak bagus kepada aspek sosial, kekeluargaan dan juga untuk ekonomi negeri ini. Jadi saya ingin mencadangkan, rancangan struktur negeri ini, perlulah mengambil kira masalah-masalah trafik yang dihadapi. Kita perlu membuat satu *masterplan* (dengan izin) untuk trafik dan pengangkutan awam yang menyeluruh untuk negeri Selangor.

Kita perlu merancang daripada Subang Jaya ke Ampang, daripada Kajang ke Cheras, daripada Shah Alam ke Balakong. Macam mana pergerakan trafik, macam mana pembangunan yang akan datang, akan distrukturkan . Apakah lebu raya-lebu raya yang wajar dibina. Kita tak harusnya membina lebu raya, LRT dan MRT mengikut *proposal*, mengikut cadangan daripada pihak swasta sahaja tetapi kita perlu melihat secara holistiknya apa yang diperlukan, apa yang diperlukan supaya rakyat negeri Selangor tidak dibebankan dengan masalah trafik. Apakah yang kita perlukan untuk memastikan setiap rakyat Selangor boleh pergi dari mana-mana kawasan di Selangor kepada kawasan lain. Dari point A ke point B (dengan izin) dengan menggunakan pengangkutan awam. Macam mana kita nak pastikan bahawa setiap kawasan terutamanya Seri kembangan yang tiada LRT pada hari ini. Macam mana kita boleh sampai ke sana. Macam mana kita nak pergi daripada Subang Jaya ke Puchong walaupun berhampiran, tiada pengangkutan awam. Semua perkara ini pada pandangan saya adalah satu yang sangat penting. Yang perlu dimasukkan ke dalam rancangan negeri Selangor. Jadi saya harap skop-skop kerja dalam membuat rancangan Negeri Selangor 2035 ini akan mengambil kira satu *traffic and transport masterplan*. Setakat ini, setahu saya di Malaysia tidak ada mana-mana negeri melainkan Pulau Pinang yang memulakan kajian ini. Saya harap Selangor negeri kedua yang akan memulakan kajian ini dan haraplah kita boleh dengan ini mengatasi masalah trafik di kawasan Selangor. Dan haraplah dengan ini kita boleh mencari pelabur untuk datang, untuk membina, lebu raya-lebu raya yang diperlukan, membina track-track MRT dan LRT yang diperlukan supaya kita dapat mengatasi masalah trafik. Perancangan bandar di bawah kawalan kita. Walaupun melesenkan pengangkutan awam di bawah kerajaan pusat tetapi kita harus ingat perancangan bandar, perancangan negeri di bawah tangan kerajaan negeri dan perlu diambil satu perhatian serius. Penting kerana kualiti kehidupan semua rakyat Selangor. Penting kerana ekonomi yang akan dibantu jika kita dapat bergerak dengan senang, kita tidak membuang masa, *opportunity cost* (dengan izin) dengan trafik jam.

Yang kedua, saya ingin memberi laluan kepada ramai rakan-rakan saya lagi yang ingin berbahas. Jadi saya pendeklah pada petang ini. Yang kedua di bawah P14, saya telah lihat banyak masjid telah disenaraikan daripada seluruh negeri Selangor. Pelbagai daerah untuk pembangunan. Di sini saya perhatikan antara satu masjid yang sedang dirancang, yang ada rancangan untuk dinaik taraf ialah masjid Tun Abdul Aziz di Seksyen 14, Petaling Jaya. Saya difahamkan kos menaik taraf adalah 20juta ringgit. Masjid ini adalah satu masjid yang lebih tua daripada saya, yang dibina dalam tahun 70an dan memang sudah sampai masanya untuk membuat penaiktarafan tersebut. Saya mohon masjid , permohonan masjid ini juga akan dimasukkan dan diberi sedikit peruntukkan untuk membantu mereka dalam usaha-usaha menaik taraf. Walaupun lampu hijau tapi saya , saya kena prihatin kepada rakan-rakan saya yang tidak ada

banyak masa lagi. Jadi dengan ini saya mohon untuk menyokong usul pembangunan ini. Terima kasih.

TIMBALAN TUAN SPEAKER : Paya Jaras.

YB TUAN MOHD KHAIRUDIN BIN OTHMAN : Terima kasih Speaker. Saya tadi bila kata nak duduk bagi laluan tu, dah nak duduk, rupanya bercakap lagi. Speaker, Tuan Speaker, saya nak bercakap tentang isu yang kita jarang-jarang bercakap. Kalau kita bercerita masalah ekonomi, memang Dato Menteri Besar kita jaguh hal ekonomi. Bercakap masalah infra, kita jaguh di negeri Selangor. Nak buat jalan, Guthrie, negeri-negeri lain tak ada guthrie, kita je ada. Saya nak cakap topik yang semua orang tahu tetapi kita terlupa. Ada di mana-mana tapi tak semua orang nampak. Berhubung kait, saya mula dengan mukadimah saya dengan apa yang disebut oleh Allah... (petikan ayat al-quran)..... yang maksudnya “Adapun pada anak yatim, janganlah engkau berlaku kasar. Pada orang yang meminta, yang kurang mampu, janganlah engkau tengking dan herdik, maka adapun nikmat Tuhan-mu, hendaklah engkau sebut-sebutkan sebagai tanda syukur padanya. Ini ayat yang menunjukkan bagaimana adanya golongan orang kurang upaya, anak yatim yang memerlukan perhatian. Sultan Selangor Tuanku, dalam titah pembukaan sidang ada menyebut, bahawa “beta ingin melihat orang asli, dan orang OKU ini terus dibela dalam segala aspek kehidupan supaya mereka boleh duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan semua rakyat di Selangor”. Dato’ Menteri Besar Selangor dalam belanjawannya menyebut dalam pantun yang ringkas, “ Rajin membaca kitab dan buku, ilmu di manfaat juga dibahagi, warga emas, ibu tunggal dan OKU sentiasa dibantu dan disayangi”. Cantik bahasa pembentangan, elok tetapi mari kita lihat fakta, yang ada dalam negeri Selangor ini, adakah kita bercakap seiring dengan prestasi yang kita buat di Selangor ini. Jawapan yang diberi dalam soalan bertulis, soalan lisan. Apa jawapan kerajaan? Menyebut OKU yang didaftarkan adalah sebanyak 5868. OKU yang menerima manfaat di bawah Skim Usia Emas, hanya 759, berapa peratus itu hanya 13% sahaja yang menerima Skim Usia Emas. Di Selangor banyak agensi yang kita dengar hal OKU ini tetapi tuan-tuan dan puan-puan, YB sekalian, hari ini saya terkejut apabila kerajaan mendedahkan, agensi-agensinya pelaksana, berhubung kait dengan OKU ini, ada 23 agensi negeri yang ada dalam negeri Selangor ini. Semua agensi ini duduk di bawah Kementerian Pusat, tidak ada di bawah agensi negeri Selangor. Soalnya di mana keseriusan kita? YB sekalian, kita diberitahu hanya ada 2 PBT yang mesra pada OKU, MBPJ dan MBSA. Persoalannya di mana PBT-PBT yang lain. Saya membangkitkan isu ini kerana OKU, suka tidak suka, mahu tidak mahu, di dalam mana tempat sekali pun, dalam DUN mana sekalipun, OKU ini wujud di mana-mana. Dan sangat

memeranjatkan apabila kita tahu perbelanjaan seorang OKU sebulan untuk perubatan OKU ini mencecah sehingga 3000 ringgit untuk pemulihan. Yang ini dijangkakan sebagai tiga, empat kali ganda daripada kos anak biasa. Soalnya di mana kita, di mana kerajaan negeri, sedangkan ibu-ibu, bapa-bapa mereka ini setiap hari menantikan harapan di manakah dan bilakah lagi bantuan akan tiba kepada mereka. Kita lupa orang-orang ini. Sedangkan dalam pilihan raya saya sebut kita usung mereka, kita naik kerusi roda, kita naik van, naik ambulans, bawa tempat mengundi, kita suruh dia pangkah kita. Tetapi setelah kita menang, kita hampir-hampir terlupa. Saya menaruh harapan yang tinggi kepada Dato' Menteri Besar. Kita jaguh di mana-mana, ekonomi kita baik, infra kita baik, semua benda kita baik, kita top tapi saya minta Dato' Menteri Besar tolong tengok pada OKU ini. Tolong. Kerana, ini di bawah, saya lupa nak rujuk P tadi, semangat terlebih.

TIMBALAN TUAN SPEAKER : Takpe ini tak payah rujuk P, tak payah spesifik pun takpe.

YB TUAN MOHD KHAIRUDIN BIN OTHMAN : Tak payah rujuk. Spesifik. Baik saya teruskan di bawah hal kebajikan.

TIMBALAN TUAN SPEAKER : Minit terakhir juga ya.

YB TUAN MOHD KHAIRUDIN BIN OTHMAN : Oh dah minit terakhir dah. Ia lah saya minta Dato' Menteri Besar, tak banyak OKU ni, kita kadang-kadang, kita perlu melihat pada mereka ini. Tidak banyak pun golongan-golongan ini. Apa salahnya kalau kita wujudkan pendidikan dalam komuniti. Macam kita buat tuisyen rakyat. Macam kita buat Skim Usia Emas, ya Skim Usia Emas kita boleh bagi. Bagi bantuan 100ringgit. Tetapi bagaimana kesusahan seharian mereka ini. Kalaulah kita boleh menyatukan keluarga-keluarga ini. Dalam satu skim pendidikan komuniti di bawah *style* Kerajaan negeri (dengan izin), boleh jadi kita boleh membantu dari segi moral mereka-mereka ini. Dan saya lihat EXCO Pendidikan lupa, mungkin, kenapa kita tidak SPIES kan ibu-ibu, bapa-bapa kepada OKU-OKU ini. Kita tidak kumpulkan mereka ini. Kalau tidak kumpul, mereka bersendirian. Bila bersendirian, dia mula merasa oh ADUN ni tak layan dia, Kerajaan tak ambil berat pada dia, sedangkan kerajaan telah mengumumkan kita beri lebih 7 juta lebih. Tuan Speaker, saya mencadangkan wujudkan pusat sokongan mereka ini. Carilah rumah kedai yang mudah-mudah. Tidak perlu satu bangunan yang besar yang cantik. Rumah kedai yang mana di dalam tu ada facility (dengan izin), ada jurulatih dengan jurulatih yang terlatih supaya mereka boleh datang dan berinteraksi di antara satu sama lain. Saya mohon kalau Dato Menteri Besar suruh Paya Jaras melutut pada Dato Menteri Besar mohon bantuan, saya bersedia untuk melutut dan minta bantu melihat

pada OKU ini. Tuan Speaker,

TIMBALAN TUAN SPEAKER : Ayat terakhir.

YB TUAN MOHD KHAIRUDIN BIN OTHMAN : Ayat terakhir. Hal tanah, pengambilan masjid. Tolong selesaikan hal masjid ini. Ada tanah, yang mana surau duduk di atas tanah di Paya Jaras Dalam, Surau Taqwaniah. Orang nak bangun pun tak boleh, nak membesarkan pun tak boleh, nak buat program pun tak boleh kerana surau ini duduk di atas tanah orang. Kita telah setuju untuk mengambil alih tapi sehingga hari ini belum selesai. Ada kes kedua, tapak masjid di Kampung Melayu Subang, Sungai Buluh, tapak tidak ada masalah Cuma laluan untuk ke masjid itu terpaksa melalui tanah orang. Lot yang disebut sebagai Lot 64321, PT 35378 yang menghalang. Saya minta kerajaan melihat perkara ini sebagaimana melihat pada masalah kuil-kuil yang saya rasa masih perlu lagi kita selesaikan pendaftaran kuil-kuil yang ada pada hari ini. Sekolah agama, sikit. Sekolah agama, ini adalah *baby* kita (dengan izin). Sistem dalam Malaysia, agama di bawah kerajaan negeri. Kita jangan lupa benda yang di bawah kerajaan negeri, hal agama. Sekolah agama ini masih di peringkat yang daif. Di Paya Jaras, baru ada pembangunan yang tengah dibina, sekolah Menengah Agama, yang ada di Paya Jaras. Masalahnya ia terletak agak jauh daripada masyarakat-masyarakat. Saya nak mencadangkan pada Kerajaan tolong bina asrama yang ada kepada sekolah-sekolah agama ini supaya anak-anak ini, mereka-mereka ini boleh menetap di asrama yang mana mak bapa mereka susah untuk menghantar anak-anak ke sekolah. Sungai , masalah sungai.

TIMBALAN TUAN SPEAKER : Ini dah banyak koma dah.

YB TUAN MOHD KHAIRUDIN BIN OTHMAN : Banyak koma, dia tak abis. Senafas lagi.

TIMBALAN TUAN SPEAKER : Ini dah betul-betul ayat terakhir dah. Dah 4.30.

YB TUAN MOHD KHAIRUDIN BIN OTHMAN : Ayat terakhir. Ayat terakhir saya sungai. Sungai saya minta banjir lumpur yang berlaku November baru-baru ini adalah sangat-sangat memeritkan. Saya berterima kasih kepada YB EXCO infra, yang turun dalam masa 4 hari berlaku, terus turun ke padang dan saya berterima kasih juga pada Datuk Bandar MBSA dengan pasukan mereka yang turun melihat sendiri tempat kejadian banjir lumpur. Cuma masalah yang kita lihat adalah dulunya saluran parit sekarang dah jadi sungai. Jadi persoalan sekarang, berapa lama Kerajaan perlu untuk

mengazetkan sungai-sungai ini supaya JPS boleh masuk untuk menyelesaikan masalah. Saya menyokong penuh belanjawan ini dan dengan itu terima kasih.

TIMBALAN TUAN SPEAKER : Terima kasih YB-YB sekalian. Saya ingin mengucapkan tahniah pada semua YB-YB yang turut serta dalam perbahasan usul pembangunan. Semuanya ada 21 YB yang turut serta daripada semalam sehingga ke hari ini dan bagi saya ini satu prestasi yang cukup membanggakan. Maka kita akan terus esok, kepada selepas waktu pertanyaan, kita akan terus kepada penjelasan dan penggulungan daripada pihak Kerajaan. Jam sudah menunjukkan 4.31 petang. Perbahasan ditangguhkan ke 9.30 pagi 29 November 2013. Perbahasan ditangguhkan.

